

[Dokumen ini belum disemak]

## **PARLIMEN KESEBELAS**

### **PENGGAL PERTAMA MESYUARAT KETIGA**

<b>Bil. 62</b>	<b>Khamis</b>	<b>2 Disember 2004</b>
<b>K A N D U N G A N</b>		
<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)	
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Halaman 26)	
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b> Rang Undang-undang Perbekalan 2005		
<b><u>Jawatankuasa:-</u></b>		
<b><u>Jadual:-</u></b>		
Maksud B.49	(Halaman 26)	
Maksud B.60	(Halaman 70)	
Maksud B.61	(Halaman 114)	
<b>USUL:</b> Usul Anggaran Pembangunan 2005		
<b><u>Jawatankuasa:-</u></b>		
Maksud P.49	(Halaman 26)	
Maksud P.60	(Halaman 70)	
Maksud P.61	(Halaman 114)	

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Khamis, 2 Disember 2004**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng)  
**mempengerusikan Mesyuarat]**

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Shim Paw Fatt [Tawau]** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk mengurangkan nisbah antara anggota polis dan orang awam di negeri Sabah.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Wira**

**Abu Seman Yusop]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Tawau.

Bagi menjawab soalan ini ialah untuk mengurangkan nisbah anggota polis dengan orang awam negeri Sabah, iaitu satu anggota polis, 616 penduduk awam, rancangan telah dibuat untuk menambah bilangan pegawai beruniform. Penambahan jawatan ini akan dibuat secara berperingkat dari masa ke semasa bergantung kepada kemampuan pihak Polis Diraja Malaysia untuk melatih rekrut polis dalam sesuatu masa dan peruntukan wang semasa. Terima kasih.

**Tuan Shim Paw Fatt [Tawau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya ingin bertanya dalam langkah-langkah yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, adakah kerajaan mengambil kira golongan pekerja asing yang memegang dokumen perjalanan sah dan pendatang tanpa izin yang begitu ramai di negeri Sabah sekarang?

**Datuk Wira Abu Seman bin Yusop:** Tuan Yang di-Pertua, dalam perkiraan penduduk Malaysia di Sabah, kita tidak mengambil kira berkaitan dengan pendatang asing yang ada di dalam negeri Sabah.

[*Soalan No. 2 – Y.B. Tuan Mohd. Razali bin Che Mamat (Kuala Krai) – tidak hadir*]

**3. Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:-

- (a) hala tuju dan pendirian kerajaan sebagai peneraju utama Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) dalam menangani isu-isu kezaliman, pembunuhan dan keganasan yang dilontarkan oleh Barat terhadap negara seperti Iraq, Afghanistan dan Palestin; dan
- (b) tindakan dan dasar kerajaan dalam menangani isu penolakan serta penghinaan oleh Israel yang didalangi oleh Amerika Syarikat terhadap keputusan merobohkan benteng pemisah sempadan yang dibuat oleh Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ).

**Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kinabatangan di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, isu kezaliman, pembunuhan dan keganasan adalah isu-isu yang menjadi cabaran kepada *order* dunia masa kini yang perlu ditangani dengan baik dan sempurna.

Malaysia dan NAM mengecam dan mengutuk sebarang tindakan kejam serta keganasan yang berlaku di mana sahaja di dunia, bukan sahaja ianya terhad kepada Iraq, Afghanistan ataupun Palestin.

Kita berharap negara-negara lain di dunia mempunyai pendirian yang sama, mengutuk kezaliman dan keganasan yang berlaku. Kita percaya bahawa tindakan ganas tidak akan menyumbang kepada sebarang penyelesaian masalah ataupun konflik.

Yang pentingnya dalam menangani isu keganasan ataupun kezaliman, kita mesti mengetahui sebab-sebab bagi mengatasi perkara ini untuk diberikan pendekatan yang tepat dan sempurna. Melalui pendekatan yang tepat dan sempurna, ia akan mengelakkan daripada konflik terus berlaku.

Oleh itu, kita sentiasa berpendirian bahawa apa juga konflik yang berlaku, tidak seharusnya ada campur tangan menggunakan pendekatan ketenteraan bagi

menyelesaikan masalah. Segala masalah dunia perlu ditangani melalui sistem *multi-lateral* iaitu melalui Bangsa-Bangsa Bersatu.

Tuan Yang di-Pertua, kita menggesa masyarakat antarabangsa untuk mengambil pendekatan yang konsisten tanpa sikap prejedis atau pilih kasih kerana kaum ataupun kumpulan etnik ataupun pendirian negara-negara tertentu. Adalah tidak adil untuk dibuat pendekatan semata-mata berdasarkan sebelah pihak ataupun tidak mengambil kira kepentingan dan keamanan serta keselamatan dunia secara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata lain sebarang tindakan kejam atau keganasan yang dilakukan oleh mana-mana pihak yang terlibat hendaklah dikutuk dan tindakan yang sewajarnya diambil ke atas mereka.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan (b), keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa pada 9 Julai 2004 berkenaan dengan benteng pemisah sempadan di kawasan negara Palestin yang diduduki oleh Israel adalah salah di sisi undang-undang antarabangsa.

Selaku Pengerusi NAM dan OIC, Malaysia telah menulis surat kepada ketua-ketua negara serta ahli-ahli tetap dan sementara Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu, Setiausaha Agung Kofi Annan dan Presiden Perhimpunan Agung PBB, di antara lain menyatakan sokongan terhadap keputusan ICJ dan menekankan kepentingan peranan yang perlu dimainkan oleh Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk memastikan Israel menghentikan pembinaan tembok pemisah tersebut.

Kita juga telah menyampaikan kesediaan kerajaan bekerjasama dengan mereka semua untuk menyumbang kepada penyelesaian masalah konflik Israel/Palestin.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia juga telah menganjurkan kumpulan troika ataupun tiga negara yang menjadi ahli di dalam NAM dan OIC untuk bertemu dengan Setiausaha Agung OIC, Liga Arab dan meminta kerjasama mereka dalam memberikan tekanan untuk Israel menghormati undang-undang antarabangsa dan mengikut keputusan yang diputuskan oleh Mahkamah Keadilan Antarabangsa walaupun ianya berbentuk sebagai keputusan ataupun penghakiman nasihat.

Kita juga telah mengambil bahagian yang aktif dalam sesi tergempar Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu ke-10 mengenai, dengan izin, *Illegal Israeli actions in the occupied East Juruselam and the rest of the occupied Palestinian*

Territory pada 20 Julai 2004, di mana antara lain kita telah mengecam Israel kerana tidak menghiraukan keputusan ICJ dan meneruskan pembinaan tembok pemisah itu.

Malaysia akan tetap membawa isu ke mesyuarat persidangan antarabangsa supaya Israel terus digesa untuk menghentikan pembinaan tempoh pemisah tersebut. Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dia datang untuk menjawab soalan kita. Menteri prihatin walaupun sibuk. *[Tepuk]*

Soalan tambahan, saya sempat melihat kronologi peristiwa Israel. Dia tidak pernah akur dengan mana-mana keputusan dunia termasuk keputusan ICJ, PBB, Dunia-dunia Berkecuali. Kenapakah Israel bersikap demikian dan kenapa tidak pernah dihukum dan seterusnya? Apakah mempertahankan diri ini dipanggil pengganas? Sebab Israel membunuh rakyat Palestin dan Palestin mempertahankan diri, tetapi mereka dilabel sebagai pengganas. Apa pendirian OIC, negara-negara Islam dalam soal ini? Ataupun dia sesuainya dengan nama dia: "Oh, I see". Itu sahaja, lebih baik tukar nama OIC itu sebab orang masyarakat menyifatkan dia "Oh, I see". "Oh, saya lihat", kata mereka, tetapi tidak ada tindakan. Minta penjelasan.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas semangat yang ditunjukkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kinabatangan dan kadangkala saya khuatir dengan semangat beliau. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya cukup berasa berpuas hati melihat bahawa Ahli-ahli Parlimen kita mengikut dengan dekat perkembangan antarabangsa dan kronologi sejarah yang menunjukkan bahawa Israel adalah sebuah negara istimewa tetapi kita mesti menerima hakikat bahawa keistimewaan Israel ini oleh kerana mereka didukung oleh satu kuasa besar yang tidak ada tolak bandingnya. Oleh itu Israel akan sentiasa mengambil tindakan selagi ianya tidak dihukum atau diperintah atau ditekan oleh kuasa besar tersebut bagi menentukan ia patuh kepada keputusan-keputusan yang telah dibuat oleh masyarakat antarabangsa.

Walau bagaimanapun, segala usul-usul yang dikemukakan di Majlis Keselamatan atau di Bangsa-Bangsa Bersatu, adalah usul-usul yang tidak mempunyai kesan penghukuman, sebab itu Israel sentiasa dapat mencari jalan untuk keluar daripada segala tindakan yang diambil oleh Bangsa-Bangsa Bersatu dan tidak

langsung menghiraukan keputusan-keputusan itu, selagi sponsornya, dengan izin, tidak menyuruh ataupun meminta mereka untuk mematuhinya.

Oleh itu, kuasa Israel adalah suatu kuasa yang agak besar jika dibandingkan dengan saiznya, tetapi kita mesti mengetahui bahawa Israel sebagaimana saya katakan adalah satu negara yang mempunyai perlindungan yang kukuh dan kuat.

OIC ini, saya minta maaf kepada Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat diminta, supaya tidak usahlah panggil dia “Oh I see”. Kalau kita panggil dia “Oh, I see”, mungkin kita akan mencerminkan kegagalan Malaysia sebagai sebuah negara yang menjadi Pengerusi. Dan semenjak kita menjadi Pengerusi, banyak tindakan yang telah kita ambil untuk memberikan kredibiliti dan penghormatan masyarakat antarabangsa terhadap segala perkara yang dilakukan oleh OIC termasuk di dalam kita membawa ke tengah sekali lagi isu Palestin, isu Iraq kepada Bangsa-Bangsa Bersatu, sama ada di dalam persidangan ataupun di dalam berjumpa dengan Setiausaha Agung dan negara-negara ahli tetap dalam Majlis Keselamatan. Terima kasih.

**Tuan M. Kula Segaran:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu apakah kes-kes yang telah dirujuk oleh kerajaan kepada Mahkamah Keadilan Antarabangsa dan apakah situasi terkini mengenai rujukan kes Batu Putih?

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Yang Berhormat patut lebih faham, walaupun kita ada sebut Mahkamah Keadilan, dalam soal ini ia tidak kena mengena dengan kes-kes yang kita bawa. Ia berkenaan dengan kes tembok pemisah Israel dan Palestin. Oleh itu soalan itu terkeluar, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Tuan M. Kula Segaran:** Yang Berhormat tidak berani, tidak ada ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Oh, Menteri kata terkeluar, terkeluar.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Salam Sejahtera.

**Tuan M. Kula Segaran:** Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Wahai Ipoh Barat, duduklah!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Menteri sudah jawab, sudah jawab, terkeluar dari soalan asal.

**Tuan M. Kula Segaran:** Bukan terkeluar. Dia sebagai seorang Menteri, mesti boleh jawab soalan yang saya ....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Tuan M. Kula Segaran:** Tidak ada asaskah?

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Tidak tahukah? Terkeluar, terkeluarlah!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, terkeluar. Yang Berhormat, bukan dia tidak tahu jawab, tapi terkeluar daripada soalan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, teruskan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Terkeluar bererti *out!* ....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Habislah, DAP memang selalu keluar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Sri Gading, Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ya, okay. Tuan Yang di-Pertua, ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sri Gading, sila duduk dahulu. Sri Gading, sila duduk sekejap.

**Seorang Ahli:** DAP memang selalu keluar juga.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. James Dawos Mamit:** Ya, tidak tahukah prosedur Parlimen?

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Tidak tahulah! Oh, oh, dia MP barulah!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik. Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagai rakyat Malaysia, saya bangga dengan pendirian negara saya Malaysia sebagaimana yang dicerminkan dalam jawapan oleh Menteri Luar kita tadi. Suara yang mencari kedamaian dan keadilan, ini suara Malaysia apa yang dijawab oleh Menteri Luar.

Cuma saya hendak bertanya, apakah perkataan keadilan, perkataan keadilan ada di kamus antarabangsa. Jelas dan terang hari-hari Amerika membunuh orang

Iraq, hari-hari. Hari-hari, orang Israel bunuh orang Palestin, hari-hari. Seluruh dunia mengutuk, semua dunia mengutuk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Soalan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ya, semua dunia mengutuk, keganasan, kezaliman yang dilakukan oleh Amerika kepada negara-negara seperti Iraq, Palestin ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat. Yang Berhormat, soalan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Soalan akan sampai Tuan Yang di-Pertua. Saya harap Tuan Yang di-Pertua bersabar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya takut nanti terkeluar juga *[Dewan riuh][Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tidak Tuan Yang di-Pertua. Tidak. Tidak. Tidak Tuan Yang di-Pertua. Soalannya Tuan Yang di-Pertua, sampai bila dunia harus membiarkan kelakuan biadab yang tidak berperikemanusiaan yang dilakukan oleh Israel kepada rakyat Palestin yang dilakukan oleh tentera penceroboh Amerika di Iraq. Sampai bila? Apakah dunia yang melahirkan rasa penentangan kezaliman ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah soalan sudah keluar. Cukup. Menteri boleh jawab.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Satu lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak boleh, satu sahaja. Satu sahaja. Sila duduk Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ya, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ya, jadi itu Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya macam juga Menteri Luar dan seluruh rakyat Malaysia yang cintakan kedamaian dan keamanan, kita minta .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat hendak jawapankah? Hendak jawapankah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Hendak jawapan, sila duduk.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, sekurang-kurangnya Ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional tahu macam mana hendak mengaitkan soalan itu kepada soalan asal. Tetapi dia sudah lari.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak, dia tidak larilah.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sering kali menegaskan bahawa kekerasan bukanlah cara yang terbaik bagi menangani isu antarabangsa. Hala tuju NAM di bawah kepimpinan Malaysia adalah berdasarkan piagam dan undang-undang antarabangsa yang memperlihatkan integriti dan keadilan di dalam menangani sebarang konflik antarabangsa.

Malaysia selaku Pengerusi NAM tidak akan berganjak dan sentiasa menentang dan mengutuk keras tindakan negara-negara Barat yang membela kangkan amalan diplomasi pelbagai hala. Walau bagaimanapun, kita merasa sedih melihat segala kejadian dan kezaliman yang berlaku sama ada di bumi Palestin ataupun Iraq. Selagi kita tidak mempunyai kekuatan sama ada dalam bentuk politik, ekonomi ataupun ketenteraan selagi itulah kita kena bergantung kepada sistem pelbagai hala dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Melaluinya kita perlu terus mendesak supaya masyarakat antarabangsa mengambil tindakan tegas dan menghentikan segala perkara yang berlaku sama ada di Iraq ataupun di Palestin. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**[Soalan No. 4 – Y.B Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) tidak hadir]**

5. **Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan selaras dengan peningkatan kepentingan sektor pelancongan di dalam ekonomi Sabah, bilakah kerajaan bercadang membesarkan Lapangan Terbang Kota Kinabalu (KKIA) dan adakah kerajaan bercadang untuk menjadikan KKIA sebagai lapangan terbang pangkalan kedua (the second hub) negara. Jika ya, apakah tindakan tertentu telah dilaksanakan.

**Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan, kerajaan telah pun bersetuju untuk menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu. Kementerian Pengangkutan kini sedang menyediakan skop kerja bagi projek berkenaan. Skop kerja tersebut akan mengambil kira kepentingan dan keselesaan penumpang-penumpang serta peningkatan pelancong-pelancong ke negeri Sabah.

KLIA adalah pintu masuk utama ke Malaysia. Lapangan Terbang Kota Kinabalu merupakan satu daripada 3 *secondary gateway* dengan izin selain dari Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching. Dari jumlah trafik penumpang Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu merupakan lapangan terbang kedua paling sibuk di Malaysia.

Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu telah mengalami kadar pertumbuhan sebanyak 6% sejak tahun 1999 dan pada tahun 2003 telah mengendalikan seramai 3.3 juta penumpang. Bagi 9 bulan pertama tahun 2004, kadar pertumbuhan trafik penumpang adalah 16.9% bersamaan dengan 2.86 juta penumpang.

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah tertentu untuk memajukan lapangan terbang ini yang mana turut menyumbang ke arah peningkatan industri pelancongan di negeri Sabah. Antaranya mulai tahun 2004, kerajaan telah memberi pengecualian caj pendaratan untuk menggalakkan syarikat-syarikat penerbangan asing beroperasi ke Kota Kinabalu.

Dalam perjanjian-perjanjian perkhidmatan udara bilateral, Kota Kinabalu telah ditawarkan sebagai sebuah destinasi kepada syarikat-syarikat penerbangan asing. Langkah ini telah dan akan terus membantu Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu mempertingkatkan *connectivity* nya dengan beberapa destinasi utama di rantau ini.

Kini ia mempunyai perkhidmatan udara ke-15 destinasi antarabangsa. Kerajaan secara berterusan mengkaji peluang-peluang baru untuk memajukan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu. Sekian, terima kasih.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah walaupun saya mengalu-alukan keputusan kerajaan untuk membesarkan lapangan terbang antarabangsa Kota Kinabalu tetapi melihat daripada apa yang telah dijelaskan tadi bahawa KKIA telah pun menjadi sebuah pangkalan lapangan terbang yang begitu penting dan telah mengalami perkembangan yang begitu pesat, mengapakah Kementerian Pengangkutan dan kerajaan sendiri tidak mengambil tindakan untuk mengubah lokasi lapangan terbang itu ke tempat yang lebih luas dan yang lebih selesa kerana seperti mana yang kita tahu lokasi KKIA itu adalah berada di bandar Kota Kinabalu itu sendiri.

Oleh sebab itu saya khuatir bahawa kita memerlukan untuk mengadakan sebuah lagi lapangan terbang di dalam jangka yang terdekat ini kerana sekiranya berlaku peningkatan yang banyak terhadap kedatangan pelancong-pelancong kemungkinan ini akan memberikan suatu masalah yang besar kepada pembangunan bandar Kota Kinabalu dan juga pencemaran udara di kawasan itu.

Soalan saya, adakah kerajaan dalam masa yang terdekat ini bercadang untuk memindahkan lokasi lapangan terbang itu ke tempat yang lebih besar dan lebih selesa seperti mana KLIA.

**Dato' Seri Chan Kong Choy:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Kerajaan telah membuat keputusan untuk mempertingkatkan lapangan terbang yang sedia ada oleh kerana kita dapati bahawa lokasi lapangan terbang ini adalah sangat sesuai dan strategi dan cukup luas untuk perkembangan yang akan datang.

Dalam cadangan skop kerja yang dijalankan oleh kementerian saya adalah termasuk pemanjangan landasan dari 2,988 meter kepada 3,780 meter untuk menampung operasi *aircraft* Boeing 747-400 dan Airbus 380 – *aircraft* yang terbesar yang akan datang. Selain dari itu, kita juga akan meningkatkan bangunan terminal daripada 20,654 meter persegi kepada 54,000 meter persegi untuk mengendalikan 6 juta penumpang setahun. Sekarang ini lapangan terbang ini cuma mencukupi untuk menampung 3 juta penumpang sahaja. Bila peningkatan ini dilakukan, ia akan menjadi dua kali keupayaannya untuk mengendalikan penumpang. Maka kita berpendapat bahawa selain daripada kedudukan yang strategi dan sesuai, ia cukup luas untuk menampung keperluan yang dikehendak oleh negeri Sabah dan juga kawasan itu untuk beberapa tahun yang akan datang. Maka oleh kerana itu kita membuat keputusan untuk mengekalkan lokasi yang sedia ada. Sekian, terima kasih.

**Datuk Ronald Kiandee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Insiden tergelincir sebuah kapal terbang yang berlaku di KKIA baru-baru ini telah menyebabkan keadaan yang huru hara dan kucar kacir yang berlaku di KKIA. Ini berpunca kerana KKIA cuma mempunyai satu landasan kapal terbang untuk mendarat *take off*.

Dalam penerangan Yang Berhormat Menteri tadi, skop kerja yang akan diperbesarkan untuk KKIA ini juga melibatkan pemanjangan satu landasan. Adakah kementerian mengambil kira untuk menambah dua landasan untuk mengelak keadaan yang berlaku kepada kapal terbang pesawat Air Asia yang berlaku baru-baru ini.

Dalam konteks untuk memperluaskan skop ketibaan penerbangan-penerbangan asing di KKIA, walaupun kerajaan telah membuka syarikat-syarikat negara lain untuk membuat *direct flight* ke Kota Kinabalu, tetapi saya lihat MAS sebagai sebuah penerbangan kebangsaan sebagaimana negara yang besar boleh memainkan peranan yang lebih besar dalam konteks membawa lebih ramai pelancong ke Kota Kinabalu, umpamanya daripada London sekarang ini MAS mempunyai operasi London-Langkawi-Kuala Lumpur. Apa tidak MAS membuka lebih luas peluang pelancongan kepada negeri Sabah membuka route-route yang sedemikian London-Kota Kinabalu-Kuala Lumpur dan sebagainya.

Adakah itu menjadi sebahagian daripada perancangan kementerian untuk melihat KKIA diperbesarkan skop perniagaannya. Terima kasih.

**Dato' Seri Chan Kong Choy:** Terima kasih Yang Berhormat. Bukan MAS tidak mahu ataupun tidak ada rancangan untuk membawa lebih penumpang ke negeri Sabah melalui KKIA (Kota Kinabalu International Airport) oleh kerana KKIA ini telah sampai satu tahap yang tidak boleh mengambil penumpang lagi kerana kapasitinya tiga juta. Tetapi pada tahun lepas telah melebihi tiga juta iaitu sudah 3.3 juta dan tahun ini kita anggap bahawa angka ini akan meningkat lagi kepada 3.5 juta atau 3.6 juta maka kita kena memperluaskan dan meningkatkan keupayaan KKIA ini sebelum kita memperluaskan lagi *routes* yang akan ke Kota Kinabalu atau menjadikan Kota Kinabalu menjadi suatu destinasi untuk lebih banyak syarikat-syarikat antarabangsa.

Kita kenalah tunggu selepas kerja-kerja peningkatan ini disempurnakan baru kita akan mempromosikan negeri Sabah lebih giat lagi supaya lagi banyak syarikat penerbangan antarabangsa akan juga menjadikan destinasi Kota Kinabalu ini untuk destinasi mereka.

Kejadian kegelinciran kapal terbang Air Asia ini adalah suatu perkara yang luar biasa. Kita telah mengenal pasti beberapa kelemahan yang sedia ada di lapangan terbang antarabangsa Kota Kinabalu ini selepas kita menyempurnakan peningkatan KKIA ini.

KKIA ini akan dilengkapkan dengan kemudahan-kemudahan yang lebih canggih dan lebih mencukupi maka kita bolehlah menghadapi insiden seperti ini dengan lebih terancang pada masa yang akan datang. Kita memang tidak ada rancangan untuk menambah satu landasan di KKIA ini. Sekian, terima kasih.

**Datuk Abdul Ghafur bin Salleh [Kalabakan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas kepada rakan saya dari Kudat dan Beluran. Lapangan Terbang Kota Kinabalu tidak ada visi – *no vision*. Sebab apa? Pada waktu ada insiden AirAsia terkandas, kita dapatilah bahawa untuk membaik pulih pendaratan untuk kapal-kapal terbang yang datang ia memakan masa sehingga 36 jam. Seramai 3,000 penumpang telah terkandas. Saya percaya MAB di bawah Kementerian Pengangkutan mesti ada jalan yang baik untuk membaik pulih menarik kapal terbang yang sudah terkandas dengan secepat mungkin kerana pada waktu itu saya berada di lapangan terbang terkandas 36 jam. Saya nampak pelancong-pelancong dari luar mengatakan, “Apa punya sistem?” Kalau di negara-negara lain dia kata  $1\frac{1}{2}$  atau - 2 jam lapangan terbang boleh digunakan.

Kita minta Kementerian Pengangkutan menyiasat dan mengambil kira. Mungkin satu jawatankuasa ditubuhkan untuk menyiasat dan kemudian merancang sesuatu supaya jika ada insiden seperti ini berlaku lagi maka ianya dapat diselesaikan dengan sekilip mata sahaja kalau boleh.

**Dato' Sri Chan Kong Choy:** Terima kasih Yang Berhormat. Soalan ini sudah pun saya jawab tadi. Kelemahan-kelemahan yang sedia ada memang telah dikenal pasti dan apabila kita mempertingkatkan KKIA ini kita adalah dalam kedudukan yang lebih baik untuk mengendalikan insiden yang seperti ini. Terima kasih.

3. **Dato' Wan Adnan Bin Wan Mamat [Indera Mahkota]** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah “*database*” tenaga kerja di Malaysia mengikut kepakaran dan bidang di semua peringkat akan dapat diwartakan sepenuhnya dan sama ada dengan wujudnya “*database*” ini akan memudahkan kerajaan dan swasta mengenal pasti dasar dan strategi pembangunan tenaga kerja yang sesuai bagi keperluan negara.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd. Johari bin Baharom]:** Tuan Yang di-Pertua, bekalan data tenaga di Malaysia dibangunkan menggunakan data dan maklumat yang diperolehi melalui Bancian Penduduk dan Perumahan Malaysia yang dijalankan setiap 10 tahun dan Penyiasatan Tenaga Buruh yang dijalankan setiap suku tahun oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

Banci dan penyiasatan tersebut membekalkan maklumat terperinci bilangan tenaga kerja mengikut kepakaran dalam bidang di semua peringkat pendidikan dan pekerjaan. Antara data serta maklumat yang boleh diperolehi dan digunakan oleh agensi perancang sektor awam dalam membantu perancangan membangun tenaga

kerja adalah seperti data tenaga buruh mengikut pencapaian pendidikan dan bidang kelayakan serta data guna tenaga mengikut sektor ekonomi dan pekerjaan.

Unit Perancang Ekonomi sebagai agensi yang bertanggungjawab dalam membuat perancangan pembangunan sumber manusia di Malaysia akan menggunakan data dan tenaga mengikut sektor dan pekerjaan sebagai asas dalam membuat unjuran mengenai keperluan sumber manusia di Malaysia.

Unjuran ini dibuat dengan mengambil kira struktur pertumbuhan ekonomi negara iaitu keluaran dalam negara kasar mengikut sektor. Semua laporan yang menjadi asas *database* atau perangkaan data tenaga kerja di Malaysia terbabit diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Dalam masa yang sama, kerajaan turut menyedia dan mengemukakan unjuran mengenai keperluan sumber manusia dalam dokumen-dokumen rancangan jangka pendek dan jangka panjang yang diterbitkan oleh Unit Perancang Ekonomi seperti Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-8 dan Rancangan Jangka Panjang Ke-3.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah kerajaan sedar bahawa di peringkat pengurusan dalam menyediakan *database* terutama sekali hal ehwal tenaga kerja ini sebenarnya kita hampir tidak ada. Malah kalau kita melihat ada beberapa kementerian membicarakan contohnya tentang graduan yang menganggur beberapa kementerian ada yang menyatakan 9,000 orang, ada yang menyatakan 20,000 orang, malah ada gerakan di peringkat BNBBC menyatakan lebih kurang 50,000 orang lebih. Ini bermakna kedudukan *database* kita amat lemah dan pendekatan sistem pengurusan data ataupun *information system management* yang sepatutnya berlaku di peringkat penyediaan terutama sekali di Jabatan Perdana Menteri sebagai suatu pusat induk yang menyelaras semua kedudukan data terutama sekali yang berkaitan dengan tenaga kerja ini amat lemah.

Apakah sebenarnya kerajaan membuat supaya ianya bukan dilihat sebagai penyelesaian jangka panjang tetapi satu pendekatan yang *immediate* kerana ini kadang-kadang memalukan. Bagaimana kita hendak membuat unjuran *projection* dan sebagainya. Ini merupakan kelemahan yang sedia ada yang perlu diatasi oleh agensi kerajaan khususnya Jabatan Perdana Menteri. Terima kasih.

**Dato' Mohd. Johari bin Baharom:** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana yang saya katakan tadi, kita memang bergantung pada Bancian Penduduk dan Perumahan Malaysia yang kita telah laksanakan setiap sepuluh tahun. Di samping itu

juga kita membuat kajian penyiasatan tenaga buruh dalam setiap suku tahun dan sekarang ini kita mempunyai laporan yang lengkap sehingga suku tahun pada tahun ini. Laporan berkenaan dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi boleh didapati pada bila-bila masa di Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Berkenaan dengan saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat tadi kerajaan sentiasa mengambil berat mengenai bagaimana kita hendak mempertingkatkan lagi maklumat yang kita perolehi. Di samping itu juga kita memerlukan sokongan daripada sektor swasta yang setakat ini tidak memberi kerjasama sepenuhnya kepada kerajaan. Sebenarnya, tenaga kerja ini kita perlu dalam bidang tertentu yang digunakan oleh pihak swasta. Terima kasih.

**Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat:** Terima kasih Setiausaha Parlimen. Saya ingin mengemukakan soalan tambahan. Berapakah bilangan pekerja dan profesional yang diperlukan di semua bidang pada masa sekarang iaitu pada tahun 2005 hingga 2010 dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memenuhi keperluan negara? Terima kasih.

**Dato' Mohd. Johari bin Baharom:** Terima kasih Yang Berhormat. Bilangan pekerja yang diperlukan oleh negara kita dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-3 iaitu sehingga 2005 dianggarkan seramai 10.8 juta orang termasuk 1.3 juta orang bagi kategori profesional dan teknikal. Manakala dalam tempoh Rangka Jangka Masa Ke-3 daripada tahun 2000 hingga 2010 pula, bilangan pekerja yang diperlukan ialah 12.6 juta termasuk 1.8 juta bagi bidang profesional dan teknikal.

Di antara langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan ialah meningkatkan atau mengenal pasti institusi latihan dan pendidikan melalui pembesaran dan naik taraf institut yang sedia ada serta penubuhan institusi baru dalam sektor awam dan swasta untuk menambah penawaran tenaga manusia yang berkemahiran tinggi dan berpengalaman. Ada beberapa lagi yang saya rasa terlalu panjang untuk saya jawab dan saya akan berikan secara bertulis mengenai langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah ini. Terima kasih.

**7. Tan Sri Dato' Seri Dr. Ting Chew Peh [Gopeng]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mempertingkatkan kualiti para graduan di IPTS dan IPTA.

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Fu Ah Kiow]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengajian Tinggi sememangnya sedar akan pentingnya menambah baik kualiti para graduan IPT yang bukan sahaja tertumpu kepada prestasi akademik malah juga menitikberatkan *added value* pada diri mereka seperti kemahiran berkomunikasi, keterampilan diri, pembangunan watak dan keupayaan menguasai bahasa Inggeris.

Bagi memastikan kursus yang ditawarkan memenuhi keperluan industri, Bahagian Jaminan Kualiti dan LAN ditubuhkan bagi memastikan semua kursus yang ditawarkan di IPTA dan IPTS mencapai tahap kualiti yang diperlukan bagi melahirkan graduan yang berwibawa dan sesuai dengan pasaran pekerjaan semasa.

Di antara langkah jangka masa pendek yang telah diambil oleh kementerian untuk melahirkan graduan *competitive* dan *marketable*, dengan izin, ialah:-

- (a) mengkaji penawaran kursus-kursus baru di IPT agar ianya bersesuaian dan memenuhi keperluan pasaran guna tenaga;
- (b) meminta IPT memasukkan elemen-elemen seperti teknologi maklumat, keusahawanan dan etika dalam kursus-kursus;
- (c) mempertingkatkan kerjasama antara kementerian dengan pihak industri, IPT dan agensi kerajaan yang berkaitan dari masa ke semasa bagi mendapatkan maklum balas mengenai keperluan tenaga kerja di sektor berkenaan; dan
- (d) menggesa IPT meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris serta meningkatkan kemahiran komunikasi bagi memberi nilai tambah kepada siswazah.

Di antara langkah jangka masa panjang perlu melibatkan:-

- (a) cadangan kursus pengajian secara *double major*, dengan izin, melalui gabungan kursus-kursus pengajian seperti gabungan Kursus Pengajian Islam dan Ekonomi, Pengurusan dan Teknologi Maklumat;
- (b) penilaian semula kurikulum pengajian setiap lima tahun dengan mengambil kira ulasan dan maklum balas oleh penasihat akademik penilai luar input daripada industri bagi memastikan

kurikulum program pengajian mempunyai kualiti dan sesuai dengan perkembangan pasaran kerja terkini;

- (c) mengadakan program latihan industri pelajar semasa tahun akhir pengajian di syarikat industri awam dan swasta;
- (d) mahasiswa diberi pendedahan dalam aspek-aspek kepimpinan pengurusan dan budaya kerja di industri;
- (e) mengadakan khidmat sokongan di peringkat IPT untuk membantu mahasiswa mengetahui bentuk pekerjaan yang relevan dan sedia menunggu di pasaran; dan
- (f) menyokong usaha JPA mengadakan Skim Sangkutan dan Latihan (SLL) dan Kementerian Sumber Manusia yang mengadakan Skim Latihan Graduan (SLG) dengan menggalakkan pelajar untuk menyertai program ini selepas mereka menamatkan pengajian sekiranya masih belum mendapat pekerjaan.

Sekian, terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri. Pertamanya saya hendak tahu program rancangan Yang Berhormat terangkan tadi ini sudah berkali-kali jawapan sedemikian rupa yang disediakan oleh pegawai kerajaan untuk Yang Berhormat jawab. Jadi, macam itulah, percambahan pelajar yang keluar dari universiti ini makin hari semakin banyak. Apakah kementerian akan mengambil satu tindakan yang serius mengkaji balik sekarang ini kalaulah pengeluaran dari segi bidang pengurusan di Universiti Utara itu sudah bercambah dalam pasaran dan benda itu tidak boleh dipasarkan, pelajar-pelajar ini, maka *reducekan* iaitu masukkan kepada bidang-bidang yang lain.

Contohnya pada hari ini, apabila kita membincangkan fasal Kementerian Kesihatan, Menteri menjawab doktor tidak cukup, di sini tidak cukup, di sini tidak cukup. Tetapi apakah tindakan yang kita ambil untuk memperbanyakkan dari segi kursus perubatan dan sebagainya dan apakah *twinning* yang kita adakan sekarang ini memberi manfaat sebenarnya kepada kita supaya pelajar-pelajar yang masuk IPTS untuk melanjutkan pelajaran *degree* mereka ke luar negara ini benar-benar mengurangkan kos mereka dan juga menguntungkan mereka.

Jadi, saya hendakkan Timbalan Menteri ini supaya jangan pada suatu hari nanti pelajar-pelajar ini menyalahkan kerajaan kerana kita memberikan peluang mereka belajar tetapi kita tidak menyediakan pekerjaan. Tetapi itu bukanlah matlamat kerajaan. Carilah kerja. Di Malaysia, daripada beranak sampai mati hendak suruh kerajaan jaga, mana boleh.

Adakah pihak kementerian akan mengkaji walaupun saya dengar jawapan tadi, tetapi mintalah supaya jangan jawapan ini jawapan yang selalu kami dengar yang saya sudah boleh agak Menteri akan menjawabnya apabila soalan ini timbul. Terima kasih.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, Langkah-langkah yang tadi telah diuraikan memang merupakan proses berterusan yang sentiasa diambil oleh kementerian untuk menambah baik kursus-kursus yang ditawarkan oleh IPT dan IPTS dalam sistem Pendidikan Tinggi Malaysia. Tentang kursus perubatan yang amat berkurangan kerajaan telah memutuskan dalam masa lima tahun ini kerajaan akan menambah seribu lebih *enrolment* dalam masa lima tahun, cuma penambahan itu tidak boleh dipercepatkan sebab ia memerlukan tenaga pengajar dan juga peralatan-peralatan yang sesuai.

Jadi, kerajaan telah putus untuk menambah enrolment dalam lima tahun seribu lebih, lebih daripada yang ada sekarang dan tentang kebaikan *twining* ini telah terbukti bahawa melalui program-program pengajian *twining* yang dikendalikan oleh pihak IPTS kita telah menjimatkan kos perbelanjaan sehingga 23 daripada jumlah kos kalau murid-murid kita belajar ke luar negara, jadi selain daripada itu twining program pun telah mendapat pengiktirafan oleh akademik di antarabangsa. Dan saya ingin juga memaklumkan ini ada juga IPTS yang lama ditubuh dan mempunyai jenama tertentu di antarabangsa telah mula mengeksportkan twining program di lain negara. Jadi, ini adalah satu prestasi dan satu manfaat kepada negara. Sekian, terima kasih.

**Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, salah satu cara untuk mengawal dan mempertingkatkan kualiti para graduan di IPTS dan IPTA adalah dari segi sistem akreditasi. Kerana pada masa sekarang kita nampaknya Lembaga Akreditasi Negara (LAN) lebih tumpu kepada memberi kawalan ke atas IPTS dan tidaknya di IPTA. Apakah pihak Kementerian Pengajian Tinggi bercadang agar sistem akreditasi ke atas IPTS ini diberi layanan yang sama kepada IPTA juga dan bukan hanya tertumpu kepada IPTS. Apakah kayu pengukur akreditasi ini kepada IPTS dan IPTA supaya menjamin kualiti graduan yang

dihadarkan di IPTA ini khususnya dapat bertanding dengan graduan-graduan yang dihasilkan dari IPTS. Sekian, terima kasih.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, pengawalan kualiti kursus dan program pengajian di IPTA dijalankan oleh Senat IPTA masing-masing dan juga dengan usaha Bahagian Jaminan Kualiti daripada kementerian. Walau pun LAN tidak mengakreditasikan, memberi akuan akreditasi untuk kursus yang ditawarkan oleh IPTA tetapi Senat yang menjalankan kawalan kualiti terhadap semua kursus yang ditawarkan oleh IPTA dan kerjasama dengan Jabatan Kualiti Bahagian Kementerian Pengajian Tinggi. Sekian terima kasih.

**[Soalan No. 8 – Y.B. Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas] tidak hadir]**

**Cik Fong Po Kuan:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 24(3), Tuan Yang di-Pertua, mempunyai hak untuk beri tidak lebih daripada tiga soalan, memandangkan ada ramai ahli berminat berkenaan soalan ini, saya rayulah..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya kena...

**Cik Fong Po Kuan:** ..dan saya juga rasa saya juga di sini..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak boleh jawab..

**Cik Fong Po Kuan:** Tuan Yang di-Pertua, pun tidak nampak saya, saya pun hilang satu peluang untuk tanya, walau pun saya seorang sahaja pembangkang yang bangun. Saya rayulah Peraturan Mesyuarat 24(3).

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kadang-kadang ada nampak juga, bukan sentiasa tak nampak.

**Cik Fong Po Kuan:** Itulah saya tidak serata dengan Ahli-ahli yang lain.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Tuan Yang di-Pertua, kalau Tuan Yang di-Pertua, bagi dia, saya pun hendak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah.

**Cik Fong Po Kuan:** Saya rayulah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak, tidak cukuplah Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** *[Saya pun selalu tidak nampak]*

9. **Tuan Che Azmi bin Haji Abdul Rahman [Kuala Nerus]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan adakah RISDA ataupun lain-lain agensi di bawah Kementerian bercadang untuk membina sebuah Pusat Pembakaan dan Pembibitan Kambing di negeri Terengganu seperti mana yang terdapat di Kampung Awah, Pahang, di Sintok, Kedah dan di Machang Kelantan.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Dr. Tiki anak Lafe]:** Tuan Yang di-Pertua, adalah hasrat RISDA dan juga agensi-agensi lain di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah untuk membangun dan mengadakan lebih banyak pusat pembakaan dan pembibitan tetapi ianya memerlukan kajian lanjut sebelum sesuatu projek dapat dilaksanakan di suatu kawasan. Jadi, buat masa ini RISDA atau agensi-agensi di bawah Kementerian ini belum lagi bercadang untuk membina sebuah pusat pembakaan dan pembibitan kambing negeri Terengganu. Sekian.

**Tuan Che Azmi bin Haji Abdul Rahman [Kuala Nerus]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya setakat manakan sehingga ini dengan adanya pusat-pusat pembibitan ini dia dapat menjimatkan aliran keluar wang negara. Terima kasih.

**Datuk Dr. Tiki anak Lafe:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf kerana statistik ataupun data untuk soalan ini yang spesifik, saya tidak ada pada hari ini. Saya akan beri jawapan secara bertulis. Terima kasih.

10. **Tuan Lim Hock Seng [Bagan]** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan nama negara-negara yang tidak memerlukan Visa untuk rakyat kita mengunjunginya. Memandangkan sumber pendapatan pelancong adalah penting bagi negara kita, sama ada Kerajaan berhasrat menghapuskan segala Visa untuk pelancong asing atau merangka pendekatan yang lebih mudah untuk mereka.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Datuk Tan Chai Ho]:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedia maklum bahawa sektor pelancongan banyak menyumbang kepada sumber pendapatan negara. Oleh yang demikian pada masa ini Malaysia mengamalkan dasar yang liberal dalam mengenakan syarat Visa kepada warga asing bagi menggalakkan lagi kedatangan pelancong asing yang tulen ke negara ini dan seterusnya meningkatkan industri pelancongan negara. Walau bagaimanapun, buat masa ini Kerajaan belum berhasrat untuk menghapuskan semua

Visa bagi pelancong asing memandangkan syarat sedia ada adalah liberal dan faktor keselamatan negara juga perlu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat warganegara Malaysia tidak perlu memohon Visa untuk mengunjungi negara-negara seperti berikut: Argentina, Belgium, Chile, Germany, Hong Kong, Indonesia, Korea, South Afrika, New Zeland dan negara-negara lain sebanyak 127 buah negara, jadi saya mohon kebenaran Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya tidak perlu untuk menyebut semua negara yang tadi saya kata iaitu sebanyak 127 buah negara, tetapi saya akan bagi senarai kepada Yang Berhormat Bagan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bagan.

**Tuan Lim Hock Seng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, ada ramai pelancong yang melancong ke Singapura atau Thailand dan mereka ingin singgah ke selatan atau utara Malaysia buat sementara tetapi oleh kerana kerumitan memohon Visa maka dibatalkan rancangan-rancangan ini dan Malaysia terlepas peluang memikat pelancong-pelancong golongan ini. Bolehkah Yang Berhormat memberi sedikit sebanyak berkenaan Visa *on arrival*. Sekian, terima kasih.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, pernah kita memberi warga asing atau pelancong yang telah datang ke negara-negara ASEAN, mereka boleh mohon visa arrival, jadi mereka boleh terus masuk ke negara kita.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya berhubung dengan negara Iran, kerana saya mempunyai pengalaman yang pahitlah pergi ke Iran, kita tahu di negara Iran kita tidak memerlukan Visa tetapi kita masuk melalui Tehran. Tetapi bila kami pergi ke Afghanistan dan hendak masuk balik ke Iran melalui pintu masuk 'Baghram', kami telah tidak dibenarkan masuk ke Iran dan terpaksa duduk di *no man's land area* selama dua hari. Apakah maklumat berhubung dengan Visa ini kepada pintu-pintu masuk yang lain dalam sebuah negara itu dikendalikan oleh Malaysia atau negara itu sendiri yang memberitahu kepada pintu masuk mereka itu.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, Iran merupakan satu negara di mana warganegara Malaysia tidak perlu dikenakan visa. Jadi masalah yang dihadapi oleh Yang Berhormat memanglah ada masalah visa, ada isu visa yang ditimbulkan di negara Iran sana.

11. **Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]** minta Menteri Kesihatan menyatakan kes AIDS yang sedang dirawat di Malaysia mengikut negeri dan langkah-langkah yang sedang diambil Kementerian untuk menyekat kemaraan penyakit ini.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, penyakit AIDS merupakan peringkat akhir bagi seseorang yang telah menghidap penyakit HIV, di mana kebiasaanannya berlaku selepas tempoh 10 hingga 12 tahun selepas mendapat jangkitan tersebut. Sehingga Jun 2004 terdapat seramai 8,840 kes AIDS dan 6,523 kematian AIDS telah dilaporkan oleh Kementerian Kesihatan. Seramai hampir 2,500 kes AIDS telah dirawat dengan rawatan khusus iaitu Anti-Retroviral Therapy (ART) manakala selebihnya dengan rawatan-rawatan lain serta pemeriksaan kesihatan secara berskala.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat lebih 80% pesakit AIDS sedang dirawat di hospital-hospital di antaranya di Lembah Kelang iaitu di Hospital Kuala Lumpur, Pusat Perubatan Universiti Malaya. Di Kelantan iaitu di Hospital Kota Bharu, Perak di Hospital Ipoh, di Johor iaitu di Hospital Johor Bahru, Sultanah Aminah dan juga di Pulau Pinang. Manakala selebihnya di hospital-hospital di negeri-negeri lain.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui kementerian dan beberapa agensi kerajaan dan juga bukan kerajaan telah merancang dan melaksanakan banyak program pencegahan, penjagaan dan rawatan HIV dari masa ke semasa bagi menangani penyakit ini. Usaha kerajaan ini telah pun bermula sejak tahun 1986 dan program-program ini akan terus diperkemaskini dan diperkuuhkan bagi menangani kes-kes AIDS dan HIV.

**Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]:** Terima kasih. Saya ingin bertanya apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian untuk menggalakkan sainstis-sainstis ataupun doktor-doktor tempatan untuk mengkaji dan menghasilkan ubat-ubatan untuk membasmikan penyakit AIDS ini?

**Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan tambahan dari Sri Aman. Seperti Yang Berhormat semua maklum bahawa setakat ini tidak ada ubat yang dengan izin, *definative* untuk HIV apatah lagi AIDS, ekoran itu ubat-ubat yang digunakan adalah ubat-ubat yang tidak dapat membunuh virus tersebut.

Kita di Kementerian Kesihatan ada kerjasama dengan Kementerian Sains di mana ada sejumlah peruntukan yang disediakan oleh kerajaan melalui *grant* di bawah program IRFA bagi menggalakkan mana-mana individu untuk menemui apa juga remidi atau ramuan untuk membasmikan penyakit AIDS ini.

**Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu bahawa dunia baru sahaja meraikan Hari Aids Sedunia iaitu semalam, 21hb Disember dan kalau kita lihat statistik di Malaysia telah berlaku perubahan bahawa kalau kita lihat dahulu penyakit HIV lebih daripada 90% disebabkan oleh Intravenous Drug User (IVDU) lebih daripada 90%. Tetapi kini telah berlaku perubahan bahawa kebanyakan penyakit HIV ini disebabkan telah berlaku peningkatan disebabkan oleh jangkitan melalui heteroseksual.

Jadi saya ingin tahu apakah langkah pencegahan spesifik, yang pertama. Dan yang kedua, kita tahu bahawa banyak negara-negara luar telah melakukan langkah pencegahan melalui promosi penggunaan kondom di kalangan golongan yang berisiko tinggi? Adakah kementerian bercadang juga menggunakan strategi yang sama ataupun ada strategi yang lain? Sekian terima kasih.

**Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Gombak. Sebenarnya cara dan menangani jangkitan HIV yang kita sedia maklum sebenarnya 70% daripada penggunaan dadah menerusi intravenous dan juga 30% daripada kerja-kerja yang bersangkut paut dengan khidmat seks. Memang betul kepada Yang Berhormat daripada Gombak berkata melibatkan heteroseksual dan yang terlibat adalah wanita sebenarnya iaitu lebih ramai wanita. Kalau 10 tahun dahulu tidak ada wanita yang dijangkiti AIDS, ada wanita kena HIV tidak ada AIDS, tetapi sekarang sudah meningkat kepada paras 13% dan ini membimbangkan, sebab itu tema kita meraikan hari AIDS sedunia semalam adalah Wanita dan HIV, kita sangat prihatin. Dan ekoran daripada aktiviti-aktiviti seksual yang secara rambang akhirnya wanita yang *innocent* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dijangkiti oleh *partner* mereka atau suami mereka yang sah, ekoran daripada aktiviti-aktiviti tersebut. Cara pendekatan dan *approach* yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan adalah konsisten dengan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh WHO.

Jadi dahulu sebagai contoh apabila kita hendak kempen gunakan kondom kita berhadapan dengan masalah alim ulama yang memberikan persepsi seolah-olah kita

menggalakkan seks bebas. Tetapi apabila kita mengadakan ceramah-ceramah mengenai AIDS dan bagaimana AIDS berkembang kepada golongan-golongan imam dan bilal di kampung-kampung dan usaha ini masih diteruskan, mereka lebih faham dan usaha yang komprehensif ini patut kita teruskan dan menjurus kepada sasaran. Terima kasih.

**12. Tuan Bernard S. Maraat [Pensiangan]** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah kementerian sedar bahawa keputusan peperiksaan sekolah rendah di kebanyakan sekolah khususnya di kawasan pedalaman Pensiangan tidak memberangsangkan disebabkan penggunaan dan kefahaman bahasa Inggeris terlalu rendah. Apakah perancangan kementerian yang terdekat agar dapat menangani isu ini dengan holistik dan berkesan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sedia maklum bahawa keputusan peperiksaan bahasa Inggeris sekolah rendah luar bandar adalah kurang memberangsangkan. Untuk mengatasi keadaan ini kementerian sentiasa berusaha untuk meningkatkan penguasaan pelajar dalam bahasa berkenaan dengan mengadakan pelbagai aktiviti dalam bahasa Inggeris seperti bahas, drama, pidato, syarahan, permainan bahasa dan bercerita.

Kementerian juga telah dan sedang melaksanakan beberapa aktiviti untuk meningkatkan prestasi bahasa Inggeris di kalangan pelajar sekolah. Antaranya ialah:

- (i) program bacaan awal berstruktur untuk sekolah-sekolah rendah luar bandar;
- (ii) program perisian pendidikan bahasa Inggeris untuk sekolah rendah dan menengah;
- (iii) kursus peningkatan profesionalisme untuk guru-guru bahasa Inggeris sekolah-sekolah luar bandar;
- (iv) program penutur jati bahasa Inggeris dari luar negara bagi membantu menggerakkan latihan dan aktiviti sokongan kepada guru bahasa Inggeris bagi meningkatkan keupayaan mereka;
- (v) program bacaan *extensive* bagi murid-murid tahun 3 hingga 6 di sekolah-sekolah berprestasi rendah dalam bahasa Inggeris; dan
- (vi) program bacaan Sastera Kontemporari untuk murid-murid tahun 4 hingga 6, di mana mereka perlu membaca tiga buah buku

bercorak fiksyen secara intensif dan ini dilaksanakan sebagai sebahagian daripada pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Masa cukup untuk soal jawab.

**[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]**

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Peraturan Mesyuarat 14 dan 43. Peraturan Mesyuarat 14 ialah mengenai Aturan Urusan Mesyuarat dan Peraturan Mesyuarat 43 ialah mengenai keputusan Pengerusi atau Speaker yang berbunyi, "Tuan Yang di-Pertua dalam Majlis Mesyuarat atau Pengerusi dalam Jawatankuasa adalah tertanggung ke atasnya menjaga supaya peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat atau Jawatankuasa diendahkan, dan keputusannya berkenaan dengan apa-apa perkara peraturan mesyuarat tidak boleh diminta timbangkan semula dan tidak boleh diulang kaji oleh Majlis Mesyuarat kecuali dengan dikeluarkan usul bersendiri kerana itu. Usul demikian ini tidak berkehendak dikeluarkan pemberitahu lebih daripada dua hari terlebih dahulu."

Pada dua hari yang lalu saya ada memberi notis *substantive motion* atau usul persendirian untuk ulang kaji dan untuk *overrule* keputusan yang telah dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua yang menolak usul saya di bawah Peraturan Mesyuarat 18 supaya menangguhkan Dewan yang mulia ini supaya mengadakan satu perbahasan dengan *urgent, definite, public importance*, mengenai senarai yang begitu panjang projek-projek pembangunan yang gagal sama ada oleh PMC atau bukan PMC.

Saya di bawah Peraturan Mesyuarat 43 memberi notis mengenai *substantive motion* ini dan di bawah Peraturan Mesyuarat 43 yang sangat jelas bahawa tidak perlu notis lebih daripada dua hari. Yang pertama, saya mahu tanya kenapa hari ini, *order of business*, peraturan *substantive motion* saya tidak diadakan, nampaknya ditinggalkan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, Yang Berhormat;

**Tuan Lim Kit Siang:** ...yang melanggari Peraturan Mesyuarat 43. Yang kedua, kenapa lagi melanggari konvensi dan Peraturan Mesyuarat 43 bahawa usul *substantive motion* saya untuk mengkaji dan *overrule* keputusan Tuan Yang di-Pertua

yang menolak *Standing Order* usul saya untuk menangguhkan Dewan yang mulia ini dengan *urgent, definite, public importance*, tidak diberi keutamaan supaya boleh dibahaskan *priority over* semua urusan Parlimen yang sangat jelas dalam Peraturan Mesyuarat 43.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, Yang Berhormat, cukup.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat telah dimaklumkan bahawa perkara ini tidak perlu disegerakan semasa ditolak. Walau bagaimanapun, ingin saya memaklumkan usul yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu memang telah diterima dan akan masuk ke dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari Isnin.

**Tuan Lim Kit Siang:** Pada hari Isnin? Ia akan diperbahaskan dan diadakan pada hari Isnin? Semacam ada sangat jelas, tidak perlu dua hari notis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tindakan itu akan kita ambil dan keputusan akan dibuat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Sama ada bahas hari Isnin, baik, saya tunggu hari Isninlah. Kita sangat *gentleman, cooperative*, jangan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, keputusan akan dibuat sama ada akan dibahaskan atau tidak.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, okey, sama ada patut. Sepatutnya tidak perlu pertimbangan. Satu usul *substantive motion* diadakan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Okay

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa? Ada kacau huru-hara di sini?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** [Menyampuk]

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, saya kata saya sanggup *cooperative* dan kita boleh menerimanya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Memang, memang.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sungguhpun macam tidak boleh bahas...

**Tuan Lim Kit Siang:** Kita tunggu hari Isnin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** ..sekarang pun bahas juga.

**Tuan Lim Kit Siang:** Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG LAPORAN KEWANGAN (PINDAAN) 2004**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Laporan Kewangan 1997; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parliment Kementerian Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG PERBEKALAN 2005**

**DAN**

**USUL**

**ANGGARAN PEMBANGUNAN 2005**

**Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2005 dan Anggaran Pembangunan 2005 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." **[Hari Ketujuh belas]**

***Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.***

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa]**

**Maksud B.49 [Jadual] –**

**Maksud P.49 [Anggaran Pembangunan 2005] –**

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.49 dan Kepala Pembangunan P.49 di bawah Kementerian Pengajian Tinggi

terbuka semula untuk dibahaskan. Saya minta Yang Berhormat bagi Larut berucap. Yang Berhormat, lima minit.

#### 11.10 pagi.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Omar [Larut]:** Terima kasih Tuan Pengurus. Di bawah Kementerian Pengajian Tinggi, Butiran 07000, 05000 dan 04800. Kita diajar mengikut Sabda Nabi supaya, "Tuntutlah ilmu itu walaupun sampai ke negeri China." Tadi saya dengar ulasan daripada Timbalan Menteri dalam soal jawab tentang *branded university* ini. Saya pun terkejutlah, *branded university* ini. Yang saya tahu jenama-jenama... *[Disampuk]* Ya? Ya, *brandy, branded university*. ...jenama-jenama seperti baju, pakaian, kalau saya tidak betullah – Versace, Bally, Zechna macam sahabat saya, Yang Berhormat bagi Putrajaya pakai dan seterusnya.

Inilah yang menjadi masalah kita kadang-kadang dasar yang kita perkenalkan menimbulkan kecelaruan. Dahulu ada diperkenalkan dasar bahasa baku, kita mansuhkan, sekarang hendak perkenalkan balik, begitu juga dengan tulisan jawi. Inilah yang membuatkan pelajar-pelajar kita bercelaru hingga ada kajian disebut 32% masyarakat di negara kita ini menghadapi sakit mental dan 12% adalah parah, manakala 20% kejap ada kejap tidak ada. Yang ini saya tidak boleh gambarkanlah.

Oleh itu saya melihat wujudnya universiti-universiti dan pusat pengajian tinggi ini adalah untuk memberi peluang kepada lebih ramai lagi para pelajar mendapat tempat di IPTA, manakala PTS adalah bertujuan untuk mereka yang tidak berpeluang untuk melanjutkan pengajian tinggi di universiti-universiti dan kita berharap adanya PTS ini, mereka dapat bersaing supaya prestasi para pelajar dapat ditingkatkan.

Namun begitu, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah wujudnya PTS ini benar-benar dapat meningkatkan prestasi dan mutu para pelajar atau hanya memberi ruang kepada mereka untuk mengaut keuntungan sedangkan kita ingin melihat Malaysia, sejauh mana dapat menjadi sebagai pusat pendidikan. Saya berharap akan mendapat penjelasan daripada pihak kementerian, lebih-lebih lagi hari ini kita melihat ada juga mereka yang terpaksa belajar di luar negara, ada juga mereka yang ke sana tetapi menghadapi masalah pengiktirafan tentang pengajian yang mereka ambil. Bila balik tidak diiktirafkan untuk mendapat pekerjaan.

Oleh itu, saya meminta pihak kementerian ini memberi penerangan sejelas-jelasnya sebelum pelajar-pelajar kita menempatkan diri di mana-mana pusat pengajian

tinggi kerana kita tidak mahu mereka menghabiskan masa dua atau tiga tahun, akhirnya pusat pengajian tinggi mereka itu tidak diiktirafkan oleh kerajaan. Jadi, saya berharaplah masalah ini dapat ditangani dan penerangan ini dapat diperluaskan seluas-luasnya, tidak hanya apabila hendak diambil kemasukan pelajar-pelajar ke universiti, barulah hendak diberikan penerangan.

Selain daripada itu, sejauh mana penipuan ke atas sijil-sijil yang dibawa balik dari luar negara ataupun yang berlaku dalam negara kita ini terutama majikan-majikan sudah tentu mereka tidak dapat mengetahui sejauh mana berlakunya penipuan ke atas sijil-sijil mereka sewaktu memohon pekerjaan. Tidak kiralah sijil beli sebagaimana yang Yang Berhormat bagi Beluran katakan tadi, saya harap sijil ini tidak dibeli.

Apa tindakan kementerian kerana ini amat serius selain daripada pemantauan ke atas pelajar-pelajar daripada luar negara. Kita tidak menyekat pelajar-pelajar daripada luar negara datang ke sini kerana ini adalah satu langkah untuk kita menarik pelancong datang ke negara kita ini.

Saya juga ingin bertanya kepada pihak kementerian tentang sambutan para atlet dan ahli sukan kita yang diberikan kelonggaran apabila mereka yang cemerlang....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, boleh gulung.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Penghujung. Apabila mereka cemerlang dalam bidang akademik. Akhir sekali saya hendak menyentuh soal Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional yang sejak akhir-akhir ini mengelirukan. Kita ucap tahniah kepada sahabat saya daripada Kuala Terengganu kerana diangkat duduk di situ.

Oleh sebab itu kita berharap supaya sesuatu dasar yang hendak dibuat perlu diberi penjelasan dahulu kerana hari ini pinjaman tabung ini menjadi kesulitan. Kita faham tentang kedudukan kewangan tabung ini. Maka sebab itu saya hendak mencadangkan di sini kita tidak boleh hanya bergantung kepada tabung ini. Apa salahnya selain pinjaman dan dana yang disediakan, badan-badan korporat yang kaya-raya yang.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat. Masa sudah cukup.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Penghujung. Yang telah dapat rezeki dalam negara kita ini turut memberi bantuan dan dikecualikan daripada

cukai. Ini boleh menggalakkan lebih ramai lagi badan-badan korporat untuk membantu tabung ini. Saya ingin bertanya kepada PTPTN apa sudah jadi dengan kempen SSPN ini. Apa sudah jadi? Kerana ia merupakan satu galakan yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menggalakkan anak-anak berumur antara satu hingga 18 tahun membuka akaun mereka.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Oleh itu, saya berharap perbadanan ini dapat terus memberi penerangan dan kempen-kempen kerana ini adalah merupakan satu kebaikan, *dollar to dollar* dengan izin. Mungkin ada sebabnya kenapa sambutan ke atas simpanan ini tidak mendapat galakan. Oleh itu saya berharap tabung ini dapat terus melakukan sesuatu yang lebih positif dan mungkin kita memerlukan rakan-rakan daripada wakil rakyat untuk sama-sama memberi penjelasan kepada masyarakat setempat termasuk Sipitang yang begitu prihatin. Walaupun duduk di Kuala Lumpur, tetapi prihatin dengan.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Prihatin Yang Berhormat. Masa sudah habis.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** ....apa masalah masyarakat setempat. Saya sebenarnya Tuan Pengerusi, ada dua tiga perkara yang hendak dibangkitkan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup Yang Berhormat.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tetapi oleh kerana masa tidak mengizinkan saya berharap perkara-perkara yang lain ini akan saya sampaikan pada pegawai-pegawai kementerian. Itu pun kalau mereka ada di Parlimen ini. Jadi saya menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Gerik.

#### 11.17 pg.

**Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertamanya saya ingin menyentuh Butiran 020000 - Jabatan Pendidikan Tinggi. Satu artikel bertajuk 'Pensyarah patut diberi kebebasan mengupas isu' ditulis oleh Mohamad Fairus Abu Bakar baru-baru ini sebagai reaksi kepada surat pekeliling oleh Pengarah

Jabatan Pengajian Tinggi yang mengarahkan Naib Canselor supaya mengarahkan Dekan seluruhnya supaya pensyarah-pensyarah tidak membuat kenyataan akhbar pada bila-bila masa sahaja.

Saya rasa ini amat mengelirukan minda yang tertutup barangkali universiti kelas ketiga. Kita mengundur ke belakang. Saya harap kita perlulah liberal dan demokratis dengan memberi peluang kepada sarjana dan pakar-pakar kita untuk memberi pandangan dalam berbagai-bagai isu seperti yang terbaru apakah pokok besar iaitu pokok.....

**Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Ketum.

**Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh:** .....Ketum di Bandariang di dalam Parlimen saya patut ditebang atau tidak. Ramai yang kata jangan tebang dan ada pakar daripada UKM dan UM memberi pandangan mereka.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Pokok Ketum itu kepala nombor berapa Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh:** Berkaitan dengan Pengurusan Pengajian JPT ini. Supaya memberi peluang kepada pensyarah-pensyarah sarjana kita untuk memberi pandangan mereka secara bebas dan ini adalah satu amalan pada masa-masa lalu. Kenapa mesti disekat seperti tajuk sebuah novel Pramoedya Ananta Toer 'Nyanyi Sunyi Seorang Bisu' kita bisukan mereka semua. Tidak patut sama sekali.

Keduanya Butiran 040000 - Pengurusan IPTA. Pelantikan Naib Canselor masih terjadi, orang PTD menjadi Naib Canselor. Melantik orang PTD menjadi Naib Canselor ini samalah seperti melantik Tuan Yang di-Pertua daripada PTD juga. Mestilah melantik orang dari sarjana-sarjana, penyelidik, profesor, dan pensyarah bukan daripada pentadbir kerana mereka tidak memahami bagaimana hendak mentadbir universiti.

Jadi itu juga satu amalan yang ketinggalan zaman. Kita mahu maju ke hadapan. Kita mahu universiti kita menjadi *first world*. Maka haruslah ikut nilai norma yang diamalkan di barat. Saya melihat ada satu *newsletter* daripada *Manchester University*, iaitu universiti saya dahulu. Naib canselor yang dilantik itu telah berpengalaman menjadi Naib Canselor kepada dua universiti iaitu *Tasmania University* dan *Melbourne University* sebelum menjadi Naib Canselor *Victoria University of Manchester* baru dilantik. Jadi macam mana pentadbir.

Yang berkaitan dengan pengurusan IPTA juga saya menjurus kepada 0403000. Perkara ini telah dibangkitkan oleh Sri Aman benda yang agak serius saya rasa. Penerbitan ilmiah siri memoir UKM. Yang Berhormat bagi Sri Aman cuma menyebut dua tetapi saya mempunyai empat buah buku atau manuskrip yang akan diterbitkan oleh UKM mengenai pengganas komunis.

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh:** Sahmsiah Fakih, kawan saya sedang membacanya, saya sudah baca. Ibrahim Chik, Ketua Rejimen ke sepuluh, Abdullah Sidi dan juga Rashid Maidin. Kita semua kenal. Jadi apakah tujuannya kita menerbitkan memoir-memoir ini yang akan menjadi rujukan dan melihat mereka ini sebagai hero pula. Sebelum saya beri kepada Lipis.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Masa Yang Berhormat hendak habis.

**Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh:** Okey. Saya hendak tunjukkan bahawa satu manuskrip yang dikemukakan Leftenan Adnan. Saya baca ayat demi ayat muka surat demi muka surat membuat ulasan dan mengemukakan untuk diterbitkan tetapi ditolak. Ada sesuatu di belakang. Siapakah di belakangnya? Silakan Lipis.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, lipis.

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Gerik. Tadi saya lihat seolah-olah ada kontradiksi di antara hujah yang diberi oleh Gerik. Yang pertama tadi hendakkan kebebasan dari segi bercakap dan menyuarakan pendapat. Selepas itu yang kedua pula dia seolah-olah menidakkan apa yang ditulis oleh *[Ketawa]*. Ini ada apa tujuan dan sebagainya. Jadi sebab itu saya rasa bersetuju tidak Gerik.....

**Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh:** Bagus.

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman:** .....kalau mereka boleh bercakap kebebasan diberi tetapi tanggungjawab mereka sebagai pegawai awam juga mesti diamati.

**Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh:** Okey, terima kasih. Bagus. Perbahasan akademik tadi ini adalah menyampaikan bahan-bahan ilmiah hasil kajian mereka mengenai sesuatu hal. Hasil kajian ilmiah mereka yang bertanggungjawab objektif dan sebagainya. Ini meletakan orang yang menentang kerajaan kita Yang di-Pertuan Agong kita sebagai wira bila dijadikan.

Kalau saya....mungkin tidak ada masa saya hendak baca. Saya bacalah sedikit untuk pengetahuan semua. Pada suatu masa – ini tulisan - beberapa orang pegawai duduk berehat di padang. Mungkin pegawai ini adik kita, anak kita atau saudara mara kita. Di tengah-tengah padang kecil itu terdapat sebuah tong minyak tanah yang tertanam pada sepojon bunga yang rendang dan subur. Apabila askar-askar itu, askar kita hendak beredar dari situ, seorang pegawai dengan bongkak menendang tong bunga itu. Tidak apalah dikatakan bongkak. Tong! Dengan satu ledakan kuat yang menggemparkan. Maka setiap orang askar mengambil tempat perlindungan. Malangnya rupa-rupanya keratan-keratan besi yang tertanam dalam tong bunga itu telah berterbangan. Salah satu daripadanya telah mengenai leher pegawai itu dan dia terbunuh. Sanak saudara kita.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat. Janganlah panjang sangat Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh:** Satu kumpulan askar.....sedikit sahaja. Saya hendak habiskan yang ini. Satu kumpulan askar yang berkawal meniarap di atas tanah apabila mendengar bunyi letusan yang kuat itu. Malangnya dua orang askar telah tertiarap di atas jerangkap samar. Empat batang ranjau nibong runcing menembusi perut, dada dan pehanya dan dia meninggal. Apakah cerita-cerita begini yang pengkhianat-pengkhianat ini membunuh anak-anak kita dan saudara-mara kita boleh kita ketengahkan dan kita belanja berapa puluh ribu untuk satu buku ini diterbitkan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh:** Saya harap Menteri berkenaan menyiasat hal ini. Saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Bentong.

#### 11.24 pg.

**Tuan Liow Tiong Lai [Bentong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya memang amat bersetujulah bahawa kita perlu menjaga kualiti universiti kita. Baru-baru ini kita sering dengar kualiti universiti kita memang menjadi satu isu yang hangat diperbincangkan di kalangan masyarakat kita. Saya hendak dapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah faktor-faktor yang menjadikan taraf universiti kita ini telah menurun.

Kita tahu bahawa kerajaan kita telah memperuntukkan banyak kewangan untuk membangunkan universiti kita. Bukan sahaja dari segi saiznya tetapi kita juga menambah bilangan universiti di negara kita. Kita tahu bahawa walaupun universitinya bertambah tetapi kita masih lagi kekurangan universiti awam di negara kita.

Salah satu faktor yang saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat ialah berhubung dengan penyelidikan yang dijalankan di dalam universiti-universiti awam di negara kita. Kita tahu bahawa penyelidikan adalah satu bidang yang paling penting di dalam universiti. Penyelidikan-penyelidikan yang dihasilkan oleh universiti itu perlu dibentangkan dan juga mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa.

Selain daripada itu, penyelidikan ini perlu juga membantu sektor swasta, membantu pihak-pihak yang lain agar hasil-hasil penyelidikan ini dapat kita gunakan dan memanfaatkan kepada masyarakat di negara kita. Dalam bajet kali ini saya hanya melihat ada beberapa universiti sahaja yang menyediakan peruntukan untuk penyelidikan dan apakah kriteria yang digunakan bagi sesebuah universiti untuk menyediakan peruntukannya untuk penyelidikan. Saya difahamkan bahawa universiti-mempunyai autonominya sendiri untuk bajetnya dalam sesebuah universiti.

Apakah kementerian tidak boleh memberi arahan ataupun memberi tunjuk arah bagaimana kita boleh memastikan bahawa pihak swasta dan juga universiti awam ini dapat bekerjasama. Contohnya di negara lain, di negara China pensyarah-pensyarah yang telah bersara boleh digaji oleh syarikat-syarikat swasta dan kemudian balik ke universiti untuk membuat penyelidikan menggunakan kelengkapan universiti, menggunakan kemudahan di dalam universiti tetapi pensyarah yang bersara itu digaji oleh pihak syarikat swasta dan geran juga diberi, bukan sahaja diberi oleh syarikat tetapi geran juga diberi oleh kerajaan sendiri untuk menggalakkan syarikat-syarikat negara itu menyertai bidang penyelidikan.

Apakah usaha kerajaan kita sekarang untuk meningkatkan, untuk menggalakkan syarikat-syarikat untuk meningkatkan penyelidikan dan menggunakan kemudahan dalam universiti ini?

Tuan Pengerusi, saya juga ingin membincangkan berkenaan dengan kekurangan doktor. Baru-baru ini , kita meminta kementerian menambahkan universiti untuk melatih doktor-doktor kita dan jawapan yang saya dapat bahawa kementerian tidak akan menambah universiti untuk perubatan tetapi akan menambahkan kapasiti

fakulti perubatan. Saya merasa khuatir kerana baru-baru ini kita lihat banyak rungutan daripada pihak universiti bahawa kesesakan berlaku di dalam universiti-universiti awam kita.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, gulung Yang Berhormat.

**Tuan Liow Tiong Lai:** Kesesakan yang berlaku ini menyebabkan kualiti universiti kita menurun.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Gulung, Yang Berhormat.

**Tuan Liow Tiong Lai:** Ya. Oleh itu saya minta kementerian sama ada kementerian akan memberi insentif kepada universiti-universiti swasta untuk menubuhkan fakulti perubatan. Kita tahu bahawa kalau semua kerajaan hendak buat, tidak mampu. Hendak meminta pihak swasta buat, memang fakulti perubatan itu adalah fakulti yang memerlukan modal yang tinggi. Adakah kerajaan mempunyai bukan sahaja galakan, malah memberi insentif untuk menubuhkan fakulti-fakulti perubatan di universiti swasta? Sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Maran.

#### **11.29 pagi**

**Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Mutalib [Maran]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan Bekalan Kementerian Pengajian Tinggi. Saya hendak menyentuh beberapa perkara. Yang pertama ialah Butiran 110600 - Bertugas Di Luar Negara – Kementerian Pengajian Tinggi. Kita tahu bahawa ramai pelajar-pelajar kita telah dihantar ke luar negeri sama ada melalui kerajaan atau memohon sendiri belajar di luar negeri. Saya juga ingin tahu berapa buah negarakah yang terlibat dengan pengambilan pelajar-pelajar ini dan berapakah jumlah pelajar kita yang terlibat mengikut jurusan masing-masing.

Dalam penghantaran pelajar-pelajar ke luar negeri ini, saya mendapat tahu bahawa terdapat agen-agen yang telah menguruskan pemergian pelajar-pelajar ini dan mereka ini saya difahamkan dikendalikan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi. Jadi, saya ingin tahu daripada kementerian berapakah jumlah agen-agen yang terlibat dalam menghantar pelajar-pelajar kita ke luar negeri dan saya juga mendapat tahu terdapat agen-agen ini telah melakukan beberapa penipuan ataupun tidak menjalankan kerja dengan betul dalam mengendalikan pelajar-pelajar kita semasa mereka hendak pergi ke luar negeri.

Apakah tindakan kementerian dan apakah peraturan-peraturan yang telah dikenakan kepada agen-agen ini? Saya ingin mencadangkan kepada kementerian ataupun kerajaan supaya kalau kita memerlukan agen-agen ini, apa salah kalau kita menggubal satu akta ataupun peraturan baru bagi menentukan supaya agen-agen yang terlibat dengan membantu kerajaan ini dapat dikendali dan diselaraskan dengan baik.

Yang kedua saya hendak bertanya tentang insiden ataupun tentang kemalangan yang melibat pelajar-pelajar kita di luar negara. Kadang-kadang kita dapat mendengar, bahkan kita juga mendengar pelbagai insiden termasuklah pembunuhan yang melibatkan pelajar-pelajar kita di luar negara. Saya ingin tahu daripada kementerian ataupun kerajaan berapa ramaikah pelajar-pelajar kita di luar negara daripada pelbagai negara ini telah terlibat dengan pelbagai kemalangan dan berapa ramaikah daripada mereka ini yang telah meninggal dunia.

Yang ketiga ialah peranan MSD - Jabatan Pelajar Malaysia di luar negeri. Saya hendak tahu sejauh manakah peranan MSD telah benar-benar berkesan. Kita tahu bahawa boleh dikatakan semua MSD ini berada di negara-negara yang mana kita ada pelajar. Tetapi saya mendapat tahu sebahagian daripada jabatan ini tidak berkesan dari segi pengaruhnya kepada pelajar-pelajar bahkan terdapat kesatuan-kesatuan pelajar yang lebih berpengaruh daripada Jabatan Mahasiswa ini. Mereka seolah-olahnya lebih berkuasa daripada MSD ini di peringkat universiti masing-masing. Yang berikutnya ialah saya ingin bertanya, harapan ibu bapa kepada anak-anak yang dihantar ke luar negeri ialah untuk melahirkan anak-anak yang berjaya dan kembali ke negara masing-masing sebagai harapan ibu bapa, harapan bangsa, agama dan negara tetapi kadang-kadang, kita lihat ada juga pelajar-pelajar kita yang belajar di luar negeri ini terlibat dengan perkara yang tidak baik, negatif. Saya ingin tahu berapa ramaikah di antara pelajar-pelajar kita yang menuntut di luar negara ini telah terlibat dengan perkara-perkara ataupun gerakan yang tidak baik termasuklah dari segi *terrorism* ataupun keganasan ini.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian ataupun kerajaan adakah terdapat persatuan-persatuan ibu bapa yang telah ditubuhkan ataupun didaftarkan di bawah kementerian ataupun kerajaan yang melibatkan pelajar-pelajar di luar negara.

Saya takut dan bimbang kalau kita menghantar anak-anak ke luar negara ibu bapa menjangkakan anak-anak mereka akan berjaya, tetapi mereka tidak tahu bahawa

sebahagian daripada anak-anak mereka sebenarnya telah terlibat dengan perkara-perkara yang tidak diingini.

**Tuan Pengerusi**, saya mohon penjelasan..

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sudah tidak ada masa Yang Berhormat. Yang Berhormat, dia sudah tidak ada masa.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Mutualib:** Akhir sekali..

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Maran

**Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Mutualib:** Tidak ada masa.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia tidak ada masa, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Mutualib:** Baik-baik, kalau boleh tambah saya beri.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Tidak ada masa.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tidak boleh?

**Seorang Ahli:** Tidak ada masa.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Mutualib:** Sedikit lagi, saya hendak gulung.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya hendak masuk sikit.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Mutualib:** Hendak minta Tuan Pengerusi memberikan saya peluang sikit, saya beri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia tidak ada masa, Yang Berhormat. Bagi Yang Berhormat gulung sahaja.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Lepas ini ada kut.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Mutualib:** Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya perwujudan Kolej Tunku Abdul Rahman. Saya ingin tahu setakat ini berapa ramaikah pelajar-pelajar pelbagai kaum yang telah menuntut di Kolej Tunku Abdul Rahman ini dan saya tahu negara kita ini adalah sebuah negara yang pelbagai bangsa, pelbagai kaum dan kita ingin menerapkan semangat perpaduan di kalangan kaum ini.

Saya ingin tahu, sekarang kita difahamkan bahawa majoriti pelajar di Kolej Tunku Abdul Rahman ialah terdiri daripada kaum Tionghua. Apakah perancangan kerajaan, apakah perancangan yang dibuat oleh pihak kolej dalam menarik pelajar-pelajar selain daripada pelajar Tionghua termasuk Melayu, Cina dan lain-lain

bumiputera untuk menyertai kolej ini. Dengan itu, Tuan Pengerusi saya mohon menyokong, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

**11.34 pagi.**

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menarik perhatian Ahli Dewan Butiran 02000 – Pengurusan Jabatan IPTA, 03000 – Jabatan Pendidikan Swasta dan 070000 PTPTN. Yang pertamanya saya tarik perhatian tentang objektif Kementerian Pengajian Tinggi iaitu untuk mencapai satu sistem yang bertaraf dunia. Ini adalah merupakan satu hasrat yang begitu muluk, yang begitu istimewa sekali untuk kita menjadikan Malaysia ini sebagai sebuah negara di mana ia adalah merupakan pusat kepada kecemerlangan pendidikan. Dengan izin, *center of educational excellence*.

**Datuk Ronald Kiandee:** Tuan Pengerusi, adakah perlu ahli Yang Berhormat declarekan *interest* dia sebagai Pengerusi PTPTN kerana dia akan berucap tentang PTPTN.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat Pengerusi PTPTN, boleh bercakaplah, tetapi jangan yang...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amilruddin :** Ya, may be return of the...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:**...untuk memperjuangkan kepentingan diri sendiri.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amilruddin:** *May be return of the investment.*

*[Ketawa]*

**Dato' Razali bin Ismail:** Universiti di sini adalah merupakan satu institusi yang penting, tetapi dalam usaha kita mencapai bertaraf dunia itu, setakat manakah kita sekarang berada pada taraf dan kedudukan yang macam mana. Sekarang ini kita mendapat pelajar-pelajar yang bercoholt umur 17-23 tahun hanya kira-kira 22% sahaja yang berada di IPTA ataupun IPTS. Sedangkan berbanding dengan negara-negara yang maju Jepun misalnya sekarang ini sudah ada pada peringkat 50%.

Ertinya kedudukan kita amat jauh ke belakang. Kita mempunyai sasaran kita iaitu untuk menjelang tahun 2010, kita hendak mencapai 40% pelajar-pelajar kita dalam lingkungan umur 17 hingga 23 tahun itu berada di IPTA atau IPTS. Namun kita

juga harus semak bukan sahaja dari segi jumlahnya tetapi juga dari segi mutunya. Selain daripada itu juga, ialah tentang pendidikan universiti yang begitu penting sekali.

Sebab di sini ialah tempat kita melahirkan yang disebut sebagai tempat kita menyemai benih kepada generasi pemikir-pemikir masa depan kita yang begitu penting sekali, dan saya ingin ulangi sekali lagi supaya IPTA, IPTS dan juga institusi pendidikan itu dijadikan sebagai satu agenda dalam *national security of the first order* dengan izin. Ini untuk memastikan bahawa negara kita sentiasa peka untuk meletakkan kita sebaris dengan negara-negara maju yang lain agar kita tidak mudah diperkotak-katikkan dalam dunia global yang penuh dengan cabaran sekarang. Maka meletakkan Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi ini sebagai *national security of the first order* itu sebagai sesuatu yang wajar.

Saya juga ingin menarik perhatian tentang peranan universiti dalam usaha kita untuk melahirkan warga-warga dan rakyat Malaysia yang bertaraf dunia iaitu kita menyemak kembali tugas-tugas yang dimainkan oleh pensyarah-pensyarah kita, dan saya ingin peringatkan di sini dan tegaskan di sini peranan seorang pensyarah selain daripada membuat penyelidikan yang merupakan perkara yang paling penting di dunia akedemia ialah untuk menerbitkan apa yang telah dikaji itu selain daripada membentangkan, mengajar dan juga memberi khidmat-khidmat masyarakat.

Perkara yang penting juga di sini ialah tentang rungutan setakat manakah universiti kita telah mendapat mengkomersialkan segala hasil penyelidikan mereka. Di sini kita harus memberi penekanan tentang jumlah peruntukan seperti mana yang telah disebut oleh rakan-rakan yang lain. Kita dapat bahawa peruntukan yang diberi di bidang *research* ini adalah agak terbatas. Malah satu statistik menunjukkan bahawa Malaysia hanya mendapat peruntukan lebih kurang 0.3% daripada GDP kita. Sedangkan berbanding dengan Jepun, 2.8% daripada GDP dan Finland 2.6%. ini menunjukkan bahawa agihan kepada peruntukan R&D ini harus dilihat semula agar kita dapat memastikan R&D - *Research and Development* ini benar-benar boleh digerakkan.

Selain daripada itu juga ialah dalam usaha kita untuk kita mengkomersialkan hasil-hasil penyelidikan kita. Di sini kita harus memberi penekanan supaya penyelidikan yang dibuat di universiti itu tidak hanya tinggal kajian sahaja. Ia memerlukan kerjasama dengan agensi swasta dan juga kita memastikan birokrasi yang ada itu dapat memudahkan dan dapat memberi satu keadaan yang *conducive*

agar penyelidikan-penyelidikan kita itu dapat dimanfaatkan dan juga saya cadangkan di sini supaya syarikat universiti itu boleh memainkan peranan untuk menjana pendapatan bagi universiti

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Sudah, gulung Yang Berhormat.

**Dato' Razali bin Ismail:** Gulung? *[Ketawa]* Saya juga ingin tarik perhatian berhubung dengan pegawai-pegawai ataupun warga pekerja di universiti. Sekarang ini kita berdepan dengan masalah ramai ahli-ahli intelektual kita telah meninggalkan IPTA ataupun IPTS, satu perkara yang harus diberi perhatian.

Yang keduanya ialah tentang intelektual *insularity* iaitu di mana kita dapat bahawa pensyarah kita sendiri membendung diri mereka itu dalam kepompong-kepompong yang harus mereka pecahkan agar mereka ini dapat meletakkan IPTA, IPTS di taraf dunia.

Yang satu lagi ialah, saya melihat sekarang ini di antara IPTA, IPTS macam wujud satu keadaan *dualism* keadaan duaan ini yang perlu ditangani dengan sebaik mungkin dalam usaha kita mencapai matlamat yang sama di universiti kita dan antara kita mencapai matlamat yang sama untuk kemajuan negara kita.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Cukup Yang Berhormat.

**Dato' Razali bin Ismail:** Yang PTPTN tidak boleh sentuh?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Cukup Yang Berhormat.

**Dato' Razali bin Ismail:** Baik, terima kasih banyak.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Beluran

#### 11.41 pg.

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Dalam membawa industri pendidikan sebagai *the national security of the first order...*

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Datuk Ronald Kiandee:** Tuan Pengerusi, saya melihat bahawa kementerian harus melihat teguran dan cadangan yang dibuat oleh beberapa kementerian tentang kehendak untuk melahirkan graduan yang fasih berbahasa Inggeris. Ini merupakan salah satu faktor yang dilihat oleh Kementerian Pembangunan Sumber Manusia sebagai satu faktor yang menghalang untuk membawa graduan kita ke tahap yang kita jangkakan. Saya ingin tahu apakah rancangan tindakan yang diambil oleh

kementerian dalam menentukan graduan yang dilahirkan oleh IPTA kita di negara ini mampu untuk menguasai bahasa penting dunia sekarang ini.

Kalau kita lihat sekarang ini IPTS sebahagian besar daripada IPTS yang ada di negara kita menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa *medium of instruction* sebagai bahasa penghantar dalam universiti mereka. Apakah kementerian tidak melihat bahawa dalam jangka masa panjang ini kita akan melihat graduan-graduan yang lahir daripada IPTS akan mempunyai penguasaan dalam bahasa Inggeris yang lebih fasih daripada jika dibandingkan dengan graduan-graduan yang akan lahir dari IPTA.

Apakah kementerian tidak melihat ini sebagai satu perkara serius yang harus diambil tindakan daripada sekarang. Tuan Pengerusi, saya juga ingin melihat kualiti-kualiti graduan secara umumnya yang dikeluarkan dari IPTS dijaga secara baik melalui Lembaga...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Dungun bangun.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan:** Minta laluan boleh? Laluan, laluan.

**Datuk Ronald Kiandee:** Ok, ok

**Datuk Rosli bin Mat Hassan:** Terima kasih Yang Berhormat Beluran. Berkenaan dengan graduan IPTA, IPTS ini bolehkah Yang Berhormat sedikit sebanyak membantu memberi sedikit penjelasan, kerana kalau hari ini kita nampak bahawa di negara kita memang kita punya banyak halangan di dalam meningkatkan mutu graduan kita. Malah kita melihat di peringkat kerajaan sendiri memberi keutamaan dan penghormatan tinggi kepada graduan-graduan daripada luar IPT. Sebagai contohnya, kalau kita melihat bagaimana penempatan ketua-ketua eksekutif di GLC umpamanya, syarikat-syarikat kerajaan ataupun penempatan kepada organisasi-organisasi yang besar. Biasanya seolah-olah ada trend bahawa ini *graduate* daripada Oxford, ini graduan dari Harvard.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat janganlah banyak sangat...

**Datuk Rosli bin Mat Hassan:** Sikit lagi Tuan Pengerusi. Sehingga kita sendiri tidak yakin kepada keupayaan graduan-graduan tempatan yang kita sendiri lahirkan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Ok.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan:** Jadi bolehkan Yang Berhormat memberi penjelasan dan bertanya kepada kementerian supaya apakah ini sebuah trend yang berlaku di negara kita.

**Datuk Ronald Kiandee:** Terima kasih Yang Berhormat. Itu yang saya bayangkan Dungun. Kita harus melahirkan graduan yang *up to date*. Dan salah satu yang boleh membawa mereka *up to date* adalah untuk menguasai bahasa Inggeris. GLC, graduan Oxford mereka mempunyai *advantage* belajar di luar negara, mempunyai penguasaan dalam bahasa Inggeris yang luas. *Up to date*, ya. Terima kasih, saya setuju ini harus dilihat secara serius oleh kementerian dalam menentukan....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Kuching bangun. Masa Yang Berhormat..

**Datuk Ronald Kiandee:** Saya tidak ada masa. Graduan kita ini baik dilahirkan di IPTA, IPTS harus mempunyai kualiti yang tidak berbeza. Saya ingin menyentuh tentang LAN. Kita diberitahu di Dewan ini bahawa terdapat IPTS yang didenda disebabkan oleh penentangan terhadap sijil-sijil LAN yang dikeluarkan. Bererti terdapat kalangan universiti-universiti swasta, kolej-kolej swasta di negara kita ini yang tidak sampai ke tahap yang dijangkakan oleh LAN. Ini pada tahap pemeriksaan *on the spot*, bukan dijalankan secara berterusan dan kita dapat bahawa terdapat universiti yang tidak sampai ke tahap dijangkakan oleh LAN. Apakah kementerian tidak berpendapat bahawa pemeriksaan *on the spot* ini harus dijalankan lebih kerap daripada yang ada sekarang ini.

Saya ingin melihat IPTS juga mampu melahirkan graduan-graduan yang setanding dengan IPTA. Saya belajar buat Masters di IPTS, yang saya rasakan juga memberi ilmu sebaik yang diberikan oleh IPTA tetapi LAN harus mempunyai unit penguatkuasaan yang lebih banyak, lebih ramai orangnya, lebih cekap penguasaannya untuk melihat bahawa tidak ada IPTS-IPTS yang melanggar syarat-syarat yang dikeluarkan oleh kementerian.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Gulung Yang Berhormat.

**Datuk Ronald Kiandee:** Yang akhir sekali, Tuan Pengerusi, apakah sebab UPU universiti-universiti swasta ataupun kolej-kolej universiti swasta seperti umpamanya UNITAR, Universiti Multimedia, Universiti Tenaga tidak disenaraikan pengambilan penuntutnya menerusi UPU? Apakah rasional kementerian? Kalau UPU

cuma menampung pengambilan IPTA-IPTA pada masa dahulu, pada peringkat sekarang ini di mana industri ini berkembang secara seiring – IPTA dan IPTS berkembang secara seiring, apakah tidak ada langkah dan rancangan kementerian untuk membuka UPU ini juga kepada IPTS-IPTS yang berjaya .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup Yang Berhormat.

**Datuk Ronald Kiandee:** .... seperti universiti-universiti dan juga seperti UNITAR dan sebagainya. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ramai yang hendak berucap tetapi kita sudah ketinggalan, Yang Berhormat. Saya cuma benarkan, saya ingat dua orang sahaja lagi untuk bercakap pada pagi ini. Saya bagi Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, selepas itu Yang Berhormat bagi Serdang dan selepas itu kementerian menjawab.

**Beberapa Ahli:** Allah!!

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron: [Menyampuk]** Tangga Batu tak dapat?

**Beberapa Ahli: [Menyampuk]**

**11.46 pagi.**

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengambil kesempatan untuk membahaskan Butiran 010000 dan Butiran 040000.

Tuan Pengerusi, yang pertama sekali saya ingin menyentuh mengenai pilihan raya kampus. Saya mendapati bahawa amalan yang dilaksanakan oleh semua IPTA dalam negara hari ini menjadi semakin tidak demokratik, iaitu apabila berlakunya campur tangan yang saya anggap merupakan satu campur tangan yang terlampaui.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** *Point of Order.* Tuan Pengerusi, pendidikan tinggi merupakan isu penting.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Saya faham Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Macam mana hendak selesai masalah kalau tidak ada perbincangan? Kenapa tidak .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Duduk dulu Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** ..... kita syorkan kepada kerajaan tambah hari debate, bahas sebab apa yang mahu dibahas kalau macam ini. Itulah masalah yang kita hadapi, pelajar-pelajar kita tidak cemerlang .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** .... sebab beginilah keadaan dia.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, saya faham, saya faham Yang Berhormat teguran itu. Ya, teruskan.

**Cik Fong Po Kuan:** *[Menyampuk][Ketawa]*

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** Tuan Pengerusi, saya ingin memperjelaskan tentang satu isu iaitu berlakunya apa yang saya anggap sebagai suatu campur tangan yang terlampau di dalam pilihan raya kampus baru-baru ini. Kenapa kita mesti menjadikan universiti yang kita anggap, yang mana ingin menjadikan semua universiti kita sebagai universiti kelas pertama ini menjadi semakin tidak demokratik.

Saya bersetuju tadi dengan pandangan daripada sahabat saya, Yang Berhormat bagi Gerik tentang satu isu mengenai surat pekeliling yang dihantar kepada semua Naib Canselor universiti-universiti dalam negara kita, iaitu yang tidak membenarkan mereka membuat sebarang *press statement*, sebarang kenyataan media sedangkan kita faham dan sedar bahawa golongan ilmuwan ini, golongan cendekiawan ini perlu untuk mereka melahirkan pandang-pandangan mereka.

Jadi jangan sekali-kali kita melayan golongan cendekiawan ini, golongan ilmuwan ini seperti guru sekolah rendah ataupun guru sekolah menengah. Mereka adalah merupakan golongan cendekiawan, mereka adalah merupakan golongan ilmuwan yang sangat besar peranan mereka di dalam menentukan hala tuju membangunkan minda dan membangunkan universiti kalau kita mahu universiti kita menjadi universiti kelas pertama.

Tuan Pengerusi, saya ingin meminta supaya Kementerian Pengajian Tinggi mengambil berat tentang beberapa insiden yang berlaku di kampus-kampus semasa pilihan raya kampus baru-baru ini sehingga terdapat sebagai contoh, TNC (Bahagian Hal Ehwal Pelajar) menggeledah bilik-bilik pelajar, mengugut mereka, mengancam mereka. Ada Dekan yang tidak mahu tanda tangan borang pencalonan mereka. Jadi pada saya, Tuan Pengerusi, jangan kita mempersempitkan ruang demokrasi yang kita berikan kepada mereka dan jangan kita terperangkap dalam isu di mana ada pihak

yang cuba menggelar kumpulan ini sebagai kumpulan yang dikatakan prokerajaan dan golongan aspirasi kerajaan ataupun propembangkang.

Pada saya, kita yang lahir dalam Dewan ini sebagai contoh, kita pernah duduk sebagai golongan mahasiswa, kita berjaya dalam kehidupan kita pada hari ini kerana kita diberikan kebebasan dan hari ini kita melihat, yang saya bimbang adalah jika sekiranya perkara ini tidak diatasi, ini akan membunuh idealisme pelajar, akan membunuh masa depan mereka. Jangan kita bimbang kalau mereka memiliki sikap yang radikal dalam pemikiran.

Saya hendak bagi contoh, Tuan Pengurus, dalam Dewan yang mulia ini, pemimpin-pemimpin negara, sebagai contoh, bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, bekas Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim, bekas Menteri-menteri yang pernah berkhidmat di dalam kerajaan, Datuk Musa Hitam, mereka adalah merupakan golongan pelajar. Pada zaman mahasiswa mereka, mereka adalah golongan yang radikal dari segi pemikiran. Tetapi yang pentingnya sejauh mana pun mereka radikal, sejauh mana pun mereka memiliki pemikiran yang proaktif, yang progresif, mereka dan kita semua yang ada pada hari ini, sama ada kita menjadi pembangkang ataupun kita menjadi penyokong kerajaan, kita masih lagi berada dalam satu sistem dalam negara kita.

Jadi, saya mengharapkan supaya Kementerian Pengajian Tinggi mengambil berat bahawa pada saya, sama ada pelajar ini besok, sama ada mereka *at the end of the day*, sama ada mereka ini akan pergi kepada parti pembangkang ataupun mereka akan memilih Barisan Nasional, itu adalah hak mereka, itu hak kita semua. Tetapi jangan kita bunuh idealisme mereka, jangan kita sekat kebebasan mereka dan jangan kita jadikan mereka sebagai budak sekolah ataupun budak yang belajar di tadika-tadika dalam negara kita.

Oleh itu, Tuan Pengurus, kalau kita mahu supaya universiti kita menjadi universiti kelas pertama dan jangan kita mengimpikan kalau kita hendak jadi universiti kelas pertama kalau tidak ada *freedom of speech, freedom of expression* dan kalau tidak ada kebebasan dalam mereka menentukan hala tuju mereka pada masa yang akan datang.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bangun]*

**Tuan Pengurus [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sudah, cukup Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Sikit Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** Kasi dia, kasi dia.

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** Cukup?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup Yang Berhormat. Dia sudah habis Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *Sadaqallahul 'azim.*

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** Saya patuh kepada Tuan Pengerusi.

**Tuan Chong Chieng Jen:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Serdang dan selepas ini Timbalan Menteri menjawab.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Peraturan Mesyuarat, Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Peraturan Mesyuarat. Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada *The Prayer section*, “*Let Thy blessing descend upon us here assembled, and grant that we may treat and consider all matters that shall come under our deliberation in so just and faithful a manner*”. Tuan Pengerusi, saya telah cuba tiga kali semasa perbahasan bawah Kementerian Kesihatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Bukan, saya adalah ahli pembangkang yang tunggal dari Sabah/Sarawak.

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Menyampuk]*

**Tuan Chong Chieng Jen:** Saya tidak diberi satu peluang pun.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat. Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Saya telah ....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada yang bangun sepuluh kali pun tidak dapat, Yang Berhormat.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Tidak, tidak, bukan, bukan. Itu satu *view*, perspektif yang *different*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah, tidak mengapalah.

**Tuan Chong Chieng Jen:** *A different perspective from East Malaysia.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat pasti akan dapat peluang. Sebab itu ....

**Tuan Chong Chieng Jen:** Bukan, bukan. Itu dari kawasan kita East Malaysia.

**Cik Fong Po Kuan:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Serdang, sila teruskan. Tidak mengapa.

**Cik Fong Po Kuan:** *[Menyampuk]* Tuan Pengerusi.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Ada satu diskriminasi, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tidak ada diskriminasi, Yang Berhormat.

**Cik Fong Po Kuan:** Yang Berhormat bagi Kuching sudah tiga empat kementerian, siap teks tetapi tidak ada peluang berucap.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Sudah tiga, empat kali.

**Dato' Yap Pian Hon:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Teruskan.

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Masih menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila duduk Yang Berhormat. Sila duduk.

### 11.54 pagi.

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Terima kasih. Butiran 04800 – Kolej Komuniti.

**Ahli-ahli Pembangkang:** *[Menyampuk]*

**Dato' Yap Pian Hon:** Saya minta jangan ganggu, jangan ganggu saya berucap.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, sila.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Kuching mana boleh cakap.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** *Point of order.*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat akan dapat peluang nanti. Ya, Yang Berhormat bagi Tangga Batu, apa lagi? Cukuplah.

**Beberapa Ahli Pembangkang: [Masih menyampuk]**

**Dato' Yap Pian Hon:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat bagi Serdang, teruskan.

**Dato' Yap Pian Hon:** Kolej Komuniti telah dilancarkan oleh pihak kementerian begitu lama dengan objektif untuk memberi pendidikan dan latihan yang dinamik dan berkualiti kepada semua peringkat masyarakat bagi menyediakan mereka ke dalam kerjaya dan juga untuk meningkatkan tahap sosioekonomi komuniti setempat secara keseluruhannya.

Kolej Komuniti juga merupakan laluan alternatif kepada lepasan menengah dan pelajar yang tidak berpeluang mendapat pendidikan formal atau mengikuti latihan kemahiran dalam bidang teknikal atau vokasional. Inilah objektif untuk menuju Kolej Komuniti dan untuk semua kawasan Parlimen.

Tetapi sehingga kini di kawasan Parlimen Serdang masih belum dapat cadangan untuk menuju Kolej Komuniti sedangkan Yang Berhormat Menteri dalam Dewan telah berhujah pada 12 Julai tahun ini, Yang Berhormat berkata, "Penubuhan Kolej Komuniti di sesebuah kawasan mengambil kira beberapa kriteria iaitu dari segi kepadatan penduduk setempat, kepesatan dan kegiatan ekonomi setempat, juga untuk mengambil kira kawasan yang tidak mempunyai institusi-institusi lain seperti Pusat Giat MARA, Institut Kemahiran MARA, Institut Latihan Perindustrian dan Institut Kemahiran Belia Negara".

Kriteria-kriteria yang dinyatakan oleh Menteri itu memang di kawasan Parlimen Serdang tidak menikmati kemudahan seperti yang dikatakan termasuklah Pusat Giat MARA.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron: [Bangun]**

**Dato' Yap Pian Hon:** Tidak ada masa, minta maaf. Jadi, hanya satu cadangan boleh untuk memberi kemudahan kepada belia di kawasan saya iaitu Kolej Komuniti. Dengan demikian, saya minta Parlimen Serdang ini memang memerlukan keperluan. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri dalam Dewan yang mulia ini. Jadi, saya minta apa sebabnya lambat untuk menuju Kolej Komuniti di kawasan Parlimen Serdang. Saya juga minta kalau pihak kementerian boleh teruskan untuk memberikan kemudahan kepada belia-belia di kawasan saya. Jangan anggapkan Parlimen Serdang begitu bandar tetapi sebenarnya kawasan saya ada 12 kampung tradisi, tiga kampung-kampung baru dan kawasan yang masih kurang maju

seperti di bandar lain, maka diperlukan penubuhan Kolej Komuniti yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri di Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi, Jabatan Pendidikan Tinggi dan Jabatan Pendidikan Swasta. Saya hendak bertanya sebab ini adalah dasar Jabatan Pendidikan Tinggi untuk menghasilkan graduan-graduan yang berkualiti dan mencukupi bagi memenuhi keperluan guna tenaga negara kita. Tetapi, saya minta penjelasan apakah sebabnya ramai graduan yang lepasan universiti tetapi masih tidak dapat kerja? Apa sebabnya berlaku sedemikian? Adakah Jabatan Pendidikan Tinggi ini adakah membuat kajian sebabnya berlaku satu isu sosial terpaksa kerajaan untuk mengambil tindakan bagi latihan selanjutnya ataupun memasukkan kerani-kerani jabatan kerajaan sebagai kerani sementara. Ini telah memalukan atau menjelaskan maruah graduan-graduan kerana terdapat Kementerian Pengajian Tinggi di negara kita ini. Ini satu masalah kelemahan yang perlu dikaji oleh Jabatan Pendidikan Tinggi ini dan saya minta penjelasan, apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasi masalah kelemahan yang berlaku pada tahun ini dan diharap tidak ada kejadian yang berulang semula pada tahun akan datang.

Saya juga minta penjelasan bagi pihak kementerian, setiap kali masuk pendaftaran sesi yang pertama, yang baru, sudah jadi beberapa kekeliruan terhadap para pelajar yang hendak memasukinya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, gulung, gulung, Yang Berhormat.

**Dato' Yap Pian Hon:** Oleh yang demikian, mereka tidak cukup tempat untuk mereka masuk ke universiti yang hendak dimasuki di negara kita ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Jawapan daripada Kementerian Pengajian Tinggi.

**Tuan Chong Chieng Jen:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat boleh mencelah nanti, ya. Yang Berhormat Timbalan Menteri, silakan. Yang Berhormat ada lebih kurang satu jam untuk menghabiskan kalau Yang Berhormat boleh habiskan, saya minta kerjasama.

**11.59 pagi**

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Fu Ah Kiow]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya akan cuba. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada 11 orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa. Ada juga yang menyentuh dasar-dasar dan juga ada yang memberi cadangan dan pandangan yang bernalas. Saya akan cuba perjelaskan beberapa pertanyaan dan juga menjelaskan apa-apa yang saya dapat dalam masa satu jam ini.

Terlebih dahulu Ahli Yang Berhormat bagi Mambong yang mengatakan pada masa kini, sistem pendidikan tinggi kita masih belum mencapai nisbah pelajar yang kita sarankan iaitu 60% untuk Sains dan Teknologi dan 40% dalam aliran Sastera. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Mambong itu adalah benar pada setakat ini tetapi juga kurang tepat. Maksud saya ialah kalau kita lihat bilangan graduan yang menamatkan pengajian pada tahun 2002 adalah benar bahawa bilangan graduan yang mengikuti kursus aliran Sains dan Teknologi cuma 41.5% sahaja dan yang mengikuti aliran Sastera ialah 58.5% tetapi kalau kita lihat angka pengambilan untuk sesi 2004 dan 2005, mereka yang memilih aliran Sains dan Teknologi adalah 60.8% dan yang memilih aliran Sastera adalah 39.2%. Ini bermakna, nisbah yang kita harap akan mencapai yang akan datang dengan lebih ramai lagi pelajar-pelajar yang memilih aliran dalam Sains dan Teknologi.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Pertanyaan, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Pertanyaan Yang Berhormat bagi Mambong...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Saya hendak sedikit *clarification* tentang angka yang telah disebutkan oleh Timbalan Menteri sebentar tadi. Yang pertama, pada tahun 2001, 60:40 daripada Sains kepada Sastera itu adalah lepasan, tetapi angka yang diberi untuk tahun 2004, 60 untuk Sains, 39.2% untuk Sastera, ini adalah kemasukan. Jadi, saya ingin sedikit *consistency* dari segi bidang tadi itu, kemasukan kena dibanding dengan kemasukan, lepasan dibandingkan dengan lepasan kerana yang masuk itu belum tentu keluar. Jadi boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan penjelasan dalam perkara itu? Terima kasih.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Bermakna, kalau ikut bilangan graduan, walaupun kita tidak mencapai nisbah yang dikehendaki, tetapi kalau dilihat angka pengambilan, maka ia telah mencapai nisbah. Tetapi ini tidak bermakna bilangan yang akan menamatkan pengajian mereka akan mencapai nisbah yang dikatakan, sebab mungkin ada yang tidak dapat menamatkan pengajian masing-masing dan walaupun pada peringkat pengambilan ada pencapaian nisbah, tetapi pada masa mereka menamatkan pengajian, mungkin tidak mencapai nisbah.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Yang Berhormat bagi Mambong juga menyarankan supaya kita dapat mempertingkatkan lagi bilangan pelajar yang mengikuti Ijazah Pasca iaitu Ijazah MSC dan Ph.D. Ingin saya mengatakan di sini, memang menjadi satu hasrat kementerian supaya kita dapat mempertingkatkan *enrolment* pelajar-pelajar dalam peringkat pasca ijazah dan kita telah meletakkan peratusan 25% untuk semua pelajar di IPTA yang mengikuti pasca ijazah pada tahun 2010. Pada masa kini, kita cuma mencapai 17% sahaja dan kita akan terus berusaha ke arah tersebut.

Ahli Yang Berhormat bagi Sri Aman telah menyentuh isu beberapa orang bekas komunis yang telah melalui UKM, menerbitkan memoir yang seolah-olah mengagung-agungkan perjuangan mereka. Saya ingin memaklumkan bahawa pihak UKM masih menyiasat perkara ini tetapi memang tidak menjadi hasrat pihak UKM untuk bertujuan begitu.

Kalau sesuatu terbitan adalah dari aspek sejarah dan tidak ada apa-apa elemen yang cuba mengagung-agungkan ideologi komunis, maka itu perlu juga disemak dengan teliti tetapi saya ingin menekankan di sini kerajaan, kementerian saya tidak memberarkan mana-mana IPTA digunakan dalam usaha penerbitan mereka mengagung-agungkan perjuangan atau ideologi komunis. Ini memang tidak dibenarkan dan pihak UKM masih dalam siasatan dan kita akan membuat satu keputusan apabila sudah dapat keputusan siasatan tersebut.

Mengenai dari Ayer Hitam yang telah menyebut apakah tujuan Majlis Peperiksaan mengadakan ujian dan temu duga dan juga *pilot test* dan orientasi untuk pelajar-pelajar yang ingin memasuki kursus perubatan. Ingin saya memaklumkan ini adalah satu kajian *pilot* atau *pilot* projek untuk mengkaji kemungkinan untuk

memperkenalkan ‘*mset test*’ untuk kursus perubatan tetapi buat masa kini ia cuma merupakan satu *pilot test* dan ia tidak ada apa-apa efek yang *binding*, dengan izin, iaitu kalau mereka yang lulus dalam *pilot test* ini tidak bermakna mereka akan diterima semasa mereka memohon kursus perubatan pada masa akan datang.

Ini cuma merupakan satu kajian sahaja sebab Lembaga dan Majlis Peperiksaan dikuasakan untuk menjalankan *pilot test* tersebut ialah disebabkan buat masa ini mengikut undang-undang cuma Lembaga Peperiksaan dan Majlis Peperiksaan Malaysia berhak untuk menjalankan segala peperiksaan terhadap pengambilan pelajar untuk memasuki universiti, termasuk MUET, iaitu *Malaysian University English Examination*. Sebab itu Majlis Peperiksaan ditugaskan untuk menjalankan kajian ini.

Tentang PTPTN dan usaha PTPTN untuk mengutip bayaran balik daripada peminjam-peminjam, perkara ini telah banyak dijawab oleh Setiausaha Parliment dalam sesi soalan minggu lepas dan saya tidak berhasrat hendak mengulang cuma saya hendak mengingatkan semua peminjam jangan ingkar membayar walaupun mereka telah mula bekerja sebab .....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bangun]*

**Tuan Pengurus:** Yang Berhormat.

**Dato' Fu Ah Kiow:** .....kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan termasuk tindakan undang-undang terhadap mereka yang enggan membayar balik walaupun mereka telah mula bekerja. Ya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Semua benda macam ini saya berharap pihak kementerian atau pihak mana-mana kalau hendak buat sesuatu kenyataan haruslah mengkaji terlebih dahulu dasar-dasar dan peraturan-peraturan yang ada sebelum kita ingin membuat cadangan ataupun pandangan. Ini akan menimbulkan isu-isu yang tidak perlu diperbincangkan tetapi kita terpaksa bincang kerana rakyat terkejut dan pelajar pun merasa bimbang.

Satu lagi saya hendak tahu Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya tidak boleh bercakap, masa tidak ada. Saya hendak tahu tentang makanan yang diberi kepada pelajar-pelajar di IPTA kita, di universiti-universiti, *quality of food* yang kita bekalkan kepada mereka, adakah pihak kerajaan juga mengawal dari segi makanan-

makanan yang kita hantar, kerana makanan juga memberi faktor yang penting kepada kecergasan dan kesihatan pelajar-pelajar.

Saya tidak mahu – fasal saya terbaca di dalam akhbar harian *Metro* yang bertarikh 26 November, sama ada di pusat pengajian tinggi ada makan mee ataupun kue tiau tidak tahulah tetapi di surat khabar ini dia kata kue tiau ini, ia gunakan lemak khinzir untuk melembutkan kue tiau dan mee bagi tahan lama. Ini telah berlaku di kawasan Kepong. *Point of order*, Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Kepong tidur dalam Dewan. *[Ketawa]*

Yang Berhormat bagi Kepong, ini surat khabar 26 hari bulan, di kawasan Kepong ada satu kilang mengeluarkan makanan segera iaitu mee dan kue tiau yang dicampurkan dengan lemak khinzir. Jadi, ini dalam akhbar, kalau tidak ini boleh tanya akhbar dan kementerian telah buat serbuan ke atas kilang yang begitu kotor. Saya harap Yang Berhormat bagi Kepong boleh melawat kerana ini di dalam kawasan Yang Berhormat. Ini mencemarkan kawasan Yang Berhormat.

Jadi, apakah pihak kementerian mengawasi bahawa setiap makanan-makanan yang masuk ke universiti ini diberi tahap mutu yang baik supaya pelajar-pelajar ini akan mendapat makanan yang terbaik, berkhasiat dan juga berjaya mendapat keputusan yang baik. Jangan kita anggap pelajaran sahaja tetapi kesihatan dan makanan juga boleh membantu seseorang itu menjadi ini. Saya minta pihak kerajaan, Yang Berhormat bagi Kepong tolong siasat di bahagian Kepong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Cukup, Yang Berhormat. Jawab terus.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Isu pertama tentang kenyataan oleh pihak kementerian yang sepatutnya dibuat secara bersepada supaya tidak mengelirukan. Untuk itu saya terima dengan baik teguran daripada Yang Berhormat bahawa kenyataan sepatutnya dikeluarkan setelah dihalusi dan juga dapat persetujuan daripada kementerian. Saya terima dengan baiklah.

Tentang masalah makanan yang berkhasiat itu tidak disentuh dalam perbahasan tadi, sepatutnya apabila saya menjawab saya cuma sentuh perkara-perkara yang disentuh. Walau bagaimanapun, ini adalah dalam kawalan pihak universiti dan saya percaya tidak ada mana-mana universiti akan membenarkan perkara yang tadi disebut .....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** *[Bangun]*

**Dato' Fu Ah Kiow:** ...oleh Yang Berhormat untuk dimasuki dalam makanan universiti.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, .....

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Minta laluan.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Yang Berhormat bagi Ayer Hitam dahulu, tadi dia naik dahulu.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Saya sudah berdiri lama.

**Tuan Pengerusi:** Saya sebut Yang Berhormat bagi Kepong dahulu.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Jerai .....

**Tuan Pengerusi:** Berkенаan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Berkенаan dengan itu, saya pun sedang menangani masalah ini dan saya tengok dia punya sijil, sijil itu memang halal dan Yang Berhormat patutlah siasat dengan teliti sebelum kita bawa kepada Dewan yang mulia ini dan saya bersetuju dan Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak patut kita bangkitkan di sini. Bangkitkan di tempat yang wajar. Yang Berhormat, kita hendak bincang Pengajian Tinggi, kalau hendak soal halal, tidak halal itu ia bukan kementerian.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Dia tidak faham. Yang Berhormat bagi Kepong, saya bercakap tentang makanan kepada universiti-universiti.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya dah faham, dia selitkan di dalam itu.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Kemudian saya tidak mahu makanan yang tidak halal masuk ke universiti. Yang Berhormat jangan hendak tutup kekotoran yang berlaku di Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya tidak tutup.

**Tuan Pengerusi:** Cukup, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, saya sedang menyiasat hal ini, saya harap Yang Berhormat bersama-sama dengan saya boleh mewujudkan satu keadilan. Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri setuju dengan saya hal seperti ini dibawa kepada saluran yang wajar.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Tidak payahlah kita berpanjangan dengan isu ini. Saya ingin terus kepada lain-lain Ahli Yang Berhormat kalau ada apa-apa hendak tanya.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada apa yang telah saya bangkitkan semalam mengenai *m-set* iaitu ujian lisan, temu duga dan juga orientasi program itu.

Saya tertarik dengan jawapan Yang Berhormat tadi yang mengatakan ianya dibuat secara *pilot study* dan ianya dibuat secara pendaftaran sukarela. Saya hendak tahu daripada Yang Berhormat sama ada keputusan itu akan diumumkan kepada Dewan ini atau pun bagaimana ianya dapat disampaikan kepada golongan sasaran dan apakah tujuan diadakan ujian dan saya nampak apabila *m-set* itu diperkenalkan, reaksi orang ramai terhadap kes ini adalah bercampur-campur. Ada yang bersetuju dan ada yang tidak bersetuju.

Bagaimana pula kaedah kita menjalankan ujian tersebut sama ada ia sesuatu yang dikehendaki oleh kita dan saya minta penjelasan dari Yang Berhormat yang mana kita hendak mengambil kira faktor-faktor ini. Terima kasih.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Tuan Pengerusi, kalau semua *pilot test* dan pengecualian *pilot test* kena dimaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, saya rasa kerajaan tidak dapat menguruskan hal pentadbiran. Sesuatu kajian ini adalah suatu *pilot test* dan kita akan menjalankan dengan kaedah tertentu dan untuk mendapatkan *feed back* dan juga maklum balas sama *m-set* itu wajar atau tidak diperkenalkan. Sabarlah sedikit, bila kita ada satu keputusan daripada kajian itu, kita akan memaklumkan atau mungkin kementerian akan membuat suatu keputusan sama ada meneruskan *m-set* atau tidak. Sabar sedikit ya.

Saya hendak alih kepada pertanyaan daripada Yang Berhormat bagi Larut yang mengatakan apakah pewujudan IPTS hanya untuk mengaut keuntungan sama ada ia telah menawarkan kursus yang berkualiti. Ingin saya memaklumkan di sini, kalau kita lihat peranan IPTS dan peranan swasta sebagai *provider's of higher education*, dengan izin, kita perlu mengakui bahawa peranan pihak swasta memang telah memainkan peranan yang amat penting. Kalau kita lihat bilangan pelajar yang belajar di IPTA kini ialah lebih kurang 320,000 orang dan yang belajar di IPTS juga bilangannya ialah 200,000, 300,000 orang. Ini jelas menunjukkan pihak swasta telah memainkan peranan yang amat penting sebagai pembekal pendidikan tinggi.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** *[Bangun]*

**Datuk Fu Ah Kiow:** Kalau kita lihat dari aspek kualiti, banyak kursus yang ditawarkan oleh IPTS telah pun mendapat pengiktirafan daripada universiti-universiti

luar negara khususnya apabila mereka diterima untuk mengikuti pengajian pada tahun 3 atau 4 juga apabila kita memperkenalkan kursus 3 + 0.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Bera.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Nanti saya akan bagi selepas ini. Itu bermakna pihak universiti luar negara sentiasa memantau cara kita mengendalikan kursus, kandungan kurikulum dan juga cara kita menjalankan ujian atau penilaian pencapaian atau prestasi pelajar-pelajar. Ini jelas menunjukkan kursus memang diterima baik di akademia antarabangsa.

Selain daripada itu, kerajaan melalui LAN juga sentiasa menjalankan berbagai-bagi langkah untuk memantau kualiti-kualiti program pengajian yang ditawarkan oleh IPTS. Ini jelas menunjukkan kewujudan IPTS telah banyak mendatangkan manfaat kepada negara kita. Ya, Bera.

**Tuan Pengerusi:** Bera.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin menyentuh tentang IPTS. Setuju atau tidak Yang Berhormat kalau saya katakan bahawa penubuhan IPTS tanpa kawalan kerajaan, penubuhan yang begitu banyak dan pengambilan pelajar tanpa ada satu kaedah mekanisme tertentu akhirnya menyebabkan jurang pemisah di antara kaum semakin melebar dengan wujudnya IPTS ini.

Kalau kita lihat pelajar-pelajar bumiputera banyak di IPTA. Tetapi di IPTS, hampir saya rasa sesetengahnya 90% daripada pelajar di satu-satu IPTS adalah bukan Melayu dan cara keseluruhannya saya kira mungkin 80% lebih di IPTS terdiri daripada bukan Melayu dan jikalau perkara ini tidak dibendung, akhir suatu masa nanti jurang melebar begitu luas. Semakin banyak IPTS didirikan akhirnya kumpulan bukan Melayu di satu pihak, kumpulan Melayu di satu pihak, ini satu perkara.

Yang kedua, dari segi persepsi *private sector* terutamanya melihat mutu pelajar-pelajar IPTS lebih tinggi terutama apabila pelajar-pelajar IPTS yang menawarkan program-program berkembar, (*twinning programme*) atau universiti berkembar (*twinning university*), mereka dianggap fasih berbahasa Inggeris dan sebagainya dan *mentality corporate sector* yang hendakkan pelajar berbahasa Inggeris dengan baik dan sebagainya. Akhirnya perkara ini menyebabkan pelajar Melayu keluaran IPTA tidak dianggap bermutu dan menyebabkan kurang mendapat kerja. Susah mendapat kerja.

Dengan wujudnya IPTS tanpa kawalan ini yang pertama akan melebarkan jurang pemisahan kaum dan yang kedua akan menyebabkan semakin kurangnya peluang kepada pelajar-pelajar Melayu untuk mendapatkan kerja. Bersetujukah Yang Berhormat kepada perkara ini dan apakah tindakan kerajaan di dalam perkara ini dan apakah tindakan kerajaan untuk memperbanyakkan pelajar-pelajar Melayu di IPTS. Adakah akan diwujudkan dana, adakah akan ditambahkan dana dan sebagainya. Terima kasih.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Tuan Pengurus, perkembangan pendidikan tinggi di IPTS tidak harus dilihat sebagai satu *dualism* seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Larut juga. Sebaliknya ia perlu dilihat sebagai satu pertambahan *capacity enrolment* untuk menghasilkan lebih ramai lagi pelajar-pelajar Malaysia untuk memenuhi keperluan tanah manusia yang kian tidak mencukupi khususnya dalam bidang-bidang tertentu.

Tentang bagaimana kita dapat menggalakkan lagi lebih ramai pelajar bumiputera memasuki IPTS ingin saya menerangkan di sini bahawa IPTS tidak pernah mengehadkan mana-mana pelajar yang tidak mengikut kaum untuk memasuki IPTS, tidak. Tetapi selain daripada itu, kerajaan telah juga menyediakan pinjaman melalui PTPTN supaya kalau mereka ingin belajar dengan kursus-kursus yang ditawarkan oleh IPTS, mereka digalakkan dan kalau mereka tidak mampu, kerajaan akan memberi pinjaman untuk tujuan tersebut.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** *[Bangun]*

**Tuan Pengurus:** Yang Berhormat, Kemaman.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Nanti saya bagi, ya. Itu memang satu-satunya yang kita perlu jelaskan kepada rakyat dan supaya tidak ada mana-mana pihak yang salah anggap seolah-olah IPTS mengehadkan kemasukan pelajar bumiputera, tidak. Sebaliknya kita menggalakkan supaya lebih ramai lagi. Selain daripada itu, saya anggap bahawa .....

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** *[Masih bangun]*

**Tuan Pengurus:** Kemaman duduk dahulu.

**Datuk Fu Ah Kiow:** ..... nanti saya bagi. Saya juga anggap bahawa kalau kita lihat dari segi positif bahawa persaingan di antara IPTS dengan IPTA juga boleh menggalakkan supaya IPT di negara kita menyediakan program yang lebih berkualiti dan juga itu kalau dianggap sebagai suatu persaingan yang positif maka kita dapat

meningkatkan lagi taraf pengajian tinggi di Malaysia. Saya rasa itu patutlah anggapan kita. Ya, Kemaman.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Terima kasih Tuan Pengurus dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya bersetuju bahawa kerajaan menggalakkan supaya IPTS yang ditubuhkan begitu banyak akhirnya tidak mencerminkan bahawa ia hanya untuk kaum yang tertentu. Tetapi realitinya kita tahu bahawa bilangan bumiputera yang mampu untuk masuk dalam IPTS adalah terlalu sedikit, terlalu kecil bilangannya. Saya difahamkan hanya sekitar 15% daripada golongan bumiputera.

Betullah kita katakan bahawa kerajaan menggalakkan, kerajaan menggalakkan, kerajaan menggalakkan. Itu cakap umum, tetapi apakah langkah yang paling serius yang mesti dilakukan supaya soal ketidakseimbangan ini dapat diatasi dengan segera supaya akhirnya isu *dualism* yang disebutkan, yang kaya hanya pergi ke IPTS yang kemudiannya menawarkan mutu pendidikan yang lebih baik. Yang miskin yang terdiri daripada orang-orang bumiputera hanya mampu ke IPTA yang akhirnya dikaitkan dengan kerendahan mutu pendidikannya.

Kemudiannya satu perkara yang serius yang selalu disebutkan tentang masalah kemerosotan dari segi kualiti pendidikan di IPT kita ialah apa yang disebutkan *vicious circle of mediocrity*, ertinya putaran ganas kesederhanaan. Yang terbaik, yang tercemerlang tidak mahu lagi jadi pensyarah, tidak mahu lagi termasuk di kalangan golongan akademik kerana dianggap bahawa itu bukanlah satu kerjaya yang berprestij sekarang ini.

Kalau ada pun yang terbaik, mereka pergi ke IPTS tetapi tidak duduk di IPTA. Akhir tenaga pensyarah yang sederhana sahaja yang ada di IPTA untuk melahirkan pelajar yang akhirnya sederhana, yang sederhana inilah kemudiannya keluar untuk menjadi pensyarah mereka yang lebih sederhana lagi. Ini adalah isu yang saya anggap serius yang mesti ditimbangkan dan diselesaikan sekarang. Terima kasih.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kemaman tentang jurang perbezaan. Kalau kita lihat bilangan jumlah pelajar-pelajar di IPTA bersama-sama dengan di IPTS maka bilangan bumiputera masih melebihi. Kalau kita cuma lihat IPTS mungkin bilangan bukan bumiputera adalah melebihi. Kalau pada keseluruhannya ia tidak menjaskankan hasrat kerajaan untuk menggalakkan lebih ramai pelajar bumiputera untuk mengikuti pengajian tinggi.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob:** [Bangun]

**Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat : [Bangun]**

**Cik Fong Po Kuan : [Bangun]**

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, berapa lama lagi?

**Dato' Fu Ah Kiow:** Tentang kualiti .....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Nanti. Nanti, saya habis dahulu.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, berapa lama lagi?

**Datuk Fu Ah Kiow:** Ada banyak lagi lah.

**Tuan Pengerusi:** Lima minit lagi boleh?

**Dato' Fu Ah Kiow:** Banyak lagi. Tentang kualiti, saya ingin mengatakan kalau kita lihat dari segi infrastruktur atau kemudahan yang ada dan juga kualiti kemasukan yang ada, syarat untuk kemasukan ke IPT yang ada ia memang lebih ketat sebab kita memerlukan lima kredit untuk memasuki IPTA dan kalau kita lihat infrastruktur juga lebih baik daripada kebanyakan IPTS.

Adalah suatu tanggapan yang tidak tepat mengatakan kualiti IPTA sebagai kurang baik. Saya telah boleh setuju dengan tanggapan tersebut. Tetapi ada kemungkinan kursus-kursus yang tertentu di mana mungkin pihak IPTS yang mempunyai kualiti yang lebih baik, ada sebab-sebab tertentu mungkin mempunyai pensyarah-pensyarah yang lebih berpengalaman dan sebagainya. Itu saya terima tetapi saya tidak terima jika mengatakan IPTA mempunyai kualiti yang lebih rendah.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, ada dua hendak bercakap.

**Seorang Ahli:** Sini sudah lama Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Tiga.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Saya juga mengatakan bahawa dari segi pensyarah-pensyarah, bagaimana kita menggalakkan lebih ramai yang mengajar di IPTA. Tuan Pengerusi sebab ada banyak soalan saya hendak jawab, saya memang tidak dapat memberi banyak lagi untuk memberi laluan.

**Cik Fong Po Kuan :** Minta penjelasan.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob:** Sedikit sahaja.

**Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat :** Penjelasan.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Biar saya terus habis dahulu, kalau hendak tanya, tanyalah.

**Cik Fong Po Kuan:** Tetapi kualiti. Kualiti .....

**Dato' Fu Ah Kiow:** Nanti, biar saya terus. Saya cuma kira empat sahaja. Ada tujuh orang lagi.

**Cik Fong Po Kuan:** Lanjutkan masa. Saya rasa ....

**Dato' Fu Ah Kiow:** Saya ada satu setengah jam lagi. Saya rasa satu setengah jam lagi tidak cukup.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob:** Ini tentang kualiti .....

**Dato' Fu Ah Kiow:** Tentang penipuan yang berlaku oleh pihak tertentu yang menggunakan sijil yang palsu. Ingin saya maklumkan bahawa kalau mereka menggunakan sijil palsu daripada universiti luar negara, memang susah untuk kementerian memantau sebab walaupun JPA ada tersenarai dalam laman web semua universiti-universiti yang telah diiktiraf dan juga kursus-kursus yang telah diiktiraf. Tetapi kalau ada pihak tertentu yang menggunakan sijil daripada universiti yang palsu, kita tidak dapat memantau semua kes.

Tetapi saya ingin meminta mana-mana pihak yang kalau ingin melantik seseorang yang mengatakan mempunyai sesuatu sijil, mereka boleh merujuk kepada kementerian untuk mendapatkan kesahihan sijil tersebut.

Tentang Skim Simpanan Pelajaran Negara (SSPN), perkembangan terkini tentang SSPN yang telah dilancarkan pada awal tahun ini, ingin saya memaklumkan bahawa sehingga 19 Oktober, 11,832 akaun telah dibuka dan kutipan daripada deposit terkumpul berjumlah hampir RM2 juta. Saya berpendapat bahawa kita perlu mempertingkatkan galakan di kalangan rakyat untuk menyertai skim ini dan semua Ahli Yang Berhormat juga digesa untuk membantu kementerian menghebahkan skim yang diwujudkan ini.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Minta penjelasan. Tadi saya ada menyebut, sebelum masuk kepada SSPN tadi, tentang Tabung Perbadanan Pengajian Tinggi yang kita tidak boleh bertahan selama-lamanya, jadi apakah pihak kementerian boleh melihat badan-badan korporat yang boleh menyumbang kepada tabung ini tetapi dikecualikan cukai, sama ada perkara ini hendak dilihat ataupun tidak. Itu yang saya bangkitkan tadi.

**Dato' Fu Ah Kiaw:** Pengecualian cukai adalah di bawah kuasa Kementerian Kewangan. Kalau ada pihak-pihak swasta yang ingin menyumbang kepada tabung pendidikan, kita memang mengalu-alukan, tetapi sama ada kerajaan akan memberi pengecualian cukai itu terserah kepada pihak Kementerian Kewangan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya minta kepada kementerian berusaha ke arah itu. Kalau tidak mereka mungkin tidak nampak perkara ini.

**Dato' Fu Ah Kiaw:** Ya, ini akan diambil pertimbangan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Banyaklah, macam Petronas. Banyaklah.

**Dato' Fu Ah Kiaw:** Baik. Terima kasih. Daripada Gerik, tentang kita tidak patut menyekat kebebasan para pensyarah membuat kenyataan akhbar dan menyuarakan pandangan terhadap isu-isu tertentu. Ingin saya menjelaskan di sini bahawa kementerian tidak berhasrat hendak menyekat kebebasan pensyarah membuat sesuatu kenyataan asalkan isi kandungan kenyataan tersebut adalah berkaitan dengan perkara yang akademik dan hasil daripada penyelidikan dan sebagainya. Kalau mengenai isu-isu politik, itu memang tidak digalakkan.

Tentang pelantikan PTD sebagai naib cinselor, saya tidak pasti ada kes sebegini. Memang semua pelantikan ke jawatan naib cinselor dan timbalan cinselor adalah mengikut peraturan-peraturan yang telah disediakan di bawah perundangan AUKU. Tidak pernah ada kes-kes PTD yang memegang jawatan tersebut sebab khususnya naib cinselor adalah perlu daripada *academia* baharulah mereka boleh mempunyai pengalaman yang mencukupi.

Ahli Yang Berhormat bagi Bentong ada menyuarakan tentang kualiti universiti perlu dijaga supaya drafnya tidak menurun.

**Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** Penjelasan. Satu soalan yang lebih besar daripada tadi saya timbulkan iaitu Penerbit UKM menerbitkan empat *memoirs* mengenai pengganas komunis tetapi pejuang kita, Askar Melayu menentang penjajahan iaitu Leftenan Adnan ditolak. Jadi, mintalah, barangkali kalau tidak dapat sekarang pun jawapan secara bertulis, adakah ini cara *proper* dibawa kepada Lembaga untuk ditolak. Yang empat kita terbitkan dan yang Wira Leftenan Adnan ini ditolak. Adakah ini melalui Lembaga Pengarang ataupun secara individu peribadi seseorang? Itu sahaja.

**Dato' Fu Ah Kiaw:** Sebenarnya soalan ini telah dijawab semasa saya menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat bagi Sri Aman tadi. Tetapi ingin saya beritahu bahawa pihak UKM masih dalam peringkat siasatan terakhir dan suatu keputusan akan dibuat. Tetapi kita memang tidak membenarkan mana-mana pihak

menyalahgunakan kesempatan di universiti untuk mengagung-agungkan ideologi perjuangan komunis.

Ahli Yang Berhormat bagi Bentong ada mengatakan bahawa kepentingan untuk menjaga taraf universiti tempatan, ini pun sebenarnya sudah dijawab oleh Menteri mengenai taraf universiti tempatan di antara universiti-universiti di dunia semasa Yang Berhormat Menteri menjawab dalam perbahasan usul semalam. Isu projek penyelidikan yang perlu dipertingkatkan di kalangan universiti, saya amat bersetuju bahawa dengan adanya lebih banyak projek penyelidikan ia akan menambah baik kualiti pengajaran dan pembelajaran. Setakat ini kementerian cuma mendapat peruntukan sebanyak RM100 juta dalam Rancangan Malaysia Ke-8 untuk semua universiti menjalankan projek penyelidikan. Selain daripada peruntukan RM100 juta itu, universiti masing-masing juga mendapat peruntukan ....

**Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat:** Helo, helo.

**Dato' Fu Ah Kiaw:** Nanti, saya bagi. Nanti, saya bagi. Universiti juga dapat peruntukan daripada Kementerian Sains dan Teknologi melalui Tabung IPAT, misalnya, Universiti Kebangsaan mendapat lebih daripada RM100 juta dalam Rancangan Malaysia Ke-8 untuk menjalankan projek penyelidikan. Sebenarnya kita berharap .....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Batu Gajah dan Kuala Krai.

**Dato' Fu Ah Kiaw:** Nanti saya bagi. Nanti sekejap sahaja lagi. Biar saya habiskan ini.

Sebenarnya kita memang menggalakkan bukan sahaja pergantungan IPT terhadap tabung daripada kerajaan, kita juga ingin menggalakkan industri tampil ke hadapan menyokong kerja penyelidikan dan mengadakan projek penyelidikan bersama supaya hasilnya dapat membantu pembangunan dan kemajuan pihak industri juga.

Kalau kita melihat di negara maju pihak universiti dapat sehingga 30% jumlah pendapatan setahun dalam bidang ini. Jadi, saya harap dengan usaha sebegini ia akan dapat membudayakan industri kita supaya mereka berkongsi kapasiti penyelidikan di universiti-universiti.

**Tuan Pengerusi:** Kuala Krai.

**Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Setiausaha Parlimen. Mengenai dengan universiti dan pengajian tinggi, kita merasa bangga kerana negara maju dan pada hari ini kita merasa kecewa

sedikit kerana Menteri Pengajian Tinggi tidak hadir. Sepatutnya beliau dapat hadir. Inilah satu-satunya yang kita perjuangkan kerana negara kita negara maju.

Menyentuh soal universiti ini, di tiap-tiap negeri kita tidak ada universiti. Saya daripada Pantai Timur, negeri Kelantan khususnya membangkitkan perkara universiti ini. Kawasan saya Kuala Krai bila sebut sahaja universiti, dia kata, " Yang Berhormat mesti cakap, kerana kita di Kelantan dahagakan universiti". Jadi kalau saya tidak bercakap ini saya akan ditanya. Terima kasih Tuan Pengerusi, bagi peluang kepada saya sedikit.

Pertama, saya hendak menyatakan di sini, Kelantan memerlukan sebuah universiti dan masih di tahap di mana rakyat begitu dahagakan dan kita harap universiti ini dapat diadakan di Kuala Krai kerana di sana luas kawasannya dan ramai yang boleh datang ke sana dari seluruh Malaysia ini. Saya kira kalau tidak pun ini akan dimasukkan dalam Rancangan Malaysia ke-9.

Di Pantai Timur - Kelantan, Terengganu dan Pahang - begitu baik sekali prestasinya. Baru-baru ini Yang Berhormat bagi Dungun kata dia yang terbaik, tahun lepas Kelantan dan insya-Allah tahun hadapan Pahang pula. Jadi, mestilah tiap-tiap buah negeri ini ada sebuah universiti. Sudah sampai ke tahap 47 tahun tetapi tidak ada universiti, begitu terkebelakang sekali.

Kita berbicara mengenai dengan kualiti dan kuantiti. Negara kita Malaysia dari segi kuantitinya begitu baik sekali. Kuantitinya ada, profesionalnya ada, semua di tahap yang baik tetapi kualitinya kurang sebab pensyarah umpamanya di universiti-universiti di takuk lama juga. Dia tidak diambil dari segi kepakaran kerana bayaran gajinya murah. Mereka ini lari ke swasta dan sebagainya kerana mengikut gaji yang lebih baik, maka taraf kualiti kita jatuh di Malaysia ini. Kalau kita mahukan kualiti, saya harap kementerian mesti tahu perkara ini supaya mengambil pensyarah-pensyarah universiti ini daripada golongan yang berpengalaman kerana pelajar-pelajarnya, setahu saya, tidak dapat mengikuti kerana pensyarah-pensyarahnya tidak mempunyai kepakaran, hanya yang ada adalah dari segi tahap kelulusan sahaja. Dari segi kepakaran dan syarahan tidak ada. Jadi, saya berharap kementerian ini ....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat:** Terima kasih Tuan Pengerusi. ...supaya dapat mengatasi perkara-perkara ini. Terima kasih.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Terima kasih kepada Yang Berhormat yang begitu prihatin tentang negeri Kelantan mengadakan sebuah universiti. Suara Yang Berhormat saya mengamati dan akan dibawa untuk pertimbangan. Tentang ...

**Cik Fong Po Kuan:** Minta penjelasan.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Nanti saya habis dulu. Saya juga bersetuju bahawa buat masa ini gaji pensyarah di IPTA memang berbeza dengan mereka di IPTS, oleh sebab itu kita menggalakkan pensyarah di IPTA juga menjalankan projek penyelidikan dengan pihak swasta dan hasil daripada itu mereka boleh kongsi pendapatan daripada hasil penyelidikan tersebut. Dengan itu kita berharap akan boleh menarik lebih ramai yang terus berjawatan di IPTA.

**Cik Fong Po Kuan:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin menyentuh kualiti di universiti terutamanya IPTA. Pagi tadi Yang Berhormat ada memberi jawapan berkenaan kualiti graduan yang dilahirkan di IPTA dan IPTS dan mempunyai satu senarai yang panjang berkenaan jangka panjang dan jangka pendek untuk memperbaiki kualiti produk yang akan dilahirkan. Dan saya nampak adalah banyak fokus ke atas kurikulum dan kandungan kursusnya. Tetapi hakikatnya kita tidak perlu lihat jauh hanya bandingkan dengan universiti di Singapura, hakikatnya adalah memang benar kita ketinggalan.

Kerajaan boleh kata *ranking* yang diberi oleh organisasi tertentu mempunyai kayu penyukat yang berbeza berkenaan kedudukan universiti tempatan kita, boleh kata dia *bias* tetapi hakikatnya memang ketinggalan bukan dari segi kualiti tetapi kemudahan. Kita beri sokongan kepada pelajar, saya hendak tanya apa Kementerian punya rancangan dalam masa terpendek sekali, singkat sekali memastikan IPTA kita mempunyai sistem pengkomputeran, sistem sokongan kepada para pelajar. *Wireless system* bukan sahaja di kampus, tetapi juga di asrama.

Walaupun Universiti Islam Antarabangsa mempunyai sektor bangunan kemudahan yang begitu canggih tetapi *wireless system* masih tidak ada. Untuk membantu pelajar, untuk membaiki diri dan lebih mengarah ke IT *knowledge*, berbanding dengan NTU pelajar hanya ada satu *plug, and* bilik hostel mereka boleh mendapatkan kemudahan.

Apakah rancangan dalam aset ini apakah ada di dalam Kementerian Yang Berhormat?

**Dato' Fu Ah Kiow:** Kerajaan memang sentiasa mengambil langkah untuk memperbaiki infrastruktur IT seperti mengadakan *wide band*, *wireless* dan sebagainya. Saya tidak pasti berapa universiti sudah ada tetapi saya yakin memang ada universiti yang ditubuhkan lebih lama memang telah mengadakan kemudahan tersebut. Mungkin Yang Berhormat kalau katakan langsung tidak ada saya tidak percaya memang tidak ada, kita sentiasa memantau bagaimana mempertingkatkan lagi infrastruktur IT, di IPTA-IPTA.

Yang Berhormat dari Bentong, juga mengatakan sama ada kerajaan tidak akan memberi galakan dan insentif kepada IPTS untuk menubuhkan kursus perubatan. Ingin saya maklumkan di sini pihak kerajaan memang sentiasa menggalakkan mana-mana pihak yang ingin menubuhkan dan mengendalikan kursus perubatan dengan membenarkan pihak IPTS menggunakan hospital-hospital kerajaan sebagai *teaching hospital*, ia pun sudah pun menjadi satu insentif dan galakan yang amat bernilai kepada pihak IPTS.

Juga saya ingin memberitahu bahawa Yang Berhormat Menteri hari ini tidak menjawab sendiri sebab Yang Berhormat Menteri akan berlepas ke Indonesia atas urusan rasmi, jadi saya minta maaf kalau beliau tidak dapat hadir dan saya diberi tanggungjawab untuk menjawab pada hari ini.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Terima kasih, saya hendak berbalik kepada masalah kualiti tadi. Saya dimaklumkan ada satu IPTS, iaitu Kolej Teknologi Timur yang sekarang ini telah dihebohkan kepada masyarakat berkenaan dengan penilaian yang dibuat oleh LAN terhadap IPTS tersebut terhadap Kolej Teknologi Timur.

Saya dimaklumkan Kolej Teknologi Timur ini telah menempatkan pelajar-pelajar yang membuat *A Level* dan saya dimaklumkan pelajar-pelajar ini ialah pelajar-pelajar yang akan mengambil kelulusan kedoktoran iaitu aliran Sains dan dimaklumkan juga IPTS ini tidak mempunyai kelengkapan terutama sekali *science lab*, dan tidak mempunyai perpustakaan yang lengkap dan selain daripada itu bangunan itu sendiri didirikan berhampiran dengan satu kabel elektrik voltan tinggi (*high voltage*) dan perkara ini telah dimaklumkan kepada umum dan saya mendapat satu salinan daripada pihak pelajar dan salinan ini telah pun dihantar ke beberapa kolej di seluruh Malaysia ini. Dapatkah pihak kementerian ini memberi sedikit penjelasan apakah tindakan yang telah dibuat oleh pihak kementerian ini terhadap Kolej Teknologi Timur

yang telah menjadi masalah kepada pelajar-pelajar yang akan mengambil peperiksaan *A Level*.

**Dato' Fu Ah Kiow :** Terima kasih. Ini adalah kes khusus, aduan khusus saya tidak dapat menjawab di sini, saya minta kalau ada maklumat yang spesifik beri kepada saya supaya saya boleh beri jawapan bertulis kepada Yang Berhormat.

Yang Berhormat bagi Maran telah minta penjelasan kepada banyak perkara, tetapi perkara tersebut adalah perkara-perkara yang ada kaitan angka-angka misalnya berapa yang terlibat dalam kemalangan dan sebagainya dan berapa yang terlibat dalam aktiviti yang kurang sihat seperti aktiviti keganasan dan sebagainya, ini memang saya tidak dapat jawab di sini akan beri secara bertulis kepada Yang Berhormat.

Tetapi saya ingin jelaskan di sini bahawa peranan MSD memang amat penting. Peranan yang telah dimainkan MSD di luar negara memang telah banyak membantu dari segi memberi bimbingan, kaunseling dan segala bantuan dalam membantu pelajar-pelajar Malaysia yang belajar di luar negara untuk mengatasi segala tekanan dan masalah yang dihadapi oleh mereka.

Tentang Kolej TAR, saya hendak beritahu bahawa Kolej TAR memang juga tidak menghalang mana-mana pelajar yang bukan bumiputera atau bukan kaum Cina untuk belajar di Kolej TAR, mereka mengalu-alukan dan untuk galakan menarik mereka belajar di situ kalau ada sesiapa yang bukan kaum Cina yang ingin belajar di Kolej TAR, saya percaya Kolej TAR akan membantu dari segi kalau mereka yang tidak mampu ada juga biasiswa yang boleh mereka memohon dan juga permohonan daripada tabung-tabung yang telah diwujudkan dan juga pernah mengadakan program *exchange, exchange* program di antara pelajar UiTM dan pelajar di Kolej TAR.

Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu telah mencadangkan supaya kita mencapai 40% antara *cohort* umur 18 hingga 24 tahun yang berpeluang untuk memasuki universiti. Beliau kata setakat ini pencapaian cuma 22%. Saya ingin memperbetulkan bahawa sebenarnya pencapaian terkini antara *cohort* tersebut ialah 29% yang telah berpeluang untuk memasuki pendidikan tinggi dan sasaran kita ialah ucapan 40%. Tentang peruntukkan bagi pendidikan apa yang dikatakan memang benar bahawa peruntukkan untuk universiti menjalankan pendidikan memang tidak mencukupi lagi dan kita berharap kita akan terus memohon supaya peruntukan untuk projek pendidikan di universiti dapat dipertingkatkan lagi.

Yang Berhormat bagi Beluran telah mengatakan penggunaan bahasa Inggeris perlu dipertingkatkan lagi di IPTA. Ini saya ingin maklumkan bahawa kini semua IPTA telah pun diminta untuk menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar dalam kursus sains dan teknologi. Kini pun telah terdapat lebih daripada 60% IPTA telah mematuhi arahan tersebut supaya bahasa Inggeris digunakan sebagai bahasa penghantar dalam kursus tersebut. Beliau juga mengatakan pihak LAN perlu mengadakan *site visit* iaitu untuk pemeriksaan *on the spot*, dengan izin terhadap IPTS untuk memastikan mereka mematuhi segala syarat yang diletakkan oleh LAN.

Saya hendak Memberitahu bahawa memang dalam proses penilaian status minimum standard dan juga dalam proses penilaian perakuan akreditasi pihak LAN memang menjalankan lawatan terhadap IPTS yang berkenaan untuk memastikan segala syarat telah dipenuhi dan juga pihak LAN sentiasa mengadakan perbincangan dengan pihak pelajar-pelajar tentang sistem pengajian dan pembelajaran mereka sama ada mereka berpuas hati dan ada apa kelemahan yang telah dihadapi dalam sistem pengajaran mereka.

**Datuk Ronald Kiandee:** *[Bangun]*

**Dato' Fu Ah Kiow:** Ya, sila.

**Datuk Ronald Kiandee:** Terima kasih Timbalan Menteri. Pendekatan *spot checking* yang diadakan sekarang pada pendapat saya tidak mencukupi, sebab itu saya mencadangkan agar satu bentuk *continuous monitoring* oleh pihak LAN. Kawasan saya mempunyai universiti yang agak dekat dengan saya di Sabah dan saya melihat bahawa ada keperluan bagi LAN untuk mengadakan *continuous monitoring* terhadap universiti-universiti agar mereka ini patuh kepada syarat minimum pengeluaran pensijilan itu. Sijil-sijil itu akan diberi satu sijil, tetapi dalam proses untuk memberi pendidikan itu perlu ada *continuous monitoring* oleh pihak LAN untuk menentukan kualiti. Tujuan saya untuk membuat cadangan ini adalah kualiti IPTS ini, kualiti graduan IPTS setanding dengan kualiti graduan yang keluar daripada IPTA kerana dalam keadaan yang demikian kita akan dapat membawa industri pendidikan negara ini kepada peringkat yang lebih tinggi sama ada daripada IPTA ataupun daripada IPTS, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat hanya 4 minit lagi sahaja.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Baik. Saya habiskan ya.

**Tuan Pengerusi:** Sila segerakan.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Saya ucapkan terima kasih atas cadangan tersebut, itu memang satu cadangan yang baik supaya kita mengadakan bukan sahaja lawatan semasa penilaian akreditasi tetapi juga ada *continuous spot check* atau *continuous* pemeriksaan sepanjang mereka mengadakan kursus tersebut. Juga dibangkitkan ialah sama ada UPU akan mengambil alih peranan tentang pengambilan pelajar kepada IPTS-IPTS. Kerajaan tidak berhasrat untuk membuat begitu sebab UPU ditubuhkan untuk menguruskan pengambilan pelajar untuk IPTA sahaja, untuk IPTS ialah diserahkan kepada IPTS tertentu. Tetapi kita melalui LAN telah mensyaratkan kelayakkan minimum untuk IPTS mengambil pelajar-pelajar dan mereka perlu mematuhi segala syarat-syarat pengambilan.

Yang Berhormat Kubang Kerian telah menyentuh tentang campur tangan oleh kerajaan dalam pilihan raya kampus. Saya hendak beritahu segala pilihan raya dalam kampus ada peraturan yang ditentukan oleh pihak universiti dan semua pelajar diperlukan untuk mematuhi peraturan-peraturan yang telah diubah oleh pihak universiti. Kerajaan tidak berhasrat untuk hendak campur tangan dalam hal pilihan raya kampus tetapi saya juga berharap pihak pembangkang juga jangan bercampur tangan dalam pilihan raya kampus.

Yang terakhir ialah Ahli Yang Berhormat bagi Serdang...

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Minta sedikit!

**Dato' Fu Ah Kiow:** ...telah meminta...

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Minta laluan sedikit!

**Dato' Fu Ah Kiow:** Ya, sila. Sekejap.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Sekejap ya, terima kasih. Saya masih lagi tertanya-tanya di atas jawapan tadi yang mengatakan pihak kerajaan tidak campur tangan dalam pilihan raya di kampus dan beliau mengharapkan supaya pihak pembangkang juga tidak campur tangan. Boleh Yang Berhormat beri penjelasan sedikit mengikut laporan akhbar pada hari ini di mana pemilihan di salah sebuah universiti telah dibatalkan di atas sebab-sebab teknikal, apakah sebenarnya maksud sebab teknikal?

**Dato' Fu Ah Kiow:** Saya sebenarnya belum baca surat khabar dan saya tidak dapat jawablah. Tetapi saya hendak memperkatakan bahawa kalau sesuatu pilihan raya dalam kampus telah bercanggah dengan peraturan yang telah diletakkan dan

disyaratkan oleh pihak universiti dan mana-mana pelajar telah menyalahi peraturan tersebut maka tata tertib akan diambil terhadap pelajar tersebut tanpa mengira man-mana puak mereka terdiri. Jadi, peraturan tetap menjadi peraturan di mana semua pihak perlu mematuhi.

Yang akhirnya ialah tentang permintaan oleh Yang Berhormat bagi Serdang supaya Kolej Komuniti ditubuh di Serdang. Saya ingin maklumkan bahawa memang sebelum ini kerajaan pada peringkat awal telah menyarankan supaya setiap kawasan parlimen diadakan sebuah Kolej Komuniti tetapi oleh kerana yang tertentu memandangkan kesuntukan kewangan dan sebagainya kerajaan telah mengubah dasar tersebut dan kini undian kerajaan ialah di sesebuah kawasan kalau didapati tidak ada institusi latihan yang lain seperti Politeknik Giat MARA dan sebagainya barulah kawasan tersebut akan dipertimbangkan untuk mengadakan Kolej Komuniti. Kalau apa yang dikatakan memang di kawasan Serdang tidak ada institusi tersebut maka permohonan Yang Berhormat akan dipertimbangkan.

Mengenai dengan ...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat boleh gulung.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Saya rasa itu sahaja yang saya dapat memberi jawapan terhadap semua perkara yang telah dibangkit oleh Yang Berhormat di mana saya tidak dapat memberi jawapan yang sempurna dan pandangan serta cadangan daripada Yang Berhormat yang akan diambil kira semasa kementerian melaksanakan segala dasar kerajaan, sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM5,247,115,000 untuk Maksud B.49 di bawah Kementerian Pengajian Tinggi jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM5,247,115,000 untuk Maksud B.49 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,245,008,600 untuk Maksud P.49 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2005 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM1,245,008,600 untuk Maksud P.49 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2005.

***Majlis Mesyuarat bersidang semula***

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini.

***Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

***Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.***

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa]**

**Tuan Lim Kit Siang:** Point of Order, tidak cukup kuorum.

*[Setiausaha Dewan mengira Ahli di dalam Dewan]*

**Tuan Penggerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada 17 orang. Setiausaha, sila bunyikan loceng.

*[Loceng dibunyikan]*

**Tuan Penggerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Saya ingat sudah lebih daripada cukup kuorum, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Nasib baik DAP selamatkan.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Penggerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Datuk Rosli bin Mat Hassan:** *[Menyampuk]*

**Tuan Penggerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Penggerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, sudah cukup. Sudah tidak ada isu, Yang Berhormat. *[Dewan riuhan]* Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Tuan Penggerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup, cukup, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor cukup.

**Maksud B.60 [Jadual] –  
Maksud P.60 [Anggaran Pembangunan 2005] –**

**Tun Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kepala Bekalan B.60 dan Kepala Pembangunan P.60 di bawah Kementerian Pertahanan terbuka untuk dibahas. Ya, Kudat.

**2.34 ptg.**

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan beberapa perkara, khususnya di dalam Butiran 010100 iaitu berkaitan dengan Pentadbiran dan Dasar Pertahanan.

Saya ingin membangkitkan di sini berkaitan dengan baru-baru ini kita telah mengetahui bahawa Australia yang juga rakan kita di dalam *Five Power Defence Agreement [FPDA]* telah tidak mahu menandatangani *Treaty of Amity on Corporation* yang melibatkan negara-negara Asia Timur dan ini adalah sesuatu yang amat membimbangkan kita kerana negara seperti China, Rusia, India, Pakistan, Korea Selatan dan keseluruhan negara Asia Tenggara telah pun menandatangani perjanjian *Treaty of Amity on Corporation* iaitu suatu *treaty* yang berhasrat untuk mengekalkan kestabilan di rantau ini.

Ini adalah sesuatu yang sangat membimbangkan kita, kerana beberapa tahun yang lalu atau beberapa masa yang lalu Australia telah mengemukakan satu dasar *preemptive strike* iaitu dasar untuk menyerang mana-mana negara yang dituduh untuk menaja sebarang *terrorism* ataupun keganasan di rantau ini. Kita mengharapkan supaya Kementerian Pertahanan menggunakan pengaruh yang ada di dalam *agreement* ataupun kerjasama pertahanan yang wujud di antara Malaysia dan Australia melalui *Five Power Defence Agreement* ini supaya Australia diminta untuk menandatangani atau bersama-sama untuk menjamin kedaulatan dan keselamatan di rantau Asia Timur ini.

Pada masa-masa yang lalu juga kalau kita dapat melihat dasar Australia, Australia telah seolah-olah menunjukkan sikap sebagai *deputy sheriff* kepada kuasa besar di rantau ini dan telah mengakui bahawa mereka mempunyai suatu kuasa untuk melakukan apa sahaja tindakan tanpa memikirkan soal kedaulatan, kepentingan dan keselamatan rantau ini.

Tuan Pengerusi, seperkara lagi yang saya ingin bangkitkan di sini ialah mengenai pertahanan maritim iaitu dalam Butiran 040000 iaitu soal bagaimana untuk mempertahankan kawasan maritim kita. Seperti mana yang kita tahu bahawa Malaysia adalah pihak yang terlibat di dalam tuntutan bertindih di dalam kawasan Kepulauan Spratly. Kepulauan Spratly ini adalah merupakan kawasan yang boleh mencetuskan konflik di rantau ini dan ini merupakan satu *flash point* yang boleh menyebabkan mungkin banyak kuasa asing dan kuasa-kuasa besar terlibat dan boleh menyebabkan huru-hara dan juga perang di rantau ini sekiranya tidak ditangani dengan baik.

Sebab itu kita meminta supaya walaupun telah ada *Declaration of Conduct of Parties* di kalangan negara-negara yang terlibat di dalam tuntutan Spratly Islands ini tetapi kita juga mahu supaya usaha untuk menghormati *conduct* ini dapat dilakukan dari masa ke semasa. Memang beberapa tahun yang lalu telah pun ada percanggahan di antara negara-negara yang terlibat dan kita berharap supaya Malaysia tegas di dalam usahanya untuk menuntut kawasan ini dan juga kita meminta supaya kerajaan berusaha bersungguh-sungguh untuk bersama-sama dengan negara-negara yang terlibat dalam tuntutan ini untuk memajukan kawasan ini sebagai suatu kawasan yang boleh dimajukan bersama, khususnya dalam eksplorasi mineral dan juga dalam usaha untuk mendapatkan faedah ekonomi, khususnya di dalam bidang perikanan lautan dalam.

Tuan Pengerusi, kita mengharapkan supaya hak-hak yang kita rasa berada di dalam kedaulatan kita, khususnya di kawasan Spratly Islands ini tidak diganggu-gugat oleh rakan-rakan kita yang berada di dalam kawasan ini dan kita bertanya kepada Kementerian Pertahanan, setakat manakah usaha telah dibuat untuk memastikan kepentingan Malaysia di dalam kawasan Spratly Islands ini tidak diganggu-gugat.

Di dalam butiran yang sama juga, saya ingin membangkitkan tentang pencerobohan maritim yang sering berlaku di kawasan perairan Sabah, khususnya yang telah dilakukan oleh lanun-lanun daripada kawasan selatan Filipina. Ini telah menyebabkan kerosakan imej kepada Sabah khususnya, disebabkan Sabah adalah merupakan sebuah negeri yang terlibat secara langsung dan mempromosikan negeri ini sebagai destinasi pelancongan yang benar-benar berpotensi, tetapi disebabkan berlakunya pencerobohan yang sering berlaku, khususnya di kawasan maritim Sabah dan ini telah dipermainkan oleh media-media sama ada tempatan ataupun

antarabangsa telah menjelaskan imej Sabah sebagai destinasi pelancongan yang selamat.

Baru-baru ini misalnya, sebuah kuasa besar kedutaan Amerika telah memberikan satu *travel advisory* yang menyatakan bahawa Sabah adalah sebuah destinasi yang tidak selamat untuk dikunjungi sedangkan Sabah adalah tidak dapat dinafikan telah melakukan apa juga dan Kementerian Pertahanan dan juga pihak-pihak kerajaan negeri telah pun melakukan sebaik mungkin untuk memastikan keselamatan negeri Sabah tidak terjejas.

Dengan ini kita mengharapkan supaya insiden-insiden seperti mana yang telah berlaku di Pulau Sipadan beberapa tahun lalu tidak akan berulang dan kita mahu komitmen daripada kerajaan khususnya Kementerian Pertahanan supaya memastikan bahawa tidak ada kebolosan yang berlaku di dalam maritim negeri Sabah. Ini secara langsung bukan sahaja akan menjamin keselamatan rakyat negeri Sabah tetapi juga akan memastikan bahawa ekonomi negeri Sabah tidak terjejas sebab setiap apa peristiwa yang berlaku terhadap pembolosan maritim ini akan menyebabkan kedudukan dan imej negeri Sabah khususnya di dalam sektor pelancongan dan usaha-usaha untuk membangunkan ekonomi negeri Sabah akan terjejas.

Seperkara lagi iaitu berkaitan dengan 05000 - Pertahanan Ruang Udara. Seperti mana yang kita tahu bahawa sebagai negara jiran kita dapat melihat dan mendengar di dalam catatan-catatan berita bahawa berlaku pencerobohan yang sering dilakukan oleh Tentera Udara Singapura terhadap kawasan ruang udara Malaysia dan sewajarnya Kementerian Pertahanan menggunakan setiap ruang dan juga peluang untuk memberitahu Singapura tentang kegelisahan rakyat Malaysia terhadap pencerobohan ini kerana ini bukan sahaja memberikan satu keresahan kepada rakyat Malaysia tetapi juga adalah merupakan suatu *intrusion* ataupun yang boleh menyebabkan kedaulatan negara kita terjejas.

Kita mahu supaya kalau sekiranya keperluan untuk membolehkan tentera udara Singapura membuat latihan, maka satu perjanjian khusus haruslah dibuat di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Singapura supaya pencerobohan yang tidak halal ini mungkin boleh dihalalkan untuk membolehkan mereka dapat menggunakan ruang udara dan membolehkan kita untuk mengawal selia apa juga tindakan-tindakan yang dilakukan oleh Tentera Udara Singapura. Sekian.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Pulai.

**2.43 ptg.**

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membangkitkan perkara yang di bawah Butiran 06000-Dasar. Kita menghadapi masalah keselamatan yang besar yang tidak boleh dipandang ringan atau *take for granted*, dengan izin. *We cannot compromise our security.* Kita menghadapi ancaman dari segi *regional* selain daripada ancaman-ancaman dalam berbangkit daripada bahaya *terrorism* di mana penganas dikatakan menggunakan Asia Tenggara sebagai pusat latihan mereka.

Kita juga menghadapi ancaman dari segi pergerakan perdagangan laut antarabangsa di perairan Selat Melaka dan negara kita juga mempunyai geografi yang unik iaitu terpisah kepada dua oleh Laut China Selatan. Angkatan tentera kita perlu mempunyai kapal-kapal pengangkutan yang banyak untuk mengangkut tentera atau peralatan dengan kadar yang segera sekiranya berlaku kecemasan. Sebaliknya kita juga memerlukan kapal-kapal pengangkutan yang secukupnya untuk membuat operasi *evacuation* sekiranya ada bahaya atau ancaman yang disebabkan oleh mungkin ancaman nuklear.

Oleh kerana itu, keperluan logistik dari segi perkapalan pengangkutan kita amat besar dan nampaknya Kementerian Pertahanan mempunyai kekurangan dari segi jumlah kapal pengangkutan yang cukup. Saya juga memahami bahawa kementerian tidak mampu untuk terus berbelanja membeli kelengkapan untuk bersedia menghadapi semua ancaman yang ada. Akan tetapi, kementerian juga perlu membuat persediaan untuk mengatasi masalah ini sekiranya perlu.

Tuan Pengerusi, kita ada syarikat perkapalan negara iaitu MISC (*Malaysian International Shipping Corporation*) yang sekarang menjadi hak milik Petronas. Tujuan penubuhan MISC adalah untuk mengembangkan industri perkapalan negara untuk menjadi salah sebuah syarikat perkapalan dunia. Salah satu matlamat utama MISC adalah untuk menambah kapasiti atau *tonnage* yang boleh diangkut yang bermakna bahawa mereka perlu membesarlu jumlah kapal pengangkutan perdagangan atau *merchant marine fleetnya*.

Akan tetapi nampaknya sejak akhir-akhir ini MISC telah lari daripada tujuan asal penubuhannya. Saya terdengar khabar-khabar angin sebelum ini bahawa MISC bercadang untuk menjual kapal perdagangan atau *merchant marine shipsnya* kepada pembeli asing. Kalau benarlah khabar angin ini kerajaan harus mengkaji semula

rancangan seperti ini oleh kerana sekiranya berlaku sesuatu *emergency* ataupun perperangan yang memerlukan pengangkutan anggota tentera dan kelengkapan yang besar dengan kadar yang segera, kita perlu ada kapal-kapal pengangkutan yang cukup untuk melengkapai sebarang kekurangan yang ada pada angkatan tentera kita sekarang ini, terutamanya Angkatan Tentera Laut kita.

Walaupun kita sudah ada dasar mengenai perkапalan negara, Tuan Pengerusi, tetapi memandangkan keadaan dunia yang menghadapi pelbagai ancaman dari segi *terrorism* dan juga keganasan yang luar biasa yang mungkin lebih dahsyat lagi daripada apa yang berlaku sebelum ini, maka saya ingin mencadangkan bahawa Dasar Perkapalan Negara ini dikaji semula bagi memenuhi keperluan pertahanan negara pada masa-masa yang akan datang dan juga segala rancangan untuk menjual pemilikan tempatan dalam kapal pengangkutan perdagangan atau *merchant marine ships* ini kepada pihak asing juga perlu dikaji.

Dasar perkапalan negara kita juga perlu menjelaskan penglibatan sektor swasta. Saya memandang serius soal pertahanan negara. Janganlah sekali-kali kita berkompromi dalam soal pertahanan semata-mata untuk matlamat perdagangan terutamanya dalam matlamat komersial ini. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Bandar Kuching. Ha, ini dapat Bandar Kuching.

#### **2.48 ptg.**

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin berucap berkenaan dengan Butiran 010000 yang merujuk kepada kenyataan Menteri bahawa ingin menuduh mereka yang tidak melaporkan diri dalam *National Services Program* pada tahun ini. Mengikut kenyataannya lebih kurang 4290.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Butiran berapa Yang Berhormat?

**Tuan Chong Chieng Jen:** 010000-Pentadbiran Pertahanan. Lebih kurang 4290 orang yang tidak melaporkan diri dalam *National Service Program*. Kalau kita melihat dari segi praktikal kalau semua remaja dituduh dalam mahkamah dan mereka tidak *plead guilty*, sekurang-kurangnya satu kes akan mengambil masa tiga hari. Bagi

4290 orang ia akan mengambil masa 12,870 hari. Dalam satu tahun mungkin ada 250 hari bekerja dan kalau dibahagikan ia akan mengambil 51 majistret untuk menguruskan kes-kes itu sahaja kerana 51 orang majistret tiga hari satu kes baru dapat disiapkan kes-kes untuk menuduh mereka yang tidak melaporkan diri dalam *National Services Program*.

Memandangkan senarai perjawatan 2005 di seluruh Malaysia hanya terdapat 151 orang majistret. Itu bermakna adalah satu pertiga daripada majistret yang sekarang dalam jawatan itu akan di *allocate only for these cases*. Memandangkan keadaan *backlog* yang terdapat dalam Mahkamah Majistret, Mahkamah Sesyen, *High Court* yang wujud sekarang di dalam sistem kehakiman kita, ini akan membebankan lagi dan *to make things worse* menjadikan *backlog of cases* lebih teruk lagi. Oleh itu saya bercadang kepada Menteri menarik balik atau *drop the charges against those students*.

Itulah kerana mereka tidak melaporkan diri di dalam *National Service Program* itu bukanlah mereka tidak mahu mematuhi undang-undang negara kita tetapi kerana kekurangan keyakinan terhadap sistem itu yang diadakan secara tergesa-gesa. Oleh itu *the fault lies with the government for failing to instill confidence in the public*, dengan izin. Oleh itu saya merayu kepada Menteri supaya menarik balik keputusannya untuk menuduh murid-murid itu kerana ia bukan hanya akan melibatkan murid-murid tetapi ia juga akan mengambil masa Majistret untuk menjalankan kes-kes lain yang lebih serius dan lebih menjelaskan keselamatan negara kita.

Perkara yang kedua adalah berkenaan B.60 - 060000 Dasar Baru. Saya melihat peruntukan untuk Kementerian Pertahanan dalam tahun 2005 adalah RM9.4 bilion manakala peruntukan untuk keselamatan adalah RM4.5 bilion sahaja, hampir setengah. Pada masa kini ancaman terhadap masyarakat kita bukan dari luar negeri, ancaman terhadap keamanan masyarakat kita adalah dalam negara kita sendiri. Kes-kes rogol, ragut dan curi yang semakin hari semakin meningkat. Oleh itu lebih peruntukan harus diberikan kepada Kementerian Keselamatan berbanding dengan Kementerian Pertahanan yang menjaga keselamatan ancaman dari luar negeri.

Oleh itu saya berpendapat bahawa wang sebanyak RM9.4 bilion yang diperuntukkan untuk Kementerian Pertahanan itu adalah *excessive* dan tidak dapat *djustifykan*. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Serdang.

**2.54 ptg.**

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Tuan Pengerusi, Butiran 010100. Saya tidak bersetuju pandangan daripada Yang Berhormat bagi Bandar Kuching dikurangkan peruntukan untuk Kementerian Pertahanan. Keselamatan negara lebih penting, ancaman dari luar di masa situasi kini semakin serius. Kalau memandangkan pertempuran yang berlaku di sempadan di Thailand dan juga di kawasan-kawasan yang berhampiran, maka itu jangan menganggapkan keselamatan negara tidak penting dari yang lain. Inilah pandangan parti pembangkang yang tidak masuk akal untuk memahami kedudukan yang sebenarnya berlaku pada masa ini.

Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Pulai dan juga Yang Berhormat bagi Kudat, di mana perjanjian pertahanan lima negara yang sudah wujud selama 33 tahun patut dikaji semula berdasarkan dengan begitu tidak ada kerjasama daripada Australia dan New Zealand semasa menandatangani perjanjian yang telah dipersetujui oleh ASEAN baru-baru ini.

Tuan Pengerusi, oleh kerana saya difahamkan bahawa tujuan utama perjanjian pertahanan di antara lima negara yang wujud pada 33 tahun dahulu adalah ke arah menangani ancaman-ancaman berbentuk *conventional* khususnya dalam mempertahankan Malaysia dan Singapura. Ini adalah merangkumi semua wilayah di darat, laut dan udara, Malaysia telah berdaulat dan merdeka. Kita cukup untuk mempertahankan negara kita ini dengan peruntukan yang lebih banyak lagi tidak seperti yang dicadangkan oleh parti pembangkang.

Untuk mempertahankan bukan sahaja darat, udara dan laut maka itu kalau cukup kelengkapan untuk digunakan bagi mempertahankan negara kita. Sebab itu dikaji semula peraturan pertahanan lima negara ini perlu juga dijalankan, memandangkan situasi politik dan ancaman pada masa ini, perlu untuk kita mencari ikhtiar cara mana untuk melengkapkan lagi kemudahan atau kelengkapan peralatan senjata dan lain-lain untuk mempertahankan bukan sahaja di sempadan-sempadan negara asing tetapi juga perairan Selat Melaka.

Tuan Pengerusi, saya juga meminta pandangan daripada pihak kementerian. Saya difahamkan bahawa peruntukan telah diperuntukkan untuk membina rumah kepada pasukan keselamatan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Jadi, dengan demikian sehingga kini dalam Rancangan Malaysia Kelapan berapa jumlah unit rumah telah dibina untuk memberi kemudahan kepada pasukan keselamatan supaya mereka dapat melindungi keluarga mereka masing-masing. Kalau peruntukan tidak mencukupi untuk membina rumah yang cukup untuk pasukan keselamatan ini akan menjasakan dan akan merasa kecewa daripada pasukan keselamatan kerana mereka tidak akan dilayan dengan begitu penting untuk mempertahankan keselamatan negara. Dengan demikian mintalah penjelasan jumlah unit rumah yang telah dibina di dalam Rancangan Malaysia Kelapan untuk pasukan keselamatan.

Satu lagi saya difahamkan bahawa kekurangan anggota Tentera Laut, Darat dan Udara daripada golongan kaum Tionghoa dan kaum India. Sepanjang masa dalam Parlimen ini setiap tahun sejak tahun 1995 saya dilantik sebagai Ahli Parlimen saya terdengar disuarakan dan dapat dimaklumkan langkah-langkah daripada kementerian untuk mengatasinya supaya komposisi kaum ini dapat diwujudkan untuk mempertahankan keselamatan negara ini. Tetapi sehingga kini langkah yang dijalankan apa kesannya tetapi masih terdapat bahawa laporan daripada pihak kementerian mengatakan masih kekurangan lagi anggota daripada kaum Tionghoa dan kaum India.

Apa salahnya Tuan Pengerusi, pihak kementerian untuk mencari ikhtiar, boleh melantik jawatankuasa khas daripada anggota atau pegawai kanan dari kalangan kaum Tionghoa dan kaum India dalam pasukan keselamatan ini untuk menjalankan siasatan. Beri mereka faham masalah yang dihadapi oleh kaum mereka, kaum Tionghoa dan kaum India. Kalau hanya daripada jawatankuasa khas yang dilantik hanya untuk pegawai kanan dari orang Melayu ini mungkin tidak mendapat kesan yang lebih.

Jadi, saya mencadangkan kalau boleh pihak kementerian untuk menimbulangkan bahawa jawatankuasa khas boleh diketuai oleh pegawai kanan daripada golongan Tionghoa dan India, bersama-sama untuk menyiasat, membuat kajian terhadap apa sebabnya kekurangan, atau apa sebabnya tidak minat daripada kaum Tionghoa dan kaum India untuk menyertai pasukan keselamatan. Ini adalah satu tujuan yang penting untuk bersama-sama mempertahankan negara kita ini.

Jadi, saya mintalah satu pandangan daripada pihak kementerian. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Batu Gajah dan selepas itu kementerian menjawab.

**Cik Fong Po Kuan:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bangkitkan berkenaan Program Latihan Khidmat Negara. Saya amat terkejut, di manakah butiran berkenaan program ini? Saya tidak nampak langsung dalam butiran ini. Kami telah lulus sebanyak RM750 juta sebelum ini, untuk program ini. Tuan Pengerusi di dalam buku bajet ini, anggaran ini tidak nyata langsung berkenaan dengan Program Latihan Khidmat Negara sebagai satu projek di bawah kementerian.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Cakap sahajalah Yang Berhormat.

**Cik Fong Po Kuan:** Macam ini *its like a black hole in the budget of the ministry.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, cakap sahajalah.

**Cik Fong Po Kuan:** Ini sangat penting.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Isu itu di bawah....

**Cik Fong Po Kuan:** Sebab ini adalah berkenaan projek yang amat penting di bawah kementerian dan di bawah Timbalan Perdana Menteri. Tetapi tidak dinyatakan langsung, satu perkataan pun tidak dijumpai. Kelalaian, kecuaian ini jika benar, saya mungkin Yang Berhormat boleh terangkan nanti mengapa boleh berlaku kejadian sedemikian. Sebelum ini kita telah luluskan RM750 juta untuk Program Latihan Khidmat Negara. *Not a single word is mention about National Service in this budget* dengan izin.

Saya ingin merujuk kepada Jawatankuasa Unit Perpaduan Kebangsaan.

Sebelum ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada menyatakan telah mendapatkan kelulusan dan persetujuan daripada Kabinet untuk menujuhkan Jawatankuasa Unit Perpaduan Kebangsaan di mana satu isu yang akan dibincangkan adalah Program Latihan Khidmat Negara, perkembangannya dan ia akan melibatkan Ahli-ahli daripada pembangkang, Ahli-ahli Parlimen yang ada dalam Dewan ini. Jadi apa perkembangan ini, telah banyak kali saya bangkitkan, saya masukkan dalam usul tetapi tiada *respond*, senyap.

Program untuk siri kedua ini akan datang pada bulan Disember yang lalu. Saya rasalah semua Ahli-ahli dalam Dewan ini perlulah diberi sekurang-kurangnya taklimat daripada Jabatan Latihan Khidmat Negara. Agar *we are well equipped with the information regarding this whole programme*, dengan izin. Sebab saya telah mulai terima panggilan daripada mereka yang telah dipilih untuk menjalani program ini. Apakah kandungan modul yang telah dipinda, apakah tambahan kepada modul yang sedia ada? Semua maklumat ini kami tiada.

Perjalanan perlaksanaan ada, tetapi kami semua diminta untuk meluluskan akta, untuk luluskan peruntukan. Jadi haraplah, jangan kata kami tidak hendak berkerjasama, hanya tahu kritik, hanya tahu tegur. Tetapi apa kita minta, kami hendak menyertai bersama, tetapi kami tiada maklumat. Jadi saya pohonlah, kalau boleh sekurang-kurangnya taklimat diberi untuk semua Ahli.

Tuan Pengerusi saya terharu, kami semua duduk sama rata, bangun sama tinggi, tetapi taklimat sebelum ini telah banyak akali saya bangkitkan. Taklimat oleh kementerian dan jabatan hanya di jemput Ahli-ahli dari Barisan Nasional sahaja, tadi baru taklimat oleh FAMA. Sebelum ini pun Kementerian Kesihatan, tidak guna Tuan Pengerusi, hanya untuk jemputan-jemputan jamuan majlis, minta serta sama makan minum, untuk tambahkan jumlah anggota kehadiran. Seperti Kempen Kearah Masyarakat Bebas Tempatan, sempena Ramadhan jemput kami untuk majlis-majlis sahaja, jemput kami bersama untuk memperkongsikan maklumat. Bagi kita boleh bertukar fikiran dan boleh membaiki sistem ini yang telah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan, begitu sedih sekali.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat butiran berapa itu?

**Cik Fong Po Kuan:** Ini berkenaan dengan taklimat Program Latihan Khidmat Negara, saya bagi contoh. Ramai Ahli tadi masuk lewat kerana ada yang sibuk makan ubi kentang yang diberi oleh FAMA. *The whole concept is wrong*. Jadi saya pohon, sekurang-kurangnya sebelum sesi ini tamat, kami diberi satu taklimat. Saya rayu dan saya juga pohon kami Ahli-ahli diberi laporan setiap tahun berkenaan perlaksanaan Program Latihan Khidmat Negara ini. Laporan yang lengkap berkenaan apa hasilnya, keputusannya, surveynya dijalankan oleh pihak mana, apa keputusannya. Jadi kami boleh merasa lega dan boleh pulihkan keyakinan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Sudah cukup, itu dasar Yang Berhormat, itu dasar.

**Cik Fong Po Kuan:** ...terhadap program ini. Dan sebab ini tiada butiran, tiada butiran. ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** lalah, dasar. Tidak payahlah dibawa ke sini.

**Cik Fong Po Kuan:** Ini hendak diminta meluluskan berapa juta ini. Sebelum ini telah meluluskan RM750 juta.

**Seorang Ahli:** Ini dasar

**Cik Fong Po Kuan:** Jadi saya pohon taklimat dan laporan yang sebelum ini Menteri dari Jabatan Perdana Menteri ada menyatakan Datuk Maximus Johnity Ongkili ada menyatakan bahawa program ini yang akan dijalankan ini akan 100% lebih baik dari sebelum ini, kami hendak tahu. Saya pohonlah maklumat-maklumat inilah dan saya ingin tahu apa masalah yang terjadi dalam program ini, di mana sambutan dari golongan bukan Melayu untuk menjadi jurulatih begitu dingin sekali sehingga dua minggu sebelum akan berjalannya program ini, pihak jabatan meminta mereka bukan Melayu ini untuk menjadi jurulatih.

Apa sebab, apa kelemahan, apakah punca? Ini bukan *in the army force*, tetapi ini untuk program sahaja jadi jurulatih. Apa masalahnya? Dan saya ingin tahu juga ialah berkenaan pralatihan Khidmat Negara yang ada dicadangkan, satu idea yang diberi oleh Menteri Pendidikan agar pelajar selepas peperiksaan PMR, mereka boleh menjalani satu pralatihan Khidmat Negara. *The Pre National Service Training Program* diselitkan dalam kurikulum selepas peperiksaan. Jadi saya hendak tahu apa kandungannya, sebab kami tidak dilibatkan bersama, jadi kami tidak ada maklumat. Jadi saya pohon maklumat ini.

Apakah tindakan susulan ke atas pelatih-pelatih yang telah menjalani Program Latihan Khidmat Negara ini sebab ada pelajar yang sebelum ini telah menjalani program ini dia berjumpa saya. Lepas itu dia kata, sekarang ini saya tanya: "Apa kamu buat"? "Tidak ada apa-apa". Saya tanya: "Apa tindakan susulan?" "Tidak ada"! Saya sekarang jumpa dia di pasar malam menjadi penjaja. Jadi dia kata program ini tidak guna. Kalau saya kata macam tu, mungkin Yang Berhormat kata *one or two cases or isolated cases*. Tetapi libat kami bersama agar kami boleh tahu situasi

yang sebenar, kandungan yang sebenar oleh pelatih keseluruhannya terhadap program ini.

Seterusnya berkenaan pelatih wanita sebab sebelum ini kami terima, kami juga dapat membaca pelatih wanita ini menjadi mangsa gangguan seksual dan juga seorang satu kes dakwaan telah dirogol oleh seorang jurulatih semasa menjalani program ini. Saya ingin cadangkan di sini agar kementerian bersama jabatan boleh memberi satu pilihan kepada pelatih wanita, jika mereka mengadu mereka telah terima gangguan seksual atau apa-apa yang tidak disenangi oleh mereka dari aspek *gender* yang lain. Jadi saya pohon agar mereka boleh ada satu pilihan sama ada hendak tinggal untuk meneruskan program ini ataupun hendak pulang.

Saya rasa adalah kurang berfaedah dan tidak masuk akal jika seorang pelatih wanita tidak merasa selamat dipaksa untuk meneruskan program ini. Kalau telah disentuh atau macam kes dakwaan dirogol itu, *you know*. Jadi saya pohon mereka diberi satu pilihan pelatih wanita ini, jika mereka telah menjadi mangsa dan mengadu menjadi mangsa gangguan seksual dan....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Cukup Yang Berhormat.

**Cik Fong Po Kuan:** Sebelum ini saya diminta Tuan Pengerusi untuk bangkitkan perkara ini, mereka ada orang ramai kata ada syarikat-syarikat yang membekalkan pakaian kepada jurulatih, ini adalah kurang bermutu dan juga kewangannya kurang kuat. Jadi saya hendak tahu senarai nama-nama syarikat, apakah benar, biar kita sama-sama membala, *its not true its a rumours that this is the two dollars company*. Biar kita balas. Ini syak wasangka mereka terhadap isu ini. Saya pohonlah bagi satu senarai syarikat-syarikat yang membekalkan pakaian, berapa kosnya, biar kita sama-sama lebih telus di dalam menjalani program ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Cukup Yang Berhormat

**Cik Fong Po Kuan:** Tuan Pengerusi, mengapa, saya belum siap lagi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Kalau semua pun belum siap, Yang Berhormat, yang lain ....

**Cik Fong Po Kuan:** Tetapi tadi tidak dinyatakan ....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Ini Yang di-Pertua punya ...

**Cik Fong Po Kuan:** Saya akhirnya mengenai isu pentadbiran, saya harap akan diperbaiki isu pentadbiran di dalam Jabatan Latihan Khidmat Negara sebab panggilan telah masuk memaklumkan nama tersiar, tetapi tidak terima surat lagi, ada

yang menyatakan penangguhan surat telah dikirim tetapi tiada jawapan, ya kalau kita tengok akta, akta mesti ada memberi satu jawapan, kelulusan atau tidak diberi ke atas permohonan penangguhan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Ya cukuplah Yang Berhormat.

**Cik Fong Po Kuan:** Jadi saya pohon jawapan dan penjelasan berkenaan dengan perkara-perkara yang saya bangkitkan tadi.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tadi saya beritahu sudah habis Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tapi tidak mengapa.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tak apa, tak apa, Yang Berhormat, tak apa.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sabar, sabar. Saya bagi Yang Berhormat lima minit dan Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu lima minit dan selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Mikrofon lambat dipasang]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cakap sahajalah Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Batu Gajah sangat penting kerana peruntukan dalam buku ini. *[Menarik perhatian Dewan kepada buku Bajet 2005]* Kita semua tahu, Kementerian Pertahanan bertanggungjawab mengenai Perkhidmatan Nasional tetapi mana peruntukan? Adakah ini satu ‘black hole’ dalam bajet yang mungkin RM500 juta, RM600 juta setahun.

Kita mahu tahu kenapa Yang Berhormat Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen tidak boleh berdiri untuk beritahu mana peruntukan untuk Perkhidmatan Nasional supaya kita boleh *scrutinize*? Itulah tanggungjawab Parlimen untuk *scrutinize* dan, dengan izin, *hold the government to effective account*. Mana peruntukan itu? Kalau tidak, kita tidak boleh meluluskan anggaran ini, kita perlu tangguhkan mesyuarat supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh balik. Mana itu ‘black hole’? RM500

juta, RM600 juta hilang? Kita tidak boleh teruskan, kita tidak boleh luluskan, kita bukan satu *rubber stamp*. Kita tidak mahu Eksekutif menganggap bahawa kita *rubber stamp*. Ini satu ujian kalau ...

**Cik Fong Po Kuan:** Minta penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya.

**Cik Fong Po Kuan:** Yang Berhormat Ketua Pembangkang, apa kata kita minta Yang Berhormat Timbalan Menteri yang sekarang ada bersama kita supaya memaklumkan kepada kita di manakah butirannya?

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, kita mahu butirannya, kalau tidak kita tidak boleh teruskan, tanpa itu kita tidak boleh teruskan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu? Tidak boleh teruskan, macam mana boleh teruskan? Selain daripada kita satu *rubber stamp*, tidak ada peruntukan pun kita teruskan, mana boleh? Itu bukan tanggungjawab Parlimen. Kita mahu tahu, mana peruntukan itu? RM500 juta, RM600 juta untuk Perkhidmatan Nasional, mana itu? Bolehkah ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, nanti ...

**Tuan Lim Kit Siang:** ..... Tuan Pengerusi mengarahkan, bukan menanti. Ini bukan penjelasan. Kita mahu tahu mana peruntukan itu?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Nanti, dia jawablah Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak boleh, kita mahu tahu. Bagaimana kita boleh bahas, bagaimana kita boleh luluskan tanpa '*black hole*' dalam bajet ini? Tak boleh teruskan, dan kalau tidak ada jawapan, kita perlu *bypass* Kementerian Pertahanan ini, kita lompat kepada kementerian yang lain. Bolehkah satu *ruling* dibuat? Mana peruntukan itu?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat. Nanti kementerian akan memberi penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak boleh, selain daripada kita satu *rubber stamp*, adakah kita *rubber stamp*? Saya harap kalau Timbalan Menteri tidak boleh memberi penjelasan yang memuaskan, kita tidak boleh buat keputusan untuk meluluskan anggaran untuk Kementerian Pertahanan. Saya harap boleh cepat dapatkan butiran itu.

Yang kedua, oleh kerana kita mahu tahu mengenai segala selok-belok masalah Perkhidmatan Negara, Yang Berhormat bagi Batu Gajah ada berbincang dan kita

mahu tahu oleh kerana ia melibatkan beratus juta ringgit. Siapa yang bertanggungjawab? Apa syarikat-syarikat yang bertanggungjawab? Apa-apakah syarikat yang bertanggungjawab mengendalikan kontrak-kontrak di bawah *National Service*? Kita sudah tahu mengenai skandal PMC, bukan PMC dan kita tidak mahu skandal *National Service* berkaitan kontrak-kontrak bernilai beratus-ratus juta ringgit. Sekarang *black hole!* Tidak di sini. Kita mahu uniform, kenapa kontrak bagi uniform diberi kepada kontraktor yang berkenaan? Kenapa uniform itu dipilih? Ada orang kata uniform itu semacam uniform *Tamil Tigers [Ketawa]* uniform *Tamil Tigers* – biru dan putih. Ada orang kata, “Wah!! *National Service men and women* Malaysia sudah jadi *Tamil Tigers*”. Adakah semua ini diambil kira?

Mengenai pertahanan, khasnya mengenai sempadan bersama di utara, masalah yang timbul di Selatan Thailand yang menyebabkan kita perlu menambah pasukan kita di sempadan untuk menjaga keselamatan, kita perlu mengambil perhatian tentang perkara ini dan saya sangat gembira bahawa saya ada membuat cadangan mengatakan bahawa satu *Parliamentary caucus* mengenai Thailand – Thai Selatan nampaknya mendapat persetujuan daripada pihak Barisan Nasional.

Itu sesuatu yang baik, ada perkara-perkara yang kita boleh memberi kerjasama oleh kerana kita mahu apa yang berlaku di Selatan *Thailand* ada kemajuan supaya tidak menjadi ancaman bukan sahaja kepada kesejahteraan dalam negeri tetapi juga kepada negara-negara lain supaya kita tidak perlu menggunakan *resources* kita, askar-askar kita untuk tugas-tugas yang baru. Sebab itu kita perlu mengambil perhatian tentang apa yang berlaku di *South Thailand* dan untuk memberi nasihat kepada Perdana Menteri *Thailand*, *Thaksin Shinawatra* bahawa perlulah membuat *soft approach*, bukan secara kekerasan dan janganlah menggunakan ISA. Nampaknya dia pun mahu pinjam Akta ISA di Malaysia untuk dikuatkuasakan, digunakan di Thailand. Itu bukan cara untuk mengatasi masalah-masalah sosioekonomi, dengan izin, *to win the hearts and minds of the Muslims in South Thailand*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya harap ini mustahak, *by the way*, oleh kerana bersangkut-paut dengan perbelanjaan pertahanan yang akan memerlukan lebih belanjawan, dan akhirnya saya harap satu jawapan yang boleh kita terima – mana peruntukan untuk *National Service* dan kalau tidak, kita akan cadangkan supaya kita tangguhkan kelulusan perbelanjaan untuk kementerian ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu dan selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

### 3.17 ptg.

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Dewan berhubung dengan Butiran 010100 – Pentadbiran dan Dasar Pertahanan, Butiran 020200 – Logistik dan Butiran 020300 – Latihan.

Pertamanya, saya ingin menarik perhatian bahawa keadaan dunia global sekarang ini dengan kemunculan *global cop*, dengan izin, dalam konteks *unipolar* ini, meletakkan kita dalam keadaan yang cukup bahaya, yang baru-baru ini saya terbaca sebuah buku yang ditulis oleh seorang pengarang yang begitu hebat mengatakan bahawa “*US - American dream a global nightmare*”.

Maka dalam konteks inilah kita harus waspada dan saya kira Kementerian Pertahanan harus senantiasa siap siaga. Ertinya, *alertness*, dengan izin, dalam keadaan serba mungkin yang akan berlaku. Yang keduanya ialah dalam konteks perkembangan dunia *knowledge* ini maka *k-force* ataupun *knowledge force* itu harus mendapat keprihatinan yang utama selain daripada kesejahteraan dan kesiapsiagaan anggota-anggota tentera kita yang kadang-kadang kalau tidak berada dalam keadaan peperangan, kita lihat anggota-anggota tentera kita berada dalam keadaan ‘gendut-gendut’ dan kegendetuan ini pun akan menyebabkan bahaya juga.

Dalam konteks ini juga, saya ingin menarik perhatian berhubung dengan usaha kita untuk mewujudkan *k-force* atau *knowledge force*. Ini adalah kerana dalam dunia sekarang ini, tindakan-tindakan yang dibuat oleh musuh-musuh kita adalah tindakan yang begitu pantas sekali. Maka petikan yang menyatakan bahawa “untuk kita bersiap siaga untuk berperang” akan menghindari kita daripada ancaman perang, merupakan satu kenyataan yang harus kita beri perhatian. Maka dalam konteks ini, kita harus membuat persiapan dari segi kemudahan-kemudahan satelit, khususnya *Multi-Tasking Micro-Satellite*, harus kita buat persiapan untuk kita juga dapat mengesan ancaman-ancaman luar selain daripada *Medium-Aperture Camera Satellite*, harus juga kita mengambil tindakan-tindakan untuk kita memastikan bahawa kita senantiasa berada di dalam keadaan siap siaga.

Selain daripada itu juga ialah dari segi *R&D – research and development*. Dalam konteks ini saya berharap supaya disemak balik peruntukan-peruntukan yang diperolehi untuk dibuat penyelidikan dan pembangunan (*research and development*) untuk memastikan Kementerian Pertahanan sentiasa berada dalam keadaan belajar secara berterusan (*learning organization*), sebab ini adalah merupakan perkara-perkara yang penting.

Selain daripada itu juga, dalam usaha kita untuk kita bersiap siaga maka industri-industri *local defence industry* ini iaitu mempersiapkan peralatan-peralatan seperti *patrol boat* dan juga baru-baru ini, *simulator* yang mana saya kira harus digerakkan supaya kita dapat membekalkan sendiri keperluan-keperluan dalam kita untuk dimanfaatkan oleh Kementerian Pertahanan. Kita tidak harus hanya bergantung harap seratus peratus kepada bahan-bahan daripada luar negara.

Selain daripada itu, saya hendak tarik perhatian berhubung dengan budaya penyelenggaraan peralatan-peralatan (*maintenance culture*) militer kita yang sering kita dengar rosak dan juga ketinggalan zaman. Baru-baru ini kita dengar kapal terbang Nuri kita yang dilatih oleh pejuang-pejuang kita musnah jatuh terhempas, yang menyebabkan kerugian harta benda dan nyawa.

Selain daripada itu ialah tentang keselamatan, keselamatan Laut China Selatan kita ini. Dalam konteks ini saya berharap dan ingin menarik perhatian Kementerian Pertahanan supaya diwujudkan *integrated armed approach* ataupun tindakan secara bersepada untuk menghindari ancaman-ancaman terutamanya di sekitar Laut China Selatan ini kerana sering kali kedapatan bahawa orang-orang luar, pendatang-pendatang asing sering datang dan meronda dan juga kadang-kadang boleh menimbulkan kesan-kesan ancaman kepada kegiatan-kegiatan petroleum di Laut China Selatan.

**Tuan Mohd.Yusop bin Majid:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Setiu bangun ya.

**Tuan Mohd.Yusop bin Majid:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak mencelah dan bertanya kepada Yang Berhormat rakan saya bagi Kuala Terengganu berkaitan dengan keselamatan di Laut China Selatan. Setiap tahun kita dimaklumkan mengenai pencerobohan nelayan asing di Terengganu dan juga Kelantan yang begitu hampir dengan sempadan Thailand sehingga bukan sahaja dari segi pencerobohan

sahaja tetapi sumber ikan di dalam negara kita juga turut dicabuli oleh nelayan-nelayan asing yang mungkin satu masa boleh terdedah kepada masalah keselamatan negara. Boleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu menjelaskan sedikit tentang isu ini?

**Dato' Razali bin Ismail:** Terima kasih. Saya kira keprihatinan daripada Yang Berhormat bagi Setiu itu kerana beliau berada di kawasan itu, sentiasa prihatin tentang kaum nelayan di kawasannya. Saya kira ini juga harus diberi perhatian dan kita ada sebuah pulau yang telah ditinggalkan sekarang ini iaitu Pulau Bidong yang dulunya merupakan tempat persinggahan orang-orang pelarian daripada Vietnam. Mungkin ini dapat dijadikan sebagai satu pusat untuk meninjau dan juga melihat persekitaran dari ancaman-ancaman musuh daripada lautan.

Tetapi yang penting yang saya cadangkan di sini ialah dari segi pendekatan bersepada pertahanan kita ini sebab konteks sekarang ini kita tidak hanya bergantung kepada *navy* kita sahaja tetapi juga gerakan-gerakan daripada angkasa, gerakan-gerakan dari segi udara, *air force* kita dan sekali gus juga barangkali tentera-tentera kita harus disepadukan untuk kita berdepan dengan ancaman-ancaman ini sebab dalam konteks dunia global yang begitu rencam dengan pertahanan sekarang ini, kita harus memikirkan ke hadapan untuk pertahanan kita yang bersifat *integrated armed approach* itu.

**Tuan Pengurus [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, gulung Yang Berhormat.

**Dato' Razali bin Ismail:** Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengurus [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Jawapan daripada Kementerian Pertahanan, Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila.

### 3.22 ptg.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]:** Tuan Pengurus dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan terima kasih atas penyertaan di dalam membahaskan perkara ini dalam Jawatankuasa. Perkara-perkara yang dibangkitkan adalah wajar dan saya percaya bahawa perkara ini pastinya tidak boleh dibahaskan untuk kelulusan sekiranya kementerian tidak meminta kelulusan yang berkenaan.

Saya ingin menarik perhatian tentang perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timur dan Yang Berhormat bagi Batu Gajah tentang peruntukan ini. Kita tidak menulis peruntukan sebagai peruntukan khidmat negara tetapi

peruntukan diletakkan di bawah peruntukan belanjawan mengurus iaitu sebanyak RM300 juta yang sedia ada dan sebanyak RM100 juta di bawah Dasar Baru. Keseluruhan bagi peruntukan belanjawan mengurus ialah sebanyak RM7.69 bilion.

Saya percaya bahawa pada keseluruhannya seperti yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Batu Gajah bahawa RM700 juta telah diluluskan dalam perbincangan Parlimen yang lepas dan pada kali ini kita mendapat kelulusan untuk khidmat negara ialah sebanyak RM400 juta. Ini adalah di antara keperluan yang akan diberi untuk menjalankan usaha-usaha yang telah diluluskan dan perancangan-perancangan yang telah disusun supaya keadaannya menjadi lebih sempurna dan lebih baik.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau tidak silap, Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa RM100 juta di bawah Dasar Batu, betul, RM100 juta di bawah Dasar Baru dan RM300 juta di bawah Anggaran Mengurus. Kenapa tidak ditunjukkan *subheads* yang bersendirian dan RM100 juta di bawah Dasar Baru yang timbul? Sekarang saya tengok Dasar Baru nampaknya hendak cari Program Khidmat Negara tidak dapat. Bolehkah tunjuk mana *subheads* ataupun subjek kecil dan mana RM300 juta itu? Kalau tidak, bagaimana kita boleh luluskan? Bolehkah mana-mana *subheads* atau *sub-subheads*?

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Apa yang dikehendaki oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timur dari keseluruhan perbelanjaan mengurus telah saya sebutkan tadi ialah sebanyak RM7.069 bilion dan kalau perkara yang *detail* hendak diberi pada saat ini, saya minta untuk saya beri secara terperinci secara bertulis kepada Yang Berhormat sendiri.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak mahu butir-butir terperinci, tetapi saya mahukan kepala sahaja, kita tidak mahu butiran kecil, kita mahu kepala atau *subheads* atau *sub-subheads*, di mana *National Service*. Kita tahu bahawa jumlahnya ialah RM7 bilion tetapi oleh kerana Program Khidmat Negara adalah satu *item* yang mustahak, tentulah ada *subheads* atau *sub-subheads* di mana ia sama ada di bawah perbelanjaan mengurus ataupun di bawah yang disebutkan sebagai Dasar Baru. Tetapi saya tengok Dasar Baru – 060000; kita ada Pentadbiran – RM74 juta; bantuan bersama tetapi tidak ada RM100 juta yang disebutkan bahawa untuk Program Khidmat Negara. Kita hendak tahu, kita tidak boleh kata, apa yang diberi, Ahli-ahli Parlimen kena luluskan. Kita mahu tahu apa yang kita luluskan.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Itu yang saya minta kepada Yang Berhormat untuk kita beri secara bertulis bagi perkara yang dikehendaki.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau begitu, Yang Berhormat Timbalan Menteri patut meminta secara bertulis kepada Dewan ini bahawa kita memberi kebenaran, barulah kita timbangkan. Sekarang, mana boleh? Keadaan sekarang ialah Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi pihak Kementerian Pertahanan, bagi pihak kerajaan datang ke Dewan ini untuk meminta Dewan yang mulia bagi meneruskan satu permintaan, satu permohonan yang dibuat oleh kementerian kepada Dewan ini supaya kita luluskan. Mana boleh sekarang Yang Berhormat Timbalan Menteri kata, oh, kalau mahu butiran, beri notis secara bertulis. Tidak boleh! Kalau begitu, kita jangan luluskan, kita perlukan jawapan itu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup!

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Saya bukan minta beri notis, saya hendak jawab secara bertulis atas perkara yang terperinci dari RM7 bilion.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan, saya mahu satu angka sahaja, mengapa bertulis? Satu angka, mana *head*, *subheads* atau *sub-subheads*. Itu sahaja, bukan 200 muka butir-butiran itu.

**Cik Fong Po Kuan:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup, Yang Berhormat bagi Batu Gajah, duduk!

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Okay, saya sudah bagi tahu itu caranya, kita akan beri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Timbalan Menteri sudah beritahu tadi, ia ada dalam butiran-butiran tertentu.

**Cik Fong Po Kuan:** Tuan Pengerusi, biarlah kita ikut peraturan. Kalau kita minta maklumat yang begitu asas, a *basic information*, di manakah butiran untuk Program Latihan Khidmat Negara? Di mana? Kalau saya baca, tidak ada langsung yang menyentuh berkenaan dengan program ini.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Bukan, hanya...

**Cik Fong Po Kuan:** You just tell me Dasar Baru, bagaimana kami boleh terima?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat bagi Batu Gajah, biarlah Timbalan Menteri menerangkan.

**Cik Fong Po Kuan:** Ini yang paling asas kalau hendak minta kita luluskan untuk menjalankan program ini.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Kita sudah beritahu, dari seluruh perbelanjaan pengurusan, saya juga ada beritahu bahawa kita mendapat kelulusan untuk belanja bagi Program Khidmat Negara ini diambil daripada peruntukan pengurusan. Maka pecahan-pecahan inilah akan kita beritahu kepada Yang Berhormat apabila Yang Berhormat perlukan pecahan-pecahannya.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukuplah Yang Berhormat bagi Ipoh Timur.

**Tuan Lim Kit Siang:** *This is a basic principle*, kita diminta untuk meluluskan betul-betul jumlah *grand total* tetapi dengan spesifik *head* dan *subheads*.

Mana boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri berdiri di sini kata apa yang kita selepas luluskan barulah akan digunakan daripada angka itu. Itu bukan *budgeting*. Itulah *budgeting* yang mahal, *irresponsible*, oleh kerana apabila satu *budget* diadakan, Yang Berhormat bagi Gua Musang ada di sini, beliau Menteri Kewangan, dia tahu, semua sudah spesifik. Apa *head*, apa *sub-head*, apa *sub-sub-head*. Sekarang apa *head* pun tidak ada! Apa sudah berlaku kepada prestasi, kepada *budgeting*, kepada *focusing* dalam kerajaan ini?

Saya tidak salahkan Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya tahu beliau tidak boleh disalahkan tetapi dia bertanggungjawab, *how to do*, dia bertanggungjawab, dia perlu berdiri di sini untuk memikul tanggungjawab. Tidak boleh, ini tidak boleh. Saya percaya, tidak pernah berlaku dalam sejarah Malaysia di mana satu program RM700 juta hilang, tidak tahu di mana itu dan tidak boleh diberi jawapan. Sebab itu saya mencadangkan bahawa perkara ini ditangguhkan, kita terus pergi kepada kementerian yang lain, mungkin hari Isnin Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat satu *briefing* yang baik, cari mana hilang supaya ia boleh dikembalikan dan dikemukakan ke Dewan yang mulia ini. Kalau tidak kita ditunjuk Parlimen *rubber stamp*. *[Tepuk]* Apa tidak ada, kita pun rela untuk luluskan. Malu untuk Parlimen, untuk eksekutif.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Jawatankuasa]**

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat biar.....

**Cik Fong Po Kuan:** Saya mohonlah kita tangguhkan mesyuarat sekurang-kurangnya Timbalan Menteri – kami hendak beri kerjasama, bagi betulkan prosedur kelulusan peruntukan untuk kementerian, bagi masa kementerian untuk membetulkan.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, selepas Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, kita perlu berikan kepada .....

**Cik Fong Po Kuan:** Saya pohonlah Yang Berhormat Timbalan Menteri, ini paling asas, maklumat paling asas. Timbalan Menteri pun tidak boleh beri, bagaimana kita perlu lulus peruntukan ini.

**Datuk Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Pengerusi, kita sudah beritahu oleh sebab perkara ini dimasukkan di bawah perbelanjaan pengurusan maka keseluruhannya dimasukkan daripada RM7.069 bilion itu. Dan oleh sebab Yang Berhormat bagi Batu Gajah, Yang Berhormat bagi Ipoh Timur mahu cara terperinci di mana dan bagaimana maka saya perlu untuk memberi terperinci dalam perkara ini kepada kedua-dua Yang Berhormat yang berkenaan.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Pengerusi, bukan sahaja Yang Berhormat bagi Ipoh Timur dan Yang Berhormat bagi Batu Gajah hendak tahu, semua ahli-ahli dalam Dewan ini hendak tahu.

**Datuk Zainal Abidin bin Zin:** Bagus. Saya akan beritahu semua kepada Dewan ini.

**Cik Fong Po Kuan:** Tidak boleh.....

**Tuan Lim Hock Seng:** Macam mana mahu timbang sekarang? Kalau tidak tahu, macam mana mahu timbang sekarang?

**Datuk Zainal Abidin bin Zin:** Apa fasal tidak tahu, daripada RM7.069 bilion itu adalah.....

**Cik Fong Po Kuan:** Butiran? Mana butiran? Yang Berhormat Timbalan Menteri, mana butiran? Hanya kata dasar, saya pun tidak kata. Kalau kita baca

kandungan, setiap *heading* tidak ada menyebut satu perkataan pun Program Latihan Khidmat Negara.

**Tuan Lim Hock Seng:** Bukan dalam bidang dia.

**Cik Fong Po Kuan:** *Not even a single word is mentioned and the explanation.*

**Tuan Lim Hock Seng:** *So, it is not under him.*

**Cik Fong Po Kuan:** Untuk setiap butiran yang sedia ada. Jadi, saya pohon Yang Berhormat Timbalan Menteri, *head of mindset*, sedia terimalah teguran, tangguhkan mesyuarat, pergi perbetulkanlah. Kami beri kerjasama .....

**Datuk Ronald Kiandee:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Beluran.

**Datuk Ronald Kiandee:** Saya minta penjelasan. Kita asyik mendengar. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah sebarang masalah jika Khidmat Negara ini dimasukkan di dalam *vote pengurusan*? Adakah itu menjadi satu masalah menyebabkan wang itu tidak boleh dikeluarkan ataupun sekadar memasukkan sekarang ini, kita boleh jalankan Program Khidmat Negara melalui *vote pengurusan* yang dijalankan? Kita tidak perlu ikut cakap pembangkang di sini. Kalau itu keputusan Menteri, itu keputusan kementerian untuk mengaturkan kewangan itu menulis satu *vote pengurusan*, apa salahnya. Apa masalahnya? Adakah kita pernah minta butiran-butiran terperinci dalam *vote pengurusan*? Pernahkah kita? Semua dalam buku tebal ini ada *vote pengurusan*, adakah kita pernah minta butiran terperinci daripada itu? Saya rasa Timbalan Menteri boleh – kementerian buat keputusan begitu tidak ada masalah kewangan, kita boleh teruskan perbincangan. Tidak payah layan, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, cukuplah, Yang Berhormat, cukup. Yang Berhormat Timbalan Menteri teruskan.

**Datuk Zainal Abidin bin Zin:** Saya berpegang kepada kelulusan yang telah diberi dan dikehendaki sebanyak RM7.069 bilion termasuk peruntukan Khidmat Negara. Maka dengan itu tidak menjadi satu kesalahan dan saya menjawab oleh sebab Yang Berhormat perlu keterangan yang terperinci daripada RM7.069 bilion, itu yang saya hendak jawab secara bertulis kepada kedua-dua Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Bagan juga berkehendakkan perkara ini, kita juga akan beri kepada Yang Berhormat bagi Bagan.

Seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Beluran, perkara ini sebenarnya perkara yang telah dipersetujukan dan tidak menjadi masalah kepada kita pada masa-masa yang lepas. Oleh sebab kedua-dua Yang Berhormat mengambil PLKN ini sebagai *interest* yang unggul, maka kedua-dua Yang Berhormat berkehendakkan secara terperinci, insya-Allah kita akan berikan perkara secara terperinci daripada keseluruhan RM7.069 bilion ini.

Bersabit dengan rancangan untuk .....

**Tuan Lim Kit Siang:** Kita lihat muka 601, Maksud Bekalan 60 – Kementerian Pertahanan. Apa butiran besar, program aktiviti – Pentadbiran Pertahanan. 020000 – Bantuan Bersama; 030000 – Pertahanan Darat; 040000 – Pertahanan Maritim; 050000 – Pertahanan Ruang Udara; dan selepas itu 060000 – Dasar Baru. *National Service*, mana sabit ini atau tidak ada di bawah apa-apa? Sekurang-kurangnya, okey kalau tidak disebut di mana, di mana perkhidmatan atau *one-off*, adakah? Kalau tidak bagaimana kita, Dewan yang mulia ini boleh diminta untuk luluskan peruntukan termasuk RM700 juta untuk Khidmat Negara. Ini nampaknya satu *black hole* dalam *budget*, kenapa boleh berlaku? Kita patut lebih efisien dalam *budgeting*, nampaknya boleh hilang.

Mana *sub-head*, okey kata itu butir-butiran. Di bawah butiran apa?

**Datuk Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Pengerusi, ada dua perkara daripada RM300 juta di bawah dasar yang sedia ada dan sebanyak RM100 juta di bawah dasar baru. Ini berjumlah RM400 juta dan RM400 juta diluluskan untuk PLKN untuk tahun 2005.

**Tuan Lim Kit Siang:** RM300 di bawah mana?

**Datuk Zainal Abidin bin Zin:** Dasar yang sedia ada.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak nampak dasar sedia ada, baru ada Pentadbiran Pertahanan, Bantuan Bersama, Pertahanan Darat, Pertahanan Maritim, Pertahanan Ruang Udara, Dasar Baru, tidak ada dasar yang sedia ada. Mesti jatuh di bawah *sub-head* ini, jatuh di mana *sub-head*, kita muahu tanya. Tidak boleh kata sedia ada, sedia ada mana? Di luar daripada *budget*. Di luar *budget* bukan *subject matter* kita? Jatuh di mana? Atau tidak jatuh?

**Datuk Zainal Abidin bin Zin:** Tidak apalah, nanti kita .....

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan tidak apa, ini .....

**Datuk Zainal Abidin bin Zin:** Kita akan jawab kepada Yang Berhormat. Kita akan jawab, ya. Ini secara terperinci.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan akan jawab. Kalau tidak boleh jawab, kita tidak boleh luluskan peruntukan ini.

**Datuk Zainal Abidin bin Zin:** Macam mana tidak boleh lulus, kalau kita hendak minta RM7.069 juta.

**Tuan Lim Kit Siang:** Oleh kerana tidak tahu apa itu RM7.069 bilion dari mana, ke mana? Dari mana? Ke mana?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, jawab berdasarkan kepada perkara lain dahulu.

**Datuk Zainal Abidin bin Zin:** Adakah Yang Berhormat menganggap bahawa .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Berikan jawapan kepada perkara yang lain dahulu.

**Datuk Zainal Abidin bin Zin:** Tidak, perkara ini kita hendak minta RM7.069 bilion termasuk RM400 juta untuk Khidmat Negara. Cuma, Yang Berhormat minta mana hendak kita tunjukkan. Saya sendiri dalam keadaan ini .....

**Tuan Lim Kit Siang:** Bersangkut paut dengan *National Service*.

**Cik Fong Po Kuan:** Timbalan Menteri, ini bukan satu program yang baru, *how can it comes under* dasar baru. *This is not a new program*. Jadi, saya pohon kalau Timbalan Menteri tidak ada buku *budget* ini, saya boleh pinjamkan dan bincang dengan pegawai-pegawai, kita tangguhkan mesyuarat 10 minit. *Let us clear this together*, dengan izin.

**Datuk Zainal Abidin bin Zin:** Tidak apalah itu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak apalah Yang Berhormat.

**Cik Fong Po Kuan:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita sama-sama buat baik-baiklah.

**Datuk Zainal Abidin bin Zin:** Saya hendak jawab, saya akan beri. Saya akan beri jawapan secara bertulis dalam perkara yang hendak dibangkitkan.

**Cik Fong Po Kuan:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Datuk Zainal Abidin bin Zin:** Tidak ada, ini sebab dia *total* .....

**Cik Fong Po Kuan:** Ini semua atur cara tidak betul, sudah.

**Datuk Zainal Abidin bin Zin:** .....RM7.069 bilion itu termasuk di dalam itu.

**Cik Fong Po Kuan:** Tidak boleh jawab. *When we ask you a proof...*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, tadi saya fikir ada banyak perkara yang dibangkitkan.

**Datuk Zainal Abidin bin Zin:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya fikir Yang Berhormat boleh. Sila jawab kepada perkara .....

**Datuk Zainal Abidin bin Zin:** Saya sudah jawab dalam perkara ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau sudah habis, duduklah.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Ya, okey. Tuan Pengerusi, berkait dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kudat tentang *Five Power Agreement*, tindakan ini masih di peringkat awal, kita perlu mengambil usaha untuk bawa Australia menandatangani perjanjian ini dan perkara ini biasa berlaku, kadang-kadang percanggahan di peringkat awal tetapi apabila perundingan yang berterusan tahun demi tahun, penyelesaian dapat dibuat dalam masa-masa kemudian daripada kejadian yang berlaku itu.

Mengenai ASEAN telah bersetuju untuk menandatangani perjanjian agar tidak membina apa-apa pangkalan dan mendahului keperluan-keperluan tersebut. Apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dalam perkara perjanjian di antara ASEAN dengan negara China telah dibuat dan telah dipersetujui agar tidak membawa sebarang masalah di kepulauan khasnya Kepulauan Spratly.

Kepulauan Spratly sebenarnya pada masa ini memang sangat diminati oleh negara-negara di rantau ini. Tetapi untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, Kepulauan Spratly juga dikenali sebagai Pulau Layang-layang di mana kita telah menduduki Pulau Spratly ini dan Angkatan Tentera Laut kita telah diberi tugas untuk mengawal Pulau Spratly ini.

Atas melihat keperluan unggas yang berada pada masa yang lepas, pihak tentera laut telah dapat membina satu tukun baru supaya burung-burung yang menggunakan kawasan perairan dan Kepulauan Spratly ini dapat singgah di tukun yang baru ini dan ini menjadikan Pulau Layang-layang ataupun Spratly Islands, dengan izin menjadi satu tumpuan kepada pelancong-pelancong yang ada di seluruh dunia kerana Spratly Islands bukan sahaja berada di tengah lautan yang besar tetapi adalah

sangat cantik dan sangat sesuai untuk perenang dan pengunjung-pengunjung yang berminat tentang perikanan, tentang burung, tentang cuti dan sebagainya.

Insya-Allah sejak beberapa tahun yang lepas ini, kita berjaya mengawal dan saya tidak berhajat untuk hendak menerangkan kenapa orang lain, negara-negara jiran sangat berminat untuk turut serta menuntut Spratly Island ini. Tetapi sebagai kenyataan dan amalan, di mana rakyat di negara ataupun negara yang berkenaan telah dapat menduduki pulau itu lebih awal, maka tuntutannya adalah menjadi dasar dan lebih mutlak bagi perkara itu, kalau ianya sampai kepada peringkat undang-undang antarabangsa.

Yang Berhormat, perairan maritim kita bukan sahaja kita selalu bangkit mengenai Selat Melaka, tetapi Yang Berhormat juga membangkitkan mengenai perairan di Sabah. Saya hendak maklumkan bahawa kejadian yang berlaku pada musim yang lepas seperti terdapat kejadian pencolekan di Pulau Sipadan dan kejadian-kejadian pencolekan sebahagian daripada Sabah, pihak angkatan tentera termasuk pihak Polis Diraja Malaysia telah bekerjasama bersama-sama dengan RELA di bahagian darat bagi mengawal seluruh perairan di Sabah.

Kita ada 27 pusat kawalan di perairan Sabah bagi melindungi pembolosan yang pernah berlaku dan bagi tentera laut sentiasa mempunyai sebuah kapal dan beberapa bot laju yang kita sediakan untuk membantu ataupun menyekat kemasukan pendatang-pendatang yang berkemungkinan akan membawa bahaya kepada perairan kita di Sabah dan nelayan-nelayan kita di rantau yang berkenaan.

Saya sendiri telah dapat melihat dan melawat kawasan yang berkenaan dan saya berkeyakinan bahawa kita meletakkan anggota tentera yang berkawal 24 jam dan kita sentiasa ada kemudahan hubungan dan perkara-perkara lain yang diperlukan oleh angkatan tentera. Begitu juga dengan kawalan di darat oleh Pasukan Polis Diraja kita. Sementara ini kita harap bahawa rakyat negeri Sabah ataupun rakyat negeri Sarawak seperti juga rakyat di sempadan .....

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: [Bangun]**

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Beluran dan Bandar Kuching.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Rakyat di sempadan Malaysia/Thai akan bekerjasama dengan pasukan polis dan pasukan angkatan tentera kita tentang keselamatan dan kerja-kerja pembolosan yang berlaku di sempadan dan perairan kita.

**Datuk Ronald Kiandee:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, memang pos-pos tentera di letakkan di 27 buah pulau di seluruh kawasan negeri Sabah, tetapi dalam pengamatan saya dan lawatan saya ke beberapa pos ini, ada keperluan untuk kementerian melihat kelengkapan-kelengkapan dari segi *boat*, dari segi peralatan, dari segi minyak, dari segi kelengkapan-kelengkapan tentera yang lain yang harus dilihat oleh kementerian secara dekat dan saya inginkan agar kelemahan-kelemahan ini diatasi untuk menentukan pos-pos yang ada ini sentiasa dalam keadaan yang sedia untuk sebarang kemungkinan. Terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Terima kasih atas kepekaan dan ziarah Yang Berhormat kepada anggota tentera kita di kawasan-kawasan yang berkenaan dan sememangnya pada setiap masa kita menambah dan memberi kemudahan dan keperluan-keperluan logistik kepada anggota tentera kita dan insya-Allah sebab itu saya sendiri termasuk Yang Berhormat Menteri dan pegawai-pegawai daripada kementerian sentiasa membuat lawatan dan melihat apakah keperluan dari masa ke semasa, yang boleh kita berikan untuk kemudahan dan keperluan guna tenaga dan guna pakai angkatan tentera kita di kawasan-kawasan yang kita anggap adalah berbahaya dan perlu ditingkatkan keperluannya.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pencerobohan perairan kita bukanlah berlaku sahaja di perairan di Semenanjung Malaysia dan Sabah sahaja, tetapi ia telah berlaku juga di perairan di Sarawak dan pelaku atau pesalah itu bukanlah dari lanun tetapi ia adalah dari nelayan-nelayan kapal *charter* dari negara asing khususnya dari Thailand.

Keadaan sekarang adalah begitu. Kapal-kapal asing diberi lesen untuk menangkap ikan di luar daripada kawasan perairan 30 *nautical mile* di perairan Sarawak tetapi mereka sering masuk ke dalam kawasan perairan 30 *nautical mile* dan nelayan-nelayan tempatan yang menangkap ikan di dalam kawasan perairan 30 *nautical mile* itu, kadangkala menemui mereka dan bergaduh. Tetapi nelayan-nelayan dari negara asing ini terdapat M16, AK47 di atas kapal mereka.

Semasa bergaduh mereka ambil senapang berkenaan dan terdapat satu insiden bahawa satu nelayan di Sarawak telah ditembak mati dan dibuang dalam air.

Oleh itu saya mintalah kementerian meningkatkan perondaan di dalam kawasan perairan Sarawak juga. Sekian, terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Bandar Kuching, bila saya bercakap mengenai keselamatan di perairan Sabah, ataupun di sempadan Malaysia dan Thailand tidak bermakna bahawa keselamatan di perairan Sarawak dan keselamatan di sempadan Sarawak dengan Indonesia, kita biarkan begitu sahaja. Ini tergolong sekali.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, pihak Pasukan Tentera Laut kita ada bekerjasama dan pihak Kementerian Pertanian khasnya Bahagian Marin dan Nelayan. Begitu juga kita minta nelayan-nelayan negara kita untuk menghubungi sama ada *marine police* atau pun tentera laut kita apabila keadaan yang tidak selamat ini berlaku kepada mereka. Saya minta supaya mereka menghubungi pejabat-pejabat marin dan tentera laut kita untuk mendapat nombor-nombor siri yang tertentu untuk membuat panggilan bagi membantu dalam masalah bukan sahaja tentang keselamatan bahkan tentang keadaan yang tidak selamat dalam laluan mereka. umpamanya ribut taufan dan sebagainya. Pihak tentera laut akan sentiasa memberi bantuan dan kemudahan ini.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Tuan Pengerusi, penjelasan. Pada awal tahun ini, kami telah membahaskan Rang Undang-undang Agensi Penguatuasaan Maritim Malaysia iaitu satu agensi baru yang ditubuhkan. Saya ingin tahu sama ada agensi ini telah diperlengkap, dikuatkuasakan dan telah menjalankan tugasnya?

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Agensi Penguatuasaan Maritim Malaysia adalah satu agensi yang telah ditubuhkan dengan persetujuan dan untuk pengetahuan umum bahawa kita bertanggungjawab untuk mengendalikan perkara-perkara yang berkaitan dengan laluan di perairan antarabangsa. Ianya telah dilengkapkan dan pihak kita telah mengadakan kemudahan ini. Sebab itu saya mengatakan bahawa dalam mengawal keselamatan kawasan perairan kita, nelayan dan pengguna-pengguna di laluan perairan tanah air kita, di lautan kita boleh menghubungi tentera laut kalau ianya berada di beberapa *nautical mile* jauh daripada pantai dan jika ianya berlaku berdekatan dengan pantai adalah elok untuk menghubungi pihak Marin PDRM supaya bantuan dan kemudahan ini dapat diberi oleh kedua-dua pihak untuk kepentingan bersama bagi rakyat di negara ini.

Dalam perkara inilah maka kita mengatakan, khasnya kepada Amerika ataupun negara-negara lain yang melihat bahawa keselamatan negara kita khasnya di laut bahawa kita sentiasa dengan kemampuan angkatan laut kita termasuk juga marin Polis Di Raja Malaysia, saya ketahui, dapat memberi pertolongan dan kemudahan mengawal keselamatan kepada laluan sama ada laluan nelayan-nelayan atau laluan pedagang-pedagang yang menggunakan perairan di negara kita pada masa yang akan datang.

Ahli Yang Berhormat bagi Kudat juga turut membincang tentang ruang udara kita iaitu berkaitan dengan kadang-kadang terdapat ruang udara kita bukan dibolosi tetapi kadang-kadang digunakan ataupun terguna pakai oleh kapal terbang daripada negara jiran. Saya percaya ada beberapa persefahaman-persefahaman yang terdapat begitu juga daripada negara jiran dengan kita sama ada yang apabila kita masuk sahaja di ruang udara di mana ada kawalan.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam mengendalikan ruang udara ini ada ketika negara jiran mempunyai kelebihan ataupun kuasa mengawal ruang udara terutama sekali dalam mengendalikan penerbangan swasta seperti MAS ataupun kapal-kapal terbang lain. Kita sendiri mestilah minta kebenaran dan mereka juga mesti memaklumkan kepada kita apabila sama ada mereka hendak menggunakan laluan itu ataupun ketika mereka terbabas dalam laluan di negara kita.

Kita faham bahawa kesilapan-kesilapan ini sama ada ianya merupakan satu kesilapan yang sengaja ataupun satu kesilapan yang tidak sengaja sebenarnya kita tidak bersetuju dan kita tidak suka kesilapan ini berlaku seperti juga kita menganggap mereka tidak suka kalau kita melakukan kesilapan di ruang udara mereka pada masa-masa yang akan datang.

Ahli Yang Berhormat bagi Kulai membangkitkan mengenai keperluan logistik untuk pengangkutan angkatan tentera. Saya ingin menarik perhatian yang membangkitkan mengenai logistik ini dan kemudahan tempat tinggal bagi anggota-anggota tentera, kita terus meningkatkan keperluan ini dari masa ke semasa dan bukan sahaja daripada segi logistik dan daripada segi penggunaan alat-alat kelengkapan yang lain juga. Kementerian Pertahanan dan kerajaan sendiri bersetuju untuk meningkatkan bagi menaik taraf penggunaan-penggunaan senjata, keperluan-keperluan dalam membina satu angkatan tentera yang moden pada masa yang akan datang.

Oleh sebab itu, bagi mencapai tujuan ini kita bukan sahaja perlu mencari kekuatan kewangan dan perlu mengadakan strategi dari segi keperluan kelengkapan tetapi kita juga perlu mengadakan kemudahan pembinaan minda dan kekuatan individu dalam angkatan tentera.

Berdasarkan kepada inilah maka mulai daripada tahun 2004 ini Angkatan Tentera Malaysia sudah pun mengambil pendirian bahawa mana-mana rakyat yang ingin menganggotai angkatan tentera perlulah sekurang-kurangnya mendapat kelulusan SPM iaitu tingkatan lima. Di samping itu kita juga mengatakan bahawa mereka yang menyertai angkatan tentera bukan bermakna *it is a life profession*, dengan izin. Mereka tidak akan menjadi tentera sehingga mati. Kemungkinan mereka akan dapat peluang mengubah profesion mereka kerana di dalam angkatan tentera kita, kita ada memberi peluang kepada mereka untuk mengikuti beberapa keperluan latihan yang dianjurkan oleh badan-badan di dalam angkatan tentera, bahkan setelah mereka tidak menjadi angkatan tentera juga, pihak veteran sentiasa menganjurkan beberapa kursus yang lain untuk mereka mengubah mencari peluang dalam profesion-profesion yang tertentu.

Bagi menjayakan program meningkatkan martabat dan *standard*, dengan izin, Angkatan Tentera Malaysia kita, selain daripada minda ini, maka kita juga membina semangat bahawa semangat patriotisme dan semangat kesungguhan untuk berkorban dan mencari jalan supaya kita dilihat sebagai sebuah angkatan tentera yang ada mempunyai moral yang tinggi. Ini adalah di antara perkara yang kita suntikkan di dalam PLKN. Maka mana-mana pegawai dalam PLKN yang terlibat dalam kes-kes salah laku moral, kita akan mengambil tindakan dan jalankan mengikut prosedur dan peraturan-peraturan yang ada. Bukan sahaja pegawai-pegawai bahkan peserta-peserta PLKN juga kita akan tentukan supaya salah laku moral dan perkara-perkara yang tidak baik ini tidak dilakukan oleh mereka sewaktu berada di dalam kursus PLKN dan kita harap setelah mereka meninggalkan PLKN juga mereka akan menjadi lebih sempurna.

Seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Batu Gajah, bila ada peserta daripada kita yang keluar daripada PLKN dia tidak ada apa-apa tetapi dia berniaga, maka dia mampu untuk menjawab kepada Yang Berhormat bahawa dia adalah seorang pelatih PLKN. Mungkin saya tidak tahu sama ada dia secara bangga ataupun tidak bangga tetapi dia boleh berniaga, dia tidak meleser, dia tidak melepak

dan dia tidak mencuri. Ini satu kejayaan. Kita mungkin mengatakan bahawa seseorang yang berniaga selepas keluar daripada PLKN itu adalah satu keputusan yang tidak membanggakan. Tetapi kita tidak juga boleh menjadikan semua manusia berjaya untuk menjadi Yang Berhormat, dan kita boleh juga menjadikan semua kelulusan daripada PLKN itu untuk menjadi guru dan sebagainya.

Saya percaya latihan kepada peserta dalam PLKN ialah membina jati diri dan semangat ingin hidup berdikari adalah satu perkara yang amat penting.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Batu Gajah bangun.

**Cik Fong Po Kuan:** Terima kasih, Timbalan Menteri. Saya ingin balik kepada *point* yang saya isukan berkenaan salah laku. Apakah langkah mencegah daripada berulangnya kejadian yang kami tidak ingin seperti di dalam surat khabar, di dalam pelaksanaan program ini. Gangguan seksual dan dakwaan rogol di mana juga kes lemas mati, apakah langkah bagi siri yang kedua ini, boleh kita boleh kata ada prosedur kita akan hukum dia, itu adalah selepas kejadian berlaku. *Prevention is better than cure*, apa-apa langkah mencegah, apa akan ada taklimat beritahu mereka, berkenaan interaksi di antara perbezaan gender ini, jadi saya hendak minta penjelasan. Agar apabila ibu bapa hubungi saya kata, saya risau anak perempuan saya nanti pergi apa-apa berlaku, saya boleh jawablah, saya boleh beritahulah, menteri sudah ada ini, ini, jangan risaulah. Sekarang ini saya tidak ada maklumat. Bagaimana saya nak balas, berkenaan taklimat untuk ahli kerana program ini, laporan berkenaan program ini saya pohonlah.

Apa langkah mencegah saya boleh bagi kerjasamalah, walaupun saya sebenarnya saya tidak setuju dengan program ini.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Terima kasihlah kira walau pun tidak setuju tetapi Yang Berhormat ada minat, maka dengan itu Yang Berhormat bertanya, bertanya untuk menyelamatkan keadaan. Itu satu petanda bahawa Yang Berhormat peka, bahawa PLKN ini baik ya. Saya sangat terima kasih [*Ketawa*].

**Cik Fong Po Kuan:** Yang Berhormat, *don't put words into my mouth!*

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Eh, saya katakan terima kasih pun marah lagi.

**Cik Fong Po Kuan:** *Don't put words into my mouth!*

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Okey.

**Cik Fong Po Kuan:** Saya mempersoalkan dari awal semasa pembentangan akta ini, rang undang-undang ini sama ada objektif memupuk perpaduan, membentuk disiplin dan perwatakan dan satu lagi ialah *patriotisme* ini akan tercapai. Saya sebenarnya mempersoalkan, saya bukan tunjuk peka ini minat, ini maksud saya setuju, bukan....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat ..

**Cik Fong Po Kuan:** *Don't put words into my mouth!* Saya terpaksa kerana Barisan Nasional semua terlalu banyak ahli dalam ini pak turut..

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup, cukup, cukuplah.

**Cik Fong Po Kuan:** Saya tidak ada pilihan. Kerana banyak pak turut saya tidak ada pilihan .

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudahlah Yang Berhormat, tidak payah terangkan lagi.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan:** You pun pak turut juga, pak turut pembangkang.

**Cik Fong Po Kuan:** Saya peka, saya minat, kerana inilah maklum balas saya terima. Soalannya yang ditanya, soalan lazim yang ditanya oleh ibu bapa kepada saya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat cukuplah.

**Cik Fong Po Kuan:** Saya pohonlah ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat banyak lagi? Timbalan Menteri.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Saya tidak boleh hendak jawab Tuan Pengerusi, dia selalu mencelah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Boleh, boleh kalau hendak boleh.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Ya, kalau hendak semua boleh. Seperti juga saya hendak menjawab kepada Yang Berhormat bahawa program yang kita telah jalankan dulu ada terdapat perkara-perkara yang tidak menyenangkan, tetapi program yang kita akan jalankan bermula pada 13 Disember ini kita telah mengambil iktibar dan kita telah mengambil ingatan dan telah melatih pegawai-pegawai yang telah kita pilih khas bagi mengendalikan program khidmat negara ini supaya perkara yang tidak baik tidak berlaku dan sistem pengambilannya adalah lebih sempurna. Oleh sebab itu

kita tidak lagi membawa ahli-ahli pelatih khidmat negara berpindah daripada kem kepada institusi pengajian tinggi.

Kesemua keseluruhan tiga bulan Program Latihan Khidmat Negara ini akan dihabiskan di Pusat Latihan Khidmat Negara yang dianjurkan oleh kerajaan dan dikendalikan oleh dua pihak iaitu Kementerian Pertahanan dan kontraktor. Ada dua kontraktor. Kontraktor yang membekalkan barang-barang seperti Yang Berhormat sebutkan tadi dan kontraktor yang telah diberi tugas untuk mengendali dan menjalankan kem khidmat negara itu sendiri. Maka kontraktor yang berkenaan adalah bertanggungjawab.

Saya tidak dapat hendak menyatakan bahawa ada terdapat kontraktor yang tidak ada cukup kewangan sehingga terdapat standard atau kita kata *down graded* benda-benda yang dikehendaki. Di dalam proses menerima tawaran bekalan untuk peserta dalam khidmat negara ini dia ada mempunyai standard yang telah ditentu yang telah ditetapkan yang dikendalikan oleh Jawatankuasa Khidmat Negara ini. Mana-mana bekalan yang dianggap *below standard* dia tidak akan terima dan begitu juga kalau terdapat bekalan-bekalan, kontraktor bekalan tidak dapat mampu untuk mengadakan benda-benda yang telah dijanjikan - ada pembekal-pembekal yang telah ditamatkan.

Kita dalam mengendalikan kontrak ini, yang baru iaitu 36 daripada 41 yang dulu, tambahan 36 seperti yang telah kita jawabkan dalam sesi Parlimen yang lepas, kita ada lagi beberapa kontraktor yang gagal yang untuk menyiapkan bagi kita menggunakan kemudahan kem yang berkenaan pada 13 Disember ini.

Tetapi ini kita membuat penilaian daripada segi kemudahan-kemudahan tertentu yang menjadikan kegendalaan ini, oleh sebab itu kita beri peluang kepada mereka untuk lanjut sehingga sesi yang akan datang iaitu dalam bulan, tiga bulan daripada sekarang Disember, Januari, Februari, Mac dan ada juga yang telah kita beri amaran sekiranya mereka tidak mampu untuk membuat jadual supaya selesai membina kem ini kita akan tamatkan. Perundingan kita jalankan, kerjasama kita jalankan tetapi ketegasan juga ada pada kita termasuk seperti mana kata Yang Berhormat pembekalan yang *below standard* ini.

Saya harap Yang Berhormat dapat beri kenyataan pada kita di mana Yang Berhormat melihat ada satu syarikat bekalan yang telah memberi bekalan kain *below standard* yang juga dipakai. Saya berjanji untuk membuat penyiasatan.

**Cik Fong Po Kuan:** Di sini minta penjelasan, Timbalan Menteri agar orang ramai akan dapat melihat tiada pembaziran berlaku di dalam melaksanakan program ini. Ini diminta oleh orang di luar, minta saya minta daripada Menteri bangkitkan dalam kementerian ini nama syarikat membekalkan pakaian-pakaian ini. Itu sahaja. Mereka minta *don't throw the ball back* kepada saya, saya minta, sebab mereka ada dakwaan bahawa kedudukan kewangan syarikat ini lemah, ini saya hendak bantu kementerian, bagi senarai syarikat-syarikat yang membekalkan pakaian-pakaian ini. Saya akan balas bagi pihak kementerian.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Terima kasih. Sebagai Timbalan Menteri, saya tidak duduk dalam Jawatankuasa dan itu memang amalan kita. Kalau kita duduk dalam Jawatankuasa membuat pemilihan ini orang mengatakan kita bias, mungkin kita rasuah, kita tidak duduk. Oleh sebab itu Yang Berhormat daripada Batu Gajah, saya tidak dapat beri nama syarikat pada hari ini. Saya akan beritahu kepada nama syarikat.

Tadi, Yang Berhormat telah sebutkan ada syarikat yang tidak ada mampu tetapi masih boleh membekalkan, saya tidak tahu, maka Yang Berhormat telah tahu Yang Berhormat perlu bagi tahu kepada saya. Yang Berhormat juga jangan lari daripada tuduhan ini. Saya menunggu surat daripada Yang Berhormat. Saya akan beritahu kepada Yang Berhormat tentang kontraktor yang membekal pakaian.

Berkaitan tentang keramaian ataupun tindakan yang diambil oleh PLKN mengikut siasatan yang telah dibuat oleh pihak polis, kita takkan panggil seluruh mereka untuk hadir dalam mahkamah dan menggunakan keseluruhan hakim di dalam negara kita di dalam perkara ini.

Ini kita tidak pernah buat, Yang Berhormat, saya rasa mana-mana kerajaan pun tidak pernah buat yang macam itu kerana penyiasatan yang kita lakukan yang mana perlu kita bawa kepada tindakan mahkamah, kita bawa kepada tindakan mahkamah, yang mana kita perlu mendengar penjelasan padanya kenapa dia tidak hadir pada masa yang telah ditetapkan, kita juga memberi pertimbangan, tidak bermakna kalau kata 4,290 orang itu yang tidak hadir maka 4,290 itu kita bawa ke mahkamah maka 100 lebih hakim terpaksa menjalani pembicaraan ini. Ini tidak berlaku Yang Berhormat, jangan susah hati. Kita pun tak buat sistem pentadbiran kita tidak macam itu, insya-Allah ini kita boleh atasi dan sehingga hari ini pun telah saya jawab dalam Parlimen yang lepas.

Ada beberapa yang telah diutarakan oleh pihak polis yang telah membuat penyiasatan dan mana-mana yang tidak dipandang oleh polis bahawa mereka tidak perlu diambil tindakan dan mana-mana rayuan yang dikemukakan kepada kita dan kita fikirkan mereka juga tidak ada perlu oleh sebab asas-asasnya mereka tidak terima, mereka tidak ada dalam negara ini, mereka tidak sampai, tidak dapat surat bukan bermakna mereka tidak mahu, tetapi oleh sebab alasan-asalan yang tertentu masih kita terima.

Oleh sebab itu kita tidak guna seluruh hakim dan kita tidak guna seluruh mahkamah, kita tidak panggil semua orang, tapi mana yang perlu kita panggil untuk kita bicara, kita bicara Yang Berhormat ya.

Ini peruntukan Pertahanan 4.5 bilion di minta dikaji...

**Cik Fong Po Kuan:** Maaf ya! Program lagi, saya ada panggil Jawatankuasa Unit Perbadanan Kebangsaan di mana ada dinyatakan oleh Timbalan Perdana Menteri akan ditubuhkan bagi melibatkan semua Ahli Parlimen dan juga termasuk pembangkang. Saya hendak tahu apakah kedudukan penubuhan jawatankuasa atau unit ini?

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Oleh sebab perkara jawatankuasa ini termasuk taklimat yang dikehendaki oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya percaya bahawa penjelasan keseluruhannya akan dapat kita sampaikan apabila kita membuat keputusan untuk kita memberi taklimat dalam perkara ini dan sekiranya Yang Berhormat bersetuju untuk menjadi jawatankuasa kepada mana-mana pihak, saya akan kemukakan kepada pihak Jawatankuasa PLKN yang mengendalikan PLKN di seluruh negara kita.

**Tuan Lim Kit Siang:** Seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat soalan atau isu yang dikenakan oleh Yang Berhormat dari Batu Gajah. Apabila Parlimen bersidang di bulan Mei, kerajaan termasuk Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan berkata bahawa kerajaan sudah bersetuju untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Pilihan atau *Select Committee* selain daripada *Select Committee* untuk *Criminal Procedure Code (CPC)* dan *Penal Code* untuk perpaduan negara dan maksud utama ialah mengenai Perkhidmatan Negara (*National Service*) dan sekarang sudah 6 bulan atau separuh tahun, apakah keadaan mengenai perkara ini untuk mengadakan satu *Select Committee* mengenai perpaduan negara dan di mana pertamanya ialah mengenai *National Service*. Adakah ini diteruskan dan kenapa

sampai sekarang tidak ada apa-apa pembangunan, kemajuan dalam perkara ini? Dan sungguh pun kita dengar bahawa Menteri di Jabatan Perdana Menteri akan menjadi pengerusi tetapi sampai sekarang bukankan ini tidak mencerminkan satu kerajaan yang cekap, apakah keadaan isu ini?

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Seperti yang dijanjikan saya ingat Yang Berhormat bagi Batu Gajah bertanya untuk tubuh satu jawatankuasa yang dianggotai oleh Ahli-ahli Parlimen. Saya akui kemungkinan saya silap faham atas saranan yang dikemukakan. Tetapi tentang jawatankuasa ini, jawatankuasa ini telah ditubuhkan dan yang diputuskan oleh kabinet yang terdiri daripada beberapa orang Menteri dan Timbalan Menteri termasuk pegawai-pegawai kerajaan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan ketika itu yang menjadi Timbalan Perdana Menteri.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan mengenai advisory committee itu, bukan advisory committee mengenai perpaduan negara. Yang kita sebut ialah *Parliamentary Select Committee*, yang berbeza, itu sudah dipersetujui dan ada diumumkan dalam surat khabar dan juga ada diumumkan dalam Dewan yang mulia ini satu *Select Committee* yang kedua akan diadakan. Tidak mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak tahu dan apakah keadaan? Itulah dia.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Pengumuman itu kemungkinan telah dibuat, saya percaya bahawa ketika itu saya tidak berada dalam Kementerian Pertahanan, dan saya akan melihat. Saya tahu bahawa satu committee telah ada dan saya mewakili Kementerian Dalam Negeri tetapi *Select Committee* ini siapa yang mempengerusikan untuk ketika ini saya tidak dapat beri jawapan, Insya-Allah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, saya rasa dalam perkara itu saya boleh faham dan saya boleh terima tetapi saya tidak tahu ada satu kabinet *reshuffle* selepas pilihan raya besar, mana ada? Tidak pernah ada kabinet *reshuffle*, ini bererti bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah dalam kementerian yang sama apabila pengumuman dibuat oleh kerajaan dan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersetuju mengenai penubuhan satu *Parliamentary Select Committee*. Mungkin Yang Berhormat pada masa itu tidak ada dalam negara ini, mungkinlah.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Saya rasa saya sudah jawab dan sekiranya....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudahlah Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah berucap selama 45 minit dan berapa minit diperlukan lagi?

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Ya, tidak banyak minitlah!

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, sebab kita ada dua kementerian lain.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Yang Berhormat bagi Serdang pula bangkit tentang Perjanjian Pakatan Lima Negara tadi saya sudah sentuh. Pembinaan rumah pasukan keselamatan juga saya sudah sentuh, kita bukan sahaja membina rumah-rumah baru daripada Tentera Darat, Laut dan Udara tetapi kita juga memulih rumah-rumah lama dan kita harap bahawa kita dapat memberi kesempurnaan dan keselesaan kepada anggota-anggota tentera kita. Seperti contohnya satu kem yang telah kita bina di Mersing yang dapat memberi tempat tinggal hampir 400 keluarga dan juga kita bina sekolah untuk kemudahan 300 lebih anak-anak anggota komando yang akan mula masuk ke Mersing pada bulan Disember ini.

Begitu juga di tempat-tempat lain kepada Yang Berhormat bagi Serdang saya percaya bahawa kita dapat memberi keselesaan daripada semasa ke semasa dan menjadi dasar kepada kerajaan begitu juga dasar kepada Kementerian Pertahanan kita akan melihat kemudahan ini. Kalau tadi saya bercakap mengenai kemudahan logistik dan kemudahan penggunaan persenjataan dan kelengkapan, kita tidak lupa untuk memberi kemudahan kepada keluarga angkatan tentera kita termasuk apabila kita mengisytiharkan kenaikan sistem gajian yang kita berikan kepada anggota tentera yang berada pada hari ini.

**Dato' Yap Pian Hon:** Terima kasih Yang Berhormat, bolehkah maklumkah ke dalam Dewan ini jumlah unit rumah yang telah dibina dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan ini? Kerana kita mahu tahu berapa jumlah unit kerana hanya 1,000 tidak cukup, mungkin 100, 000 dan jumlah unit rumah itu. Berapa jumlah unit rumah terbina dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan?

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat, anggota tentera kita lebih kurang 80, 000 ya dan sudah tentu tidak keseluruhan 80, 000 ini ada mempunyai keluarga. Kita ingat lebih kurang dalam 40% atau 60% yang mempunyai keluarga dan daripada 60% ini pun untuk ketika ini saya rasa lebih kurang dalam 15% ke 20% yang kita tidak boleh sediakan kemudahan *direct* serta rumah-rumah yang ada, rumah kelamin. Tetapi bagi yang berek-berek bujang kita sedia adakan ini. Seperti saya katakan tadi kita terus-menerus walaupun kita tidak bina rumah baru tetapi kita membaik pulih rumah-rumah lama. Maka dengan itu Yang Berhormat jangan rasa terkejut apabila melihat sebahagian daripada kem-kem angkatan tentera

kita yang ada rumah-rumah tetapi tidak tinggal, orang-orang tidak ada. Kadang-kadang oleh sebab kelengkapan yang tidak sempurna sementara menunggu kita membuat baik pulih maka kita beri kemudahan menyewa di tempat-tempat lain, tetapi kita juga memberi peraturan bahawa mereka tidak boleh menyewa terlalu jauh daripada kem mereka berkhidmat. Oleh sebab itu, pada keseluruhannya kita tidak mengatakan bahawa angkatan tentera kita tidak mendapat kemudahan tempat tinggal kerana mereka walaupun menyewa tetapi kerajaan bayar sewaan yang mereka gunakan ini.

Tuan Yang di-Pertua, .....

**Cik Fong Po Kuan:** Minta penjelasan. Maaf ya, mengganggu. Saya hendak bawa Timbalan Menteri balik kepada isu yang saya ada bangkitkan tadi berkenaan program. Mengapa sambutan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, kita...

**Cik Fong Po Kuan:** ...untuk menjadi jurulatih...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kita sudah beralih kepada tajuk yang lain.

**Cik Fong Po Kuan:** Saya faham tetapi persoalannya, isu-isu yang saya bangkitkan tidak dijawab, bagaimana saya hendak bantu kementerian ini berkenaan jurulatih bukan Melayu, mengapakah...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau saya benarkan cara ini, sudah lebih satu jam...

**Cik Fong Po Kuan:** Jadi, apa guna kita bangkit dan Menteri boleh *skip the point?* Dengan izin.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, tadi sebelum rujuk kepada Yang Berhormat bagi Serdang, Yang Berhormat boleh bangun minta penjelasan.

**Cik Fong Po Kuan:** Saya tidak tahu *he will jump to another point so fast*, dengan izin. *[Disampuk]* Jadi, saya pohonlah mengapa sambutan jurulatih bukan Melayu ini begitu lemah dan dingin sekali terhadap program ini untuk jadi jurulatih? Apakah sebabnya? Saya ingin tahu. Terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat bagi Batu Gajah, soalan ini berkait bahawa saya juga tadi hendak rangkumkan sekali tentang

terdapat kurang minat orang hendak menjadi jurulatih. Sebenarnya ramai orang yang hendak jadi jurulatih tetapi kalau kita hendak mengambil daripada kaum-kaum yang tertentu, ada yang tidak minat. Sehingga hari ini pun terdapat dalam Dewan ini ada yang mengatakan kaum Cina dan India tidak begitu berminat menjadi askar.

Sewaktu saya dalam Kementerian Dalam Negeri dahulu, mereka katakan tidak minat menjadi polis. Jadi kita melihat tidak minat ini sekarang ini kita beri satu dasar temu duga terbuka, mereka tidak payah mohon, mereka datang. Kita terbuka pun, mereka tidak terbuka. Ini yang menjadi masalah. Jadi kita beri kesempatan. Ini bila kita kata kita perlukan jurulatih daripada kalangan pelatih-pelatih ataupun golongan profesional ataupun kepakaran daripada kalangan masyarakat Cina ataupun masyarakat India, bahkan masyarakat Thai. Kita perlukan mereka oleh sebab terdapat anak-anak daripada kalangan kaum ini yang berada di dalam.

Ini menunjukkan bahawa penggembengan pemikiran satu penyatuan ini supaya kita dapat digabung bersama. Dalam dasar yang terbuka pun terdapat kalangan yang tertentu yang tidak berminat termasuk yang telah dibangkitkan oleh beberapa orang Yang Berhormat tadi bahawa tidak ramai yang berminat untuk menyertai angkatan tentera, bahawa kita bersedia untuk menerima orang-orang ini. Bahkan bukan kita menyekat, kita kempen lagi.

Kepada pegawai-pegawai daripada masyarakat orang Tionghoa, masyarakat orang India yang ada di dalam angkatan tentera, kita mengatakan kepada mereka, balik tolong beritahu bahawa dalam Dewan ini saya sudah beritahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Parti Pembangkang yang India ini, yang Cina ini, yang Melayu ini, yang Kadazan atau sesiapapun....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, Yang Berhormat, cukuplah.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Ha, cukup ya?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Ha, kira sudah cukuplah itu, Tuan Pengerusi. Sudah cukup itu pun mereka kata tidak cukup juga lagi. *[Ketawa]* Jadi ini yang menjadikan masalah apabila kita menerangkan seolah-olah menampakkan kita ini menolak penyertaan mereka. Sebenarnya kita tidak menolak penyertaan mereka.

Begitu juga yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, pelatih wanita yang telah menghantar rayuan kepada kita di mana pelatih-pelatih lain yang dibangkitkan oleh

Yang Berhormat bagi Batu Gajah seperti Yang Berhormat bangkitkan mengenai perkara ini.

Saya mendapat satu penerangan daripada pegawai kita iaitu tentang dasar yang sedia ada iaitu 0A20000 – RM296,300.00, 0A30000 – RM1,626,900.00 dan dasar baru iaitu 0A20000 – RM72,500,000.00 dan keseluruhannya ialah RM370,426,900.00. Perkara ini boleh menjadi satu kenyataan kalau...

**Tuan Lim Kit Siang:** [Menyampuk]

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** :Ya? Saya rujukkan dia punya nombor, 0A20000, 0A30000...

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak ada Butiran 0A di dalam buku ini. Mana ada 0A dalam buku ini? Mana ada 0A? Tuan Pengerusi ada 0A dalam buku Tuan Pengerusi?

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Nanti, nanti, nanti.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Muka surat berapa, Yang Berhormat?

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Nanti ya. 20000...

**Tuan Lim Kit Siang:** 2?

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** ...Perkhidmatan dan Bekalan. Dan 30000...

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak dapat. Muka surat berapa, Tuan Pengerusi? Muka surat berapa itu? *Page, page?*

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Cuba rujuk 600.

**Tuan Lim Kit Siang:** 600?

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** 600... Mana itu? Ya, okay, 600.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tulisan tidak teranglah, Yang Berhormat?

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Ya, ya. Ini ditulis oleh pegawai. Ini yang saya katakan kalau diizinkan, kita akan beritahu secara terperinci.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kita mahu tahu dahulu, kalau tidak macam mana kita hendak bersetuju, apa maklumatnya, baru kita boleh buat keputusan. Sebab itu kita kata, kalau tidak dapat maklumat, kita tangguhkan untuk luluskan peruntukan kementerian ini, *stand down* kementerian ini untuk hari Isnin di mana Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh dapatkan maklumat untuk dibentangkan kepada Dewan ini. Kita tidak boleh menjadi *rubber stamp*. Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat

daripada Barisan Nasional pun bersetuju bahawa Parlimen tidak boleh menjadi *rubber stamp executive*. Kita mahu tahu apa yang kita diminta untuk luluskan. Itu sahaja.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Saya sudah beritahu bahawa kita akan menulis secara terperinci dan kita akan beritahu kepada Yang Berhormat...

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak boleh, Yang Berhormat, tidak boleh.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** ...dengan merujuk fakta yang berkenaan.

**Tuan Lim Kit Siang:** [Menyampuk]

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Pengerusi, saya rasa saya telah menjawab kebanyakan daripada perkara yang telah dibangkitkan dan seperti yang telah saya janjikan, saya akan tunaikan. Saya mohon kelulusan, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Masalahnya ialah...

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak sempurna, apa yang kita kemukakan di sini bukan sempurna, bukan mengikut peraturan dan bukan benar nampaknya. Saya tidak mahu salahkan sesiapa, tetapi ini patut kita jelaskan. Bagaimana kita boleh luluskan satu perkara di mana kata ada RM700 juta, nampaknya tidak ada untuk perkhidmatan latihan *National Service*...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat...

**Tuan Lim Kit Siang:** Bolehkah kita tangguhkan? *Stand down, stand down the...*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberikan jawapan dia dan sekarang saya serahkan kepada Majlis.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan, saya minta satu *ruling* daripada Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi sebagai orang yang bertanggungjawab supaya semua urusan dalam Dewan ini adalah mengikut peraturan, mengikut konvensyen dan mengikut tradisi. Di sini kita beri satu anggaran yang tidak sempurna. Kilang RM700. Mana itu? Kita mahu tahu. Sebab itu kita cadangkan bahawa bajet kementerian ini di "*stand down*", bukan untuk tahun hadapan, tetapi untuk hari Isnin.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, tulisan tadi itu tidak terang, sekarang boleh nampakkah?

**Tuan Lim Kit Siang:** Boleh baca?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Boleh bacakah? Atau siapa yang sediakan boleh tolong.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kita *stand down*, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada di sini, kita terus masuk perbahasan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, *stand down* kementerian ini, kita putuskan pada hari Isnin. Itu sahaja, senang.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Boleh? Itu *reasonable*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tunjuk kepada orang ramai kita *reasonable*.

**Cik Fong Po Kuan:** Saya sokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tunjuk kepada rakyat Malaysia kita bukan *rubber stamp*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah, Yang Berhormat bagi Ipoh Timur. Ahli-ahli Yang Berhormat....

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep:** Tuan Pengerusi, saya rasa Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri sudah jawab apa yang dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang *[Disampuk]* bahawa peruntukan PLKN ini ditunjukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus, muka surat 600...

**Seorang Ahli:** Menteri pun tidak tahu.

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep:** Kod 20000 – Perkhidmatan dan Bekalan. Jumlahnya RM4,271,352,500.00 yang jumlah keseluruhannya RM7 bilion lebih.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep:** Dan saya rasa ini sudah jelas bahawa komponen yang terkandung dalam PLKN berhubung dengan bekalan makanan, minuman dan pakaian diambil daripada peruntukan ini. Terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, Yang Berhormat. Tadi Timbalan Menteri pun juga menjelaskan...

**Tuan Lim Kit Siang:** *Point of Order.* Bukan muka surat 600, tetapi muka surat 601, 602, 603 atau 604, bukan 600. 600 itu mengenai penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ada apa-apa hendak tambah? Untuk memudahkan Ahli-ahli Yang Berhormat buat keputusan. Tidak ada lagi?

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tidak ada.

**Tuan Lim Kit Siang:** Jatuh bawah *head* mana?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Tuan Lim Kit Siang:** Jatuh bawah *head* mana?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** ...masalahnya ialah bahawa wang sejumlah...

**Tuan Lim Kit Siang:** Bagaimana boleh diteruskan?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya ...

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak boleh untuk dibentang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya memberi kuasa kepada Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak boleh! Macam mana ini? *Rubber stamp* kalau begitu! Kita *laughing stock*! Kita mahu tahu apa yang kita buat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Macam mana Yang Berhormat boleh kata...

**Dato' Ghazali bin Ibrahim:** Teruskan, Tuan Pengerusi, teruskan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tanggungjawab Tuan Pengerusi ialah supaya kita mengikut peraturan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya mengikut, saya mengikut.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak boleh jadi satu *train*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Terserah kepada Ahli Yang Berhormat.

**Dato' Ghazali bin Ibrahim:** Tuan Pengerusi, teruskan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya telah minta Timbalan Menteri ada apa-apa hendak tambah untuk memudahkan Ahli Yang Berhormat membuat keputusan. Beliau kata tidak ada, jadi okeylah. Tidak apalah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Dia tidak ada. Masalahnya ialah hilang RM700 juta.

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep:** Teruskan, teruskan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM7,069,815,000 untuk Maksud B.60 di bawah Kementerian Pertahanan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju kata setuju.....[Disampuk]

Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan jangan buat macam ini. Peraturan Mesyuarat ada, bila saya berucap beri peluang. Mematuhi. Ini tidak ada provision kata saya tidak ikut peraturan mesyuarat. Saya memang memberikan peluang yang cukup sama ada kepada pembangkang dan juga kepada kerajaan. Saya minta kepada Timbalan Menteri adakah hendak tambah, ada. Jadi ini terserah kepada Majlis.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM7,069,815,000 untuk Maksud B.60 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Boleh tengok bolalah itu. Bola tiket free, baliklah dahulu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM2,328,869,000 untuk Maksud P.60 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2005 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM2,328,869,000 untuk Maksud P.60 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2005.

**Maksud B.61 [Jadual] –  
Maksud P.61 [Anggaran Pembangunan 2005] –**

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kepala Bekalan B.61 dan Kepala Pembangunan P.61 di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dibuka untuk dibahas. Dungun.

**4.32 ptg.**

**Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menarik perhatian kepada Butiran 040000 berkenaan dengan RELA. Pertamanya saya hendak mengucapkan tahniah kepada kementerian yang telah mengambil perhatian berat tentang peranan relawan dan relawanis di negara kita ini.

Jadi dalam hal ini, Tuan Pengerusi, apabila kita melihat kepada suasana yang sedang berlaku dalam negara kita mutakhir ini banyak kaedah ataupun banyak perkara tragedi yang berlaku yang bukan sahaja berkaitan dengan perkara-perkara penyalahgunaan dadah atau juga berkenaan dengan pendatang tanpa izin dan juga

kita sentiasa dikejutkan dengan suasana lumba haram oleh pemuda-pemuda kita iaitu penunggang motosikal dan juga isu-isu yang berkaitan yang menyayat hati kita tentang ragut yang berlaku.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Mana satu Butiran?

**Datuk Rosli bin Mat Hassan:** Butiran tadi 040000 berkenaan RELA.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ini nampaknya macam dasar.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan:** Bukan dasar tetapi ini suasana untuk mengaitkan peranan yang harus diberi kepada Butiran ini. Jadi saya ingin mengingatkan kepada kita bahawa dalam Butiran ini jelas kepada kita bahawa peranan RELA itu sendiri amat penting dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab khusus untuk membantu usaha-usaha kerajaan di sektor-sektor lain yang saya nyatakan tadi.

Oleh kerana RELA adalah di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang mana perkara-perkara yang berkaitan dengan sebahagian yang saya jelaskan tadi tidak mempunyai kaitan dengan kementerian ini tetapi bagi saya memerlukan kerjasama dan juga sedikit-sebanyak pendekatan yang harus diberi oleh kerajaan kepada anggota RELA di negara kita.

Purata ahli RELA di tiap-tiap daerah adalah antara 2,000 orang hingga 3,000 orang dalam negara kita. Sewaktu zaman selepas kita merdeka dahulu, kita nampak ada beberapa kumpulan yang boleh membantu negara seperti masalah AC umpamanya boleh membantu kumpulan askar kita dan juga *Home Guard* dan sebagainya.

Maka dalam keadaan yang sekarang ini kita nampak perkara-perkara yang saya katakan tadi yang sepatutnya di bawah tanggungjawab polis secara mutlak ataupun di bawah tanggungjawab organisasi-organisasi lain di luar daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, adalah baik saya rasa kementerian ini mencadangkan kepada kerajaan supaya perkara-perkara yang berkaitan dengan ragut, lumba haram, dan pendatang tanpa izin yang sah di bawah kementerian ini dan juga perkara-perkara yang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah menggunakan khidmat RELA yang begitu banyak.

Purata antara 2,000 hingga 3,000 kalau kita ada lebih daripada 200 daerah seluruh negara, sekurang-kurangnya boleh membantu pihak polis umpamanya. Kalau lalu lintas umpamanya kita kekurangan polis trafik. Kita pun kasihan melihat polis

trafik. Apakah tidak boleh RELA yang mempunyai bilangan yang terlalu ramai dalam negara kita dilatih oleh kementerian supaya membantu polis.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, boleh gulung.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan:** Seperti menjadi polis bantuan umpamanya ataupun menjadi polis trafik bantuan dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin mencadangkan supaya dalam hal yang berkaitan dengan RELA ini supaya mendapat keyakinan di pihak-pihak yang lain supaya struktur dan organisasi serta kaedah-kaedah menyelesaikan kumpulan relawan dan relawanis di negara kita ini dapat membantu sekurang-kurangnya boleh membantu penguatkuasaan di bidang-bidang yang saya katakan tadi.

Jadi Tuan Pengerusi, saya mohon supaya RELA ini diberi sedikit kuasa oleh beberapa kuasa-kuasa di bawah penguatkuasaan organisasi lain supaya masalah yang kita hadapi dalam negara kita ini ada dari segi peranan secara berkesaingan iaitu *complementary role* kerana akhirnya yang menjadi beban ialah masyarakat dan rakyat kita keseluruhannya.

Jadi kita tidak mahu kerajaan sendiri terlampau mengasingkan peranan di antara penguatkuasaan pada satu segi tetapi adalah baik dengan jumlah yang begitu ramai ini RELA dapat membantu seperti polis dan organisasi-organisasi penguatkuasaan yang lain. Terima kasih banyak-banyak, Tuan Pengerusi. Tuan

**Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Gelang Patah.

#### **4.27 ptg.**

**Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh perkara berkaitan Butiran 030100. Saya ingin membangkitkan masalah yang dihadapi oleh isteri rakyat Malaysia warganegara asing. Oleh kerana undang-undang kita membenarkan hanya suami memohon permit pemastautin bagi pihak isterinya, peruntukan undang-undang ini telah memberi peluang kepada sebilangan suami mengambil kesempatan manafikan hak isteri mereka yang warganegara asing untuk terus tinggal di negara ini apabila permit pemastautin sudah *expired*, dengan izin kerana perselisihan keluarga tanpa menghiraukan dan memberikan pertimbangan isteri asing ini yang sudah melahirkan anak dan diperlukan oleh anak-anaknya.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Satu soalan yang ingin saya tanya ialah adakah kerajaan kita membenarkan isteri-isteri dan ibu kepada warganegara Malaysia dianiyai oleh suami-suami yang tidak bertanggungjawab dan tidak berperikemanusiaan ini? Tuan Pengerusi, saya cadangkan undang-undang digubal untuk membenarkan isteri asing kategori ini memohon permit pemastautin untuk dirinya dan seterusnya kewarganegaraan Malaysia. Dengan ini saya menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Kepong.

#### **4.39 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, pertamanya Butiran 010000 halaman 613 dan 030000 Imigresen dan 040000 Pendaftaran Negara. Tuan Pengerusi, saya hendak bincangkan sedikit-sebanyak mengenai RELA. Pada tempoh hari kita dengar RELA sudah dikerah untuk pelbagai aktiviti termasuk untuk menangkap pendatang tanpa izin dan sebagainya.

Di sini saya hendak menekankan bahawa yang perlu kita buat walaupun kita ada kekurangan anggota polis, anggota Imigresen dan sebagainya, kita perlu adakan satu latihan yang penuh bermakna untuk memastikan anggota-anggota RELA ini tidak akan menyalahgunakan kuasa. Semua aktiviti yang dijalankan adalah di dalam bidang undang-undang yang tertentu, jangan kita mengadakan seruan ataupun serangan kepada pihak pendatang haram dan didapati anggota RELA itu melakukan kekasaran ataupun tindakan yang tidak patut dilakukan, inilah yang membimbangkan.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya hendak tahu daripada Yang Berhormat, bilangan pelarian ataupun pendatang daripada negara-negara seperti Burma, Myanmar, Thailand, orang Thai kerana kita ada kacau bilau di Selatan Thailand yang tidak sepatutnya berlaku dan apakah peranan yang diambil, dilakukan oleh pihak Yang Berhormat untuk menangani masalah orang daripada Selatan Thailand yang lari ke negara ini. Ini memang satu perkara yang penting.

Saya diberitahu bahawa pelarian ataupun pendatang daripada Myanmar misalnya Rohingya, Kachin atau Chin dan sebagainya, ada lebih puluhan ribu orang. Apakah langkah yang diambil oleh pihak kementerian untuk menangani masalah ini.

Tuan Pengerusi, yang penting sekali kita mesti mengadakan dasar pendatang haram, dasar Imigresen, ini bukan membincangkan dasar, tetapi mesti ada. Saya tidak tahu apakah dasar untuk menangani masalah, kerana mujurlah tahap ekonomi kita ada lebih tinggi sedikit dan negara kita pun setakat inilah tidak ada kacau bilau, porak peranda dan ramai orang yang lari ke Malaysia. Kalau kita ada Dasar Imigresen, dasar pendatang tanpa izin dan sebagainya yang tetap, maka kita akan menghadapi masalah yang lebih dan tambahan pula, kita mesti menunjukkan kepada dunia luar bahawa walaupun kita sangat tegas dengan dasar kita, tetapi layanan ke atas orang-orang yang ditahan sama ada daripada Indonesia, Myanmar, Bangladesh atau Thailand, kita menunjukkan sifat peri kemanusiaan. Ini memang satu perkara yang sangat penting.

Tuan Pengerusi, masalah dengan MyKad. Pihak Jabatan Pendaftaran Negara sudah pun mengaturkan beberapa langkah termasuk menambahkan perkhidmatan untuk mengeluarkan MyKad dan sebagainya, memang satu perkara yang baik. Walau bagaimanapun, bolehkah Yang Berhormat terangkan sama ada MyKad setakat ini dapat diklonkan, walaupun Ketua Pengarah memberitahu saya ini tidak ada kejadian di mana MyKad diklonkan, tetapi yang di buat oleh pihak penjenayah itu dia hanya daripada zahir sahaja ditukarkan nama dan sebagainya, tetapi chip-chip yang berada di dalam tidak ditukar.

Bagaimanapun saya hendak Yang Berhormat menerangkan kepada Dewan yang mulia ini sama ada, ada insiden, kejadian MyKad diklonkan. Kerana ini satu langkah yang penting untuk memelihara kepentingan rakyat Malaysia. Sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Padang Terap.

#### **4.45 ptg.**

**Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya turut hendak membicarakan tentang Maksud Bekalan Pembangunan P.61 ini. Yang pertama masalah Lembaga Penapis Filem.

Tuan Pengerusi, kita dapati bahawa kita tidak tahu apakah fungsi, tugas dan tanggungjawabnya. Apabila kita melihat gambar-gambar yang ditayangkan di TV terutama filem dari Barat seperti gambar-gambar yang lucu, yang ganas dan sebagainya, adakah satu kriteria ataupun garis panduan yang telah diberikan kepada Lembaga untuk bentuk, cara dan apakah cara-cara yang boleh hendak dipotong dan sebagainya untuk ditonton oleh rakyat di Malaysia yang budaya timur ini.

Tuan Pengerusi, yang kedua ialah tentang Pejabat Imigresen. Kita dapati bahawa tempat penumpuan rakyat ialah JPJ dan Jabatan Imigresen, tetapi begitu sempit, ruang pejabat tidak mencukupi untuk menerima kunjungan rakyat untuk berurusan dengan pihak Imigresen. Kita berharap supaya dalam apa-apa bajet sekalipun kita berharap supaya seluruh Pejabat Imigresen di seluruh negara dapat diperbesarkan dan menambahkan lagi pegawai-pegawai kita untuk memberikan service yang lebih sempurna kepada masyarakat ataupun rakyat untuk berurusan dengan Imigresen. Tuan Pengerusi, sekian mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Puchong.

#### 4.47 ptg.

**Tuan Lau Yen Peng [Puchong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak membincangkan mengenai Butiran 03100, 03200 dan juga 04000 mengenai RELA. Di sini saya hendak mengucapkan tahniah kepada menteri kerana baru-baru ini khasnya telah menangani masalah-masalah pendatang asing tanpa izin. Di mana kita tahu program pengampunan telah dilakukan tetapi menteri pun merasa kecewa kerana hanya lebih sedikit daripada 100 ribu pendatang tanpa izin yang pulang dan kita tidak pasti mereka akan pulang ke sini semula. Kita pun tidak pasti tetapi ada beberapa persoalan yang kita mesti pantau adalah mengenai, kalau kita ada rancangan untuk menangkap ataupun memberkas PATI ini dengan menggunakan RELA dan juga Rukun Tetangga yang jumlahnya lebih dari setengah juta yang telah diumumkan menteri baru-baru ini, saya hendak bertanya persoalannya ialah dimanakah mereka akan ditempatkan.

Saya difahamkan depot-depot ataupun tempat-tempat tahanan telah penuh ataupun hampir-hampir penuh, itu satu persoalan yang paling serius. Yang kedua mengenai, kalau kita ada satu prosedur penghantaran mereka yang pulang kalau mereka tertangkap, siapa yang akan menanggung kos. Adakah kerajaan kita ataupun

kerajaan negara asing dan apakah prosedur penghantaran yang secepat mungkin, ini adalah beberapa persoalan yang kita hendak tangani.

Maka di sini saya ingin terus kepada suatu rancangan yang telah diumumkan oleh menteri juga mengenai skim bio-metrik yang telah diumumkan dan juga akan dilaksanakan tidak lama lagi untuk mengawal ataupun memantau pergerakan PATI di dalam negara kita ini.

Jadi, bilakah perkara ini akan dijalankan, dilaksanakan dan setakat ini apakah persiapan yang telah dilakukan. Ini adalah sangat penting kerana dengan *bio-metric system* ini mungkin kita boleh dapat mengurangkan masalah-masalah sosial dan juga jenayah yang akan dilakukan oleh PATI ini.

Akhir sekali saya juga akan menyentuh mengenai Butiran 06400 iaitu mengenai keperluan habis guna MyKad. Saya juga difahamkan kita akan *issue* 44 juta MyKad pada tahun akan datang iaitu di seluruh negara. Memang ada banyak kesusahan pada orang ramai, kadang-kadang hendak beratur dan sebagainya dengan masa yang agak panjang untuk mendapatkan MyKad di jabatan tertentu. Tetapi baru-baru ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada jabatan pendaftaran negara di bawah Kementerian yang telah mengadakan satu *mobile MyKad* bas di kawasan saya di Puchong. Ini telah mendapatkan banyak sambutan yang bagus.

Saya bercakap dengan penduduk di Puchong juga. Mereka bertanya sama ada mereka boleh *extend date* daripada 3 hari kepada satu minggu? Saya difahamkan JPN ini ada satu bas sahaja yang ada di jabatan ini. So saya ingin untuk mencapai *target 4.4 million* tahun depan, mungkin saya akan mencadangkan kepada Kementerian, untuk membeli lebih lagi bas untuk memberikan kemudahan terutamanya golongan yang berusia di mana mereka dapati susah untuk menukar *MyKad* di pejabat-pejabat tertentu kerana ini akan memberi satu kemudahan yang lebih kepada penduduk ataupun rakyat yang menuntut *MyKad* ini di masa akan datang. Baik, itu sahaja. Saya ingin ucapkan terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Serdang

#### **16.52 ptg**

**Dato' Yap Pian Hon:** Terima kasih Tuan Pengerusi, Butiran 010100 dan Butiran 040000. Saya difahamkan bahawa mengikut laporan Kementerian Sumber Manusia yang dinyatakan dalam Dewan pada 1 Disember ini bahawa sehingga 1

September 2004 seramai 1,282,000 orang pekerja asing telah dapat kerja di negara ini. Ini secara sah 1,282,000 pekerja asing. Ini mungkin sebagai pendatang yang sah. Seperti yang dikatakan oleh Kementerian memang banyak lagi pekerja tanpa izin. Dengan demikian itu, untuk memperkuatkan lagi penguatkuasaan, selain dari pihak Polis, pihak Kementerian telah meminta pihak Rela, JKKK Kampung Tradisi, pemimpin-pemimpin JKKK kampung tersebut untuk menjalankan tugas membantu pihak polis untuk menahan pendatang-pendatang asing tanpa izin.

Saya cadangkan, apa salahnya gunakan pemimpin-pemimpin atau Jawatan Kuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung-Kampung Baru di mana terdapat 452 buah di dalam Semenanjung Malaysia. Mereka telah dilantik oleh Kerajaan Negeri sebagai menjalankan tugas bertanggungjawab untuk keselamatan kampung baru itu. Saya minta pihak Kementerian mungkin memberi peluang untuk menjalankan tugas mereka dengan lebih berkesan lagi untuk menjamin keselamatan di kampung-kampung baru itu di mana terdapat juga pendatang tanpa izin.

Ini satu rayuan daripada saya untuk meminta pihak Kementerian untuk menimbangkan. Tuan Pengerusi, saya khuatir dan bimbang bahawa bilangan pekerja asing ini lebih daripada 2 juta. Ertinya menjadikan nombor 3 komposisi penduduk negara kita selain daripada bangsa Melayu dan bangsa Tionghoa. Sekarang bangsa India akan tinggal ke empat. Ini satu masalah yang sedang menghadapi keselamatan negara kita ini dan isu sosial yang sering berlaku di mana tidak mendapat perhatian oleh pihak kerajaan.

Terutamanya pihak Kementerian tidak ambil tindakan yang selanjutnya untuk mengatasi masalah ini. Walau bagaimanapun, kerana pekerja asing tanpa izin ini memang di merata tempat - kita tahu itu - selain daripada penguatkuasaan daripada pihak Polis, RELA, JKKK ini, saya tidak tahu lagi selain daripada ini apa lagi langkah untuk mencegah puncanya masuk pekerja asing tanpa izin melalui persisiran pantai kita ini. Mungkin kita dapat kerjasama daripada Kementerian Pertahanan atau Kementerian Dalam Negeri ini untuk sama-sama supaya pihak Kementerian tidak akan menjadikan beban yang begitu serius untuk mengatasi pendatang asing tanpa izin ini.

Tuan Pengerusi saya mengucapkan terima kasih kepada pihak kementerian kerana mewujudkan Pejabat Pendaftaran Negara Cawangan Sri Kembangan beberapa tahun dahulu. Sambutan begitu hangat, sehingga kini setiap pagi dan petang

pemohon-pemohon tidak dapat masuk ke pejabat pendaftaran di Cawangan Sri Kembangan kerana begitu sempit itu.

Yang Berhormat Timbalan Menteri dari Bandar Tun Razak datang meninjau dan telah meninjau keadaan sebenarnya. Ini bukan saya yang cakap, Yang Berhormat Menteri Timbalan Menteri telah datang. Perasaan sama saya memang sempit oleh kerana ruang tidak cukup. Pada ketika mula-mula yang mungkin cukup tetapi lepas beberapa tahun tidak cukup lagi. Maka oleh itu dicadangkan untuk meluaskan atau pindah ke satu kawasan yang lebih selesa untuk semua lapisan masyarakat yang memohon pelbagai permohonannya. Ini sesuatu yang penting. Jadi saya minta pihak Kementerian boleh beri kemudahan lebih selesa kepada kawasan Parlimen Serdang ini.

Walau bagaimanapun, saya berasa dukacita, saya mendapat surat persetujuan dari Ketua Pengarah Jabatan Imigresen 3 tahun dahulu. Yang Berhormat Menteri masih belum menjadi Menteri di Kementerian ini. Saya mendapat surat itu kerana rayuan saya supaya wujudkan Pejabat Imigresen Cawangan Serdang untuk memberikan kemudahan kepada lapisan masyarakat dari Serdang untuk memudahkan mereka memohon pasport atau lain-lain. Surat daripada Ketua Pengarah setuju tetapi dia kata akan menimbangkan kawasan lokasi yang lebih sesuai untuk mewujudkan cawangan itu.

Saya tunggu tiga tahun, lepas itu ada orang tanya saya masyarakat tempatan Yang Berhormat katakan pihak Kementerian atau pihak jabatan Imigresen setuju untuk wujudkan cawangan itu. Mana cawangan itu? Dia cakap. Tetapi lepas itu saya dapat satu surat katakan tidak perlu lagi mewujudkan Cawangan Imigresen di Serdang kerana Putrajaya akan wujudkan lagi ibu pejabatnya. Takkam ibu pejabat Putrajaya boleh mengasingkan Serdang? Kalau satu tempat buka kedai, lain tempat tidak boleh buka kedai ke? Kedai kopi. Begitu ramai orang datang ke Putrajaya, bilangan penduduk akan ramai wujud di Putrajaya.

Ada susah kita hendak pergi lagi? Dengan demikian komitmen Jabatan Ketua Pengarah itu ertinya komitmen kerajaan. Komitmen itu perlu ditunaikan. Itulah masalah Tuan Pengerusi, inilah satu masalah yang saya hadapi. Pentadbiran kerajaan di mana wakil rakyat Barisan Nasional dapat surat begitu merangsangkan pada ketika itu dan maklumkan pemimpin masyarakat tidak lama lagi kita ada pejabat imigresen seperti pejabat Pendaftaran Negara di Serdang.

Ini satu lagi kemudahan kepada rakyat untuk dapat memohon pasport atau visa-visa dan lain-lain lagi. Inilah satu masalah yang sedang dihadapi di kawasan saya ini. Dengan demikian, saya minta pihak Kementerian untuk mengkaji semula komitmen yang telah diberi itu di mana perlu dapat ditunaikan untuk dilaksanakan. Jangan katakan Putrajaya sudah ada pejabat akan datang. Ada ibu pejabat Imigresen di Putrajaya kerana hospital di Putrajaya pun ada. Apa sebab hospital diwujudkan dengan perbelanjaan RM800 juta?

Dan juga oleh kerana cawangan Pejabat Pendaftaran Cawangan Serdang yang diwujudkan adalah begitu sempit, maka sekarang ada cadangan untuk mewujudkan Pejabat Pendaftaran Negara Cawangan Puchong, di mana rakan saya Yang Berhormat bagi Puchong belum ada walaupun tidak disempurnakan. Saya kata satu pejabat baru tetapi untuk kemudahan orang ramai di Serdang dan Puchong. Maka itu sama juga kemudahan untuk mendapat permohonan visakah, pasportkah untuk kawasan Serdang ini, tak kan hendak pergi ke Putrajaya? Macam ini kalau pun logik benar boleh, maka tidak payah lagilah diwujudkan Hospital Serdang, tidak payah diwujudkan lagi satu cawangan di Puchong, boleh datang ke Serdang lagi, kalau ada minta kawasan yang lebih luas lagi.

Itu sebab saya mintalah Dewan yang mulia ini, di mana mendapat kebenaran Tuan Pengurus untuk menyuarakan masalah ini kerana ini penting. Kalau komitmen kerajaan tidak ditunaikan, ertinya seperti ahli Parti Pembangkang kata, ini merupakan mungkir janji tetapi saya tidak cakap demikian. Tetapi saya masih menaruh harapan, dengan adanya Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri datang untuk mengkaji semula apa yang telah di "commit"kan oleh Ketua Pengarah untuk mewujudkan Pejabat Imigresen Serdang, walaupun kecil tidak mengapa tetapi demi kepentingan, keselesaan, kemudahan orang ramai di situ. Sekian, terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

**5.01 ptg.**

**Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan pada peringkat Jawatankuasa. Ada tiga perkara yang ingin saya bangkitkan, Tuan Pengerusi.

Pertama, di bawah B.61 Kod 030200 di bawah tajuk Kawalan Imigresen. Tuan Pengerusi, baru-baru ini saya ada menerima aduan daripada beberapa orang pemaju dalam kawasan saya yang mengatakan bahawa mereka telah pun menerima kompaun daripada Jabatan Imigresen Negeri di bawah Seksyen 56, subseksyen 1, perenggan (d), iaitu Akta Imigresen atas alasan bahawa mereka telah pun menyimpan orang-orang asing tanpa izin.

Persoalan dalam kes ini, Tuan Pengerusi, ialah dalam projek itu mereka telah pun memberi milikan kosong - milikan kosong tanah itu, tanah projek itu kepada subkontraktor-subkontraktor yang lain. Jadi bagaimanakah mereka boleh dikaitkan dan mengatakan yang mereka telah menyimpan orang-orang asing tanpa izin itu apabila mereka sendiri pun tidak tahu bahawa ada wujud orang-orang sebegini yang bekerja di tanah tersebut.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya telah pun meneliti Seksyen 51, subseksyen 1 perenggan (d) ini yang mana Jabatan Imigresen selalu bergantung kepada subseksyen itu dan saya rasa jika kes ini dicabar di mahkamah, kemungkinan besar Jabatan Imigresen akan kalah kerana daripada *reading*, dengan izin, Tuan Pengerusi, saya rasa Seksyen 56, subseksyen 1, perenggan (d) ini tidak menepati dalam keadaan sedemikian. Jadi saya harap mungkin pihak kementerian perlu meninjau semula seksyen ini supaya tidak wujud kekeliruan dan juga tidak wujud kes-kes yang mana pemaju-pemaju telah pun teraniaya dalam keadaan ini.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, di bawah Kod 040100 – Khidmat Sokongan di bawah tajuk Pendaftaran Negara. Seperti mana yang kita sedia maklum, Tuan Pengerusi, pendaftaran negara ini adalah satu cabang di mana kita mengumpul dan juga menyelenggarakan rekod-rekod kelahiran, kematian, anak angkat, kad pengenalan dan sebagainya dan termasuklah juga warganegara. Saya rasa ada rentihan-rentihan dalam kawasan saya di mana dikatakan pihak kementerian mengambil masa yang begitu lama sekali untuk memberikan jawapan kepada warga-warga asing bagi permohonan mereka untuk mendapatkan taraf kewarganegaraan negara kita.

Saya tidak faham mengapa ia mengambil masa begitu lama - bertahun-tahun lamanya. Saya tidak tahu sama ada ini adalah disebabkan oleh kekurangan kakitangan ataupun ada alasan lain ataupun semata-mata kerana kerentahan birokrasi sebab kita kena berikan jawapan kepada warga-warga asing ini dengan secepat mungkin supaya mereka boleh merancang kehidupan keluarganya. Apa yang sentiasa

menaikkan darah bukanlah isu penolakan kepada permohonan ini kerana itu adalah hak dan keistimewaan kerajaan kita untuk menolak permohonan tetapi masalahnya ialah bertahun-tahun lamanya orang itu menunggu dan masih tidak ada jawapan lagi – dia tertunggu-tunggu, tidak ada jawapan. Itu yang menaikkan darah mereka.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, di bawah Kod 47000 di bawah tajuk kecil Pengkomputeran dan Kad Pintar. Saya menyahut apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kepong tadi, saya tahu ada ciri-ciri keselamatan dalam kad pintar ini dan baru-baru ini memanglah wujud satu, dua berita yang telah pun disiarkan dalam surat khabar yang menyatakan bahawa disebabkan kad pintar itu telah pun ditiru, ‘*My Kad*’ itu telah pun dijadikan “*His Kad*” ataupun “*Her Kad*” ataupun “*Your Kad*” yang sepatutnya “*MyKad*” tetapi disebabkan ia telah ditiru, ia dijadikan kad orang lain pula.

Saya tahu kementerian sedang mengambil tindakan-tindakan untuk mengatasi masalah ini tetapi saya tidak tahu sama ada pihak kementerian telah pun mengambil tindakan tetapi belum lagi diberitahu kepada Dewan yang mulia ini. Itu sahaja, Tuan Pengerusi, saya menyokong.

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Lipis.

#### **5.06 ptg.**

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertamanya saya hendak bercakap dalam Butiran 01000 – Pengurusan Dasar Hal Ehwal Dalam Negeri.

Tuan Pengerusi, rasa saya pasukan-pasukan hal ehwal dalam negeri sangat mustahak dan mereka memainkan peranan yang penting. Dari aspek keselesaan bekerja juga perlu diambil kira. Jadi saya tidak tahulah di tempat lain tetapi apa yang saya tengok dalam kawasan Parlimen saya, pejabat-pejabat yang diduduki oleh Pejabat Imigresen, Pejabat RELA, Pejabat Pendaftaran mungkin selesa sedikit tetapi Pejabat Imigresen dan Pejabat RELA sangat tidak selesa.

Pejabat RELA mempunyai dua orang staf, seorang pegawai RELA, kata dia ada seorang lagi dan pejabat itu asalnya adalah kaki lima pejabat yang ditutup dan dijadikan pejabat. Jadi rasa saya dari segi moralnya, untuk menaikkan moral pekerja dan menaikkan moral anggota RELA sendiri, rasa saya perlu disediakan pejabat yang lebih selesa dan secara tidak langsung ia dapat menaikkan semangat anggota-anggota dan juga pegawainya untuk terus memberikan perkhidmatan.

Begitu juga dengan Pejabat Imigresen yang mana kedudukannya adalah tersorok, terletak di bawah tangga dan sukar dicari. Bila pergi, rupa-rupanya terletak betul-betul dekat bawah tangga. Saya mula-mula mencari bukannya apa – saya hendak mencari berbagai-bagai pejabat termasuklah pejabat-pejabat lain. Tetapi hari ini saya khususkan kepada RELA sahaja kerana dalam kawasan Parlimen Lipis, bangunannya memanglah bangunan lama tetapi saya percaya kementerian menjaga kebajikan pegawainya dan memastikan pegawainya bekerja dengan lebih baik. Jadi, kalau tidak dapat bangunan yang baru pun mungkin disewa setempat pun tidak mengapa. Maknanya, pejabat-pejabat yang ada kaitannya dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ini diletakkan setempat supaya pertamanya, mudah bagi orang ramai mengenal pasti. Itulah bila disebut sahaja Pejabat Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, ada di situ – ada Pejabat RELA, ada Pejabat Imigresennya. Pejabat Pendaftaran, saya rasa dia menyewa bangunan kedai di bawah – bolehlah, rasa saya cukuplah ruang yang ada setakat ini. Itu yang pertama.

Yang keduanya saya ingin bercakap di bawah perkara P.61 Butiran 04000 – RELA. Yang pertama, bagi saya RELA sekarang ini bila banyak kali digembargemburkan di dalam akhbar tentang peranan dan tugas barunya dan saya yakin anggota-anggota sukarela, RELA ini memang mereka hendak bekerja dan mereka *dedicated* dengan tugas mereka sebab baru-baru ini pun saya sendiri, di tempat saya, kita sama-sama berbincang dan sebagainya. Tetapi apa yang saya lihat mereka ini sebenarnya tidak tahu apa peranan – hendak buat tetapi peranan tidak tahu apa sebenarnya. Jadi mereka *confused* dan kita bimbang nanti takut ada berlaku salah laku dan salah guna kuasa. Ini menyebabkan nanti akan *backfire*, dengan izin, kepada kementerian dan RELA sendiri.

Apa yang saya harapkan di sini ialah taklimat, penjelasan dan sebagainya yang betul harus diberi kepada pegawai dan kepada anggota-anggota RELA ini supaya mereka dapat atau tahu memainkan peranan mereka dengan lebih jelas.

Di samping itu dari segi *uniform* pula, saya berharap pihak kementerian dapat membekalkan *uniform* yang seragam walaupun mereka mungkin tidak dibayar sukarela dan sebagainya tetapi ini untuk menaikkan semangat kerana saya bertanya kepada mereka, apa sebab *uniformnya* tidak seragam. Walaupun dalam bentuk pakaian seragam tetapi tidak seragam. Saya tanya, mereka kata, mereka kena beli sendiri pakaian. Jadi, sudahlah berkhidmat secara sukarela, memberi perkhidmatan

secara sukarela, *uniform* juga mereka terpaksa beli sendiri. Rasa saya, kalau ini dibekalkan, mungkin tidaklah mahal sangat rasanya untuk kalau untuk pihak kementerian membekalkan *uniform* untuk Pasukan RELA ini supaya mereka lebih seragam dan lebih mudah dikenali dan lebih bersemangat untuk bekerja.

Begitu juga dengan yang keduanya, senjata api. Jadi, senjata api, kalau dahulu senapang patah, makin lama makin kurang dan sesetengah pasukan itu sudah tidak ada langsung. Sebenarnya satu daripada kekuatan pasukan RELA ini yang menyebabkan orang minat dan membezakan Pasukan RELA ini dengan pasukan-pasukan sukarela yang lain ialah Pasukan RELA ini mempunyai senjata apinya dalam pasukan mereka. Katakan dalam satu platun itu adalah setidak-tidaknya lima atau enam yang boleh mereka pegang sendiri. Berbeza mungkin dengan pasukan askar wataniah di mana semua senjata api disimpan di dalam pangkalan di pasukan. Itu bezanya.

Tetapi sekarang ini nampaknya semakin berkurangan, semakin hari semakin kurang, ada tempat yang sudah tidak ada langsung, ada platun yang sudah tidak ada langsung senjata api dan ini sudah tidak menjadi, dengan izin, *binding factor* untuk mereka dan menghilangkan semangat. Jadi, dalam pendaftaran ramai anggota RELA....

**Tuan Lau Yeng Peng:** *[Bangun]*

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman:** Ya, sila.

**Tuan Lau Yeng Peng:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Lipis. Selain daripada pakaian seragam dan penggunaan senjata, setujukah jika kementerian mesti memberikan satu program *training* untuk RELA ataupun Rukun Tetangga ini untuk memperkenalkan ataupun mengecamkan dokumen-dokumen penting seperti pasport dan juga surat-surat perjalanan yang sah dan yang mungkin tidak sah. Setuju tidak satu program daripada kementerian untuk memberikan latihan kepada semua anggota RELA ini?

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Puchong, sebenarnya itu sangat perlu dibuat. Jadi kalau kita bagi mereka senjata api, mereka mestilah diberikan latihan cara penggunaan senjata api dan saya rasa ini memang dibuat secara berkala oleh RELA kerana saya juga kadangkala turut serta dalam latihan-latihan mereka kerana saya agak rapat dengan pasukan RELA ini dari segi ini. Jadi, kadang-kadang latihan menembak mereka saya pergi, jadi saya tengok

betapa sedihnya pasukan mereka ini berbanding dengan bila saya pergi ke latihan menembak, menumpang dengan pasukan askar wataniah, katanya.

Jadi, nampak perbezaan yang jelas, yang satu ini sangat menonjol, yang satu ini macam satu pasukan yang hidup segan, mati tidak mahu sedangkan kita hendak menggunakan mereka. Peranan mereka banyak kita hendak pergunakan. Jadi, saya berharap kementerian dapat memerhatikan perkara-perkara ini. Saya rasa ini dapat menaikkan moral mereka untuk bekerja dan seterusnya dapat memberikan imej yang baik kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Oleh itu, saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi:** Kubang Kerian.

#### **5.14 ptg.**

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya mengambil bahagian pada petang ini menyentuh Butiran 01000 dan 010100.

Tuan Pengerusi, saya meminta pandangan daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengenai isu mutakhir yang saya cukup bimbang yang akan melibatkan kerajaan kita di mana saya merasakan bahawa satu dasar yang konkrit perlu diambil sebagai langkah awal untuk kita mengatasi masalah-masalah yang mungkin lahir daripada pergolakan yang berlaku di Selatan Thailand, keengganahan keseluruhan pekerja-pekerja asing kembali ke negara asal mereka sebagai contoh Indonesia dan juga isu berbangkit yang masih tidak selesai mengenai pelarian Rohingya.

Tuan Pengerusi, mengapa saya mengatakan kerajaan perlu mengambil satu sikap dan melihat perkara ini secara proaktif? Kerana saya mengambil contoh, kalaularah baru-baru ini Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di bawah UNDP menganugerahkan negara Sweden sebagai negara yang paling selamat untuk didiami dan kita mendapati sepuluh negara teratas adalah dibolot ataupun dianugerahkan kepada negara-negara di Rantau Scandinavia. Di antara faktornya adalah *regional factors*, dengan izin, ataupun faktor serantau yang kita melihat bahawa Rantau Scandinavia ini adalah merupakan rantau yang berjaya diwujudkan, yang aman, yang dapat rakyat mereka menikmati kehidupan yang baik.

Kalau Malaysia mahu terus aman dan mahu terus maju ke hadapan maka faktor serantau ini mesti diambil kira. Kita tidak boleh bangun bersendirian, kita tidak boleh maju bersendirian tanpa negara-negara jiran kita juga memiliki kestabilan ekonomi dan politik. Maka, dengan ini saya ingin bertanya kepada pihak kementerian,

adakah pihak kementerian bersedia untuk memberikan suaka politik sebagai contoh. Kalau keadaan di Selatan Thailand tidak selesai, keangkuhan Thaksin masih lagi berleluasa dan saya difahamkan bahawa agenda untuk membincangkan Selatan Thailand ditolak dalam Persidangan Kemuncak Ketua-Ketua Negara ASEAN baru-baru ini.

Yang pentingnya yang mesti dilihat dalam isu ini adalah mungkin pelarian ini kalau mungkin berlaku, dan pelarian Rohingya ini adalah berbeza dengan pelarian-pelarian yang lain, yang mungkin statusnya kita boleh sebut sebagai pelarian ekonomi. Pelarian Rohingya adalah merupakan pelarian politik di mana kalau mereka menjadi pelarian dan sekiranya mereka kembali ke tanah air mereka, maka tidak ada pilihan melainkan mereka ini dibunuh.

Jadi oleh itu adakah kita bersedia untuk memberikan suaka politik kerana negara pernah juga ada pengalaman di dalam menyelesaikan isu Kapal Hai Hong satu ketika dahulu. Kita berjaya menjadi *mediator*, kita berjaya menghantar mereka ini ke negara-negara ketiga. Jadi, saya rasa langkah-langkah ini sangat perlu supaya mereka ini atas nama kemanusiaan dapat dibela dengan sewajarnya. Jadi oleh itu saya melihat dengan serius perkara ini dan saya mengharapkan kementerian ini dapat mempertimbangkan langkah-langkah proaktif yang bakal diambil.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya ingin mendapatkan jawapan kalau tidak boleh hari ini, tetapi secara spesifik. Soalan saya adalah, berapakah jumlah kad-kad pengenalan palsu yang dapat dikesan oleh kementerian ini? Berapa jumlahnya kerana pada saya, kad-kad pengenalan palsu ini amat mendatangkan satu ancaman yang sangat serius kepada keselamatan negara.

Sekian Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Tanjong.

#### **5.18 ptg.**

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 04000 – Pendaftaran Negara. Saya ingin menyentuh satu masalah yang dihadapi oleh satu golongan rakyat Malaysia iaitu golongan yang telah menjalani *operation* untuk menukar jantina mereka yang kini menghadapi masalah genting iaitu mereka tidak dapat menukar identiti kejantinaan mereka dalam dokumen-dokumen rasmi seperti kad pengenalan dan sijil kelahiran.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini mahkamah telah memutuskan bahawa mahkamah tidak mempunyai kuasa untuk memberikan penukaran kejantinaan dalam dokumen rasmi dan mahkamah mengesyorkan bahawa Parlimen haruslah meminda undang-undang supaya masalah yang dihadapi oleh seramai 10 ribu rakyat jelata dalam golongan ini boleh dapat diatasi.

Tuan Pengerusi, saya menyeru pihak kementerian untuk memberi perhatian yang serius kepada isu ini kerana sememangnya golongan rakyat ini amat terdesak kerana menghadapi masalah identiti mereka.

Mereka jugalah rakyat Malaysia yang patut menikmati hak sebagai warganegara seperti mana termaktub dalam Perlembagaan Malaysia. Oleh kerana masalah yang timbul adalah kerana Jabatan Pendaftaran tidak boleh menukar dokumen-dokumen rasmi untuk membayangkan identiti mereka selepas menjalani pembedahan menukar jantina mereka. Golongan ini menghadapi pelbagai masalah yang menggugat kehidupan mereka sebagai rakyat dan juga sebagai manusia.

Saya ingin tahu apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh kementerian untuk membantu golongan rakyat ini termasuk untuk membuat undang-undang yang boleh memberi identiti baru kepada golongan yang telah menjalani pembedahan menukar seks.

Butiran 020000 - Pendaftaran Pertubuhan. Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian kementerian tentang satu perkara yang saya pernah bangkitkan melalui soalan lisan di dalam Dewan yang mulia ini, di mana saya ada bertanya kementerian untuk menyatakan sama ada tiap-tiap kumpulan agama perlu mendaftar dengan Pendaftar Pertubuhan sebelum memperolehi hak di bawah Perkara 11(3) Perlembagaan Persekutuan.

Jawapan pada masa itu adalah Perlembagaan Persekutuan menjamin kebebasan rakyat untuk menganut dan mengamalkan agama masing-masing, tetapi kebebasan itu bukanlah satu kebebasan yang mutlak, yang tertakluk kepada undang-undang negara yang berkaitan dengan ketenteraman awam atau akhlak. Oleh yang demikian, tiap-tiap kumpulan agama kecuali agama Islam hendaklah didaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966.

Tuan Pengerusi, saya ingin penjelasan daripada kementerian mengapa tiap-tiap kumpulan agama, kecuali agama Islam hendaklah didaftarkan? Sebelum itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga pernah memberi jawapan kepada soalan saya

bahawa di Malaysia ini memang tidak ada sebarang peruntukan akta yang menyekat kebebasan agama tetapi selepas itu jawapan yang berlainan yang menentukan bahawa kumpulan agama selain daripada agama Islam, perlu mendaftar dengan Pertubuhan sebelum dapat hak di bawah Perkara 11(3) Perlembagaan untuk menganut, mengamalkan dan menguruskan hal-hal agama mereka. Sekian.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya rasa memadailah perbahasan kita.....

**Cik Fong Po Kuan:** Tuan Pengerusi, tidak ramai hendak berucap. Jadi, saya haraplah diberi peluang. Hanya tiga orang sahaja.

**Tuan Lim Hock Seng:** Satu jam lebih untuk satu kementerian.

**Cik Fong Po Kuan:** Jadi, saya harap kita boleh sambung hari Isnin atau lanjutkan mesyuarat 15 minit. Tuan Pengerusi, hanya tiga orang sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Baiklah, Yang Berhormat bagi Bagan.

#### **5.24 ptg.**

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. 040000 – Pendaftaran Negara. Saya membangkitkan di sini, di kawasan saya sahaja ada dua kesilapan nombor kad pengenalan telah diadu kepada saya. Sebenarnya atau sepatutnya seorang perempuan atau jantina perempuan, di akhir nombor ICnya patut *even number*, tetapi dia diberi *odd number*. Saya ambil kedua-dua *particulars* di sini untuk diperhatikan oleh kementerian. Lim Shif Yiin, L.I.M. S.H.I.F. Y.I.I.N. – 850717-07-5327. Ini seorang perempuan tetapi nombor akhirnya iaitu 5327, sebenarnya patut *even number* di belakang tetapi tidak.

Yang lagi satu *MyKad*, namanya Ong Young Gim, O.N.G. Y.O.U.N.G. G.I.M. nombor IC 610701-02-6149, lagi sekali dia bukan *even number*. Lagi teruk lagi di bawah gambar pemilik ini dia berambut panjang, dia ditulis warganegara tetapi di bawah ‘Lelaki’, ini perempuan tetapi dia jadi lelaki. Kedua-dua mereka ini telah pergi ke pejabat untuk minta dibetulkan tetapi kakitangan di pejabat kata tidak dapat diperbetulkan. Jadi, mereka ini menghadapi kesusahan apabila hendak memohon *international passport*. Apabila mereka hendak memohon pasport, kakitangan *Immigration* akan merujuk kepada ICnya dan sekiranya ada kemusykilan maka ia

teragu-ragu untuk memberi pasport. Saya meminta kementerian memberi nasihat atau memberi panduan, kedua-dua pengadu ini, apa perlu mereka buat supaya membetulkan keadaan.

Tuan Pengerusi, ada ramai mengadu bahawa mereka didenda sebanyak RM100 apabila kad mereka telah disediakan oleh pejabat tetapi mereka gagal untuk mengambilnya. Di surat yang diberi itu, ia sebenarnya kata selepas 60 hari mereka perlu membuat pertanyaan, tetapi apabila mereka pergi membuat pertanyaan kakitangan pejabat akan kata belum siap. Jadi, mereka terus tinggal dan mereka datang sekali lagi, tanya, belum siap, tetapi kali yang ketiga mereka pergi, mereka kata, apa fasal tidak mari ambil, sekarang kena denda RM100.

Jadi, saya berharap, kementerian boleh menggubal satu prosedur atau satu cara, langkah-langkah di mana mereka boleh tidak didenda. Saya pastilah kementerian bukan kekurangan wang, kerajaan bukan kekurangan wang dan hendak mengambil kesempatan atau mengambil peluang untuk mendenda rakyat, untuk mendapat lebih sumber. Itu bukan tujuan kerajaan. Saya berharaplah ini boleh diperbetulkan.

Saya merujuk kepada 030000 – Imigresen.

**Tuan Pengerusi:** Cepat sedikit, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Saya...

**Tuan Pengerusi:** Cepat sedikit, ya.

**Tuan Lim Hock Seng:** Saya bersepakat dengan Yang Berhormat bagi Kota Melaka, di mana ramai yang memohon permit masuk atau taraf kerakyatan tetapi mereka tidak dapat jawapan. Di sini ada satu laporan polis di mana seorang warga Indonesia, perempuan, dia sudah memohon 25 tahun tetapi akhirnya suaminya telah meninggal dunia dan beliau diperintah supaya meninggalkan negara ini selepas visanya tamat. Ini menjadi satu perkara. Saya telah menulis kepada Imigresen bertanya berkenaan dua pemohon – kedudukan terkini mereka ini, tetapi Imigresen langsung tidak mahu jawab surat saya.

Saya berharap kalau kementerian Yang Berhormat menghormati Dewan yang mulia ini, menghormati Ahli Yang Berhormat dalam Parlimen ini, maka sebarang pertanyaan dari Ahli Yang Berhormat perlu dijawab sama ada ia ada atau tidak, perlu dapat perhatian dari kementerian Yang Berhormat. Sekian sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Seputeh, saya beri tiga minit sahaja. Sila.

**5.29 ptg.**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada butiran 010000 – Pengurusan Hal Ehwal Dalam Negeri dan 040000 – Pendaftaran Negara.

Tuan Pengerusi, saya juga hendak bangkitkan soalan yang sama, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kubang Kerian tadi tentang apakah keputusan baru kerajaan dalam operasi menghalau balik para pendatang asing tanpa izin ini, tentang isu Rohingya. Adakah mereka ini akan dibebaskan, kalau sekiranya mereka ditangkap dalam operasi itu?

Kedua, saya juga ingin tanya kenapakah kerajaan tidak memberi pengiktirafan kepada para pendatang asing, khususnya *refugee*, ataupun pelarian politik yang diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Jadi, dengan pengiktirafan ini kita boleh juga mencegah mereka daripada melakukan jenayah dan mereka boleh juga menyumbang kepada pembangunan ekonomi di negara kita.

Tuan Pengerusi, saya juga tidak bersetuju dengan undang-undang kita yang memberi kuasa kepada mahkamah untuk menghukum majikan dan mengupah pekerja asing tanpa izin dipenjarakan dan disebat rotan kerana hukuman ini tidak adil kepada mereka. Kementerian haruslah mengkaji sebab-musabab majikan mengupah pekerja asing tanpa izin ini.

Mengikut pengetahuan saya, seseorang majikan syarikat pembinaan ataupun perladangan yang ingin mengupah pekerja asing, seharusnya mendapat kelulusan daripada Pasukan Petugas Khas di bawah Jabatan Perdana Menteri, selepas itu baharulah permohonan mereka dihantar ke Jabatan Imigresen. Proses ini memakan masa yang panjang kerana Pasukan Petugas Khas ini kadang-kadang mengambil masa yang panjang iaitu enam bulan sehingga satu tahun untuk meluluskan permohonan mereka. Kelewatan ini menyebabkan ramai majikan terpaksa memberi rasuah kepada pegawai berkenaan untuk mendapat kelulusan cepat ataupun mengupah pekerja asing tanpa izin untuk mengatasi masalah mereka.

Tuan Pengerusi, kementerian sepatutnya memudahkan prosedur memohon pekerja asing di ladang dan di bidang pembinaan dan disamakan dengan permohonan mengubah pembantu rumah sebagai langkah untuk mengatasi masalah pendatang asing tanpa izin.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyeru pihak kementerian dan pihak media supaya mengelakkan menggunakan perkataan dan slogan yang kurang seronok terhadap pendatang asing tanpa izin kita, kerana banyak kenyataan daripada ahli politik dan juga di media menggunakan ayat dan perkataan yang kelihatan amat merendahkan golongan pendatang asing yang papa miskin yang terpaksa datang ke negara kita untuk mencari nafkah.

Kita seharusnya menunjukkan penghormatan kepada mereka kerana mereka telah pun menyumbang kepada ekonomi kita khususnya di bidang SMI, sektor pembinaan dan sektor perladangan. Kita juga sepatutnya berterima kasih kepada para pendatang asing ini semasa kita menggalakkan mereka balik ke tanah air mereka.

Jadi, saya rasa kerajaan sepatutnya membentulkan masalah yang wujud dalam sistem pengupahan pekerjaan asing sekarang yang melibatkan pihak Imigresen, ejen pengupahan pekerja asing, pegawai polis dan sebagainya dan bukan hanya bertumpu kepada penangkapan pekerja asing tanpa izin sahaja.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya hanya menyentuh sedikit tentang MyKad. Kenapakah kerajaan sekarang menghendaki para pemegang MyKad untuk menukar kad mereka sekali lagi dengan alasan *memory card SIM* mereka tidak cukup iaitu ia harus diupgrade daripada 16 megabait ke 64 megabait? Bukankah ini satu bentuk penyeksaan kepada rakyat jelata kerana kita terpaksa membuang masa di Jabatan Pendaftaran Negara dan membayar RM20 untuk permohonan MyKad yang baru.

Sehubungan dengan itu, saya juga rasa kemasukan lesen pemandu dalam MyKad itu adalah amat tidak praktikal, kerana sehingga hari ini kebanyakan pegawai polis memang tidak membawa alat pembaca MyKad. Sehingga sekarang banyak juga pihak polis yang mengeluarkan saman kepada mereka yang tidak membawa lesen memandu mereka. Jadi, saya rasa kedua-dua ini haruslah dipisahkan untuk kemudahan kerja pegawai polis kita. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kita hentikan perbahasan mengenai tajuk ini sekarang.

**Cik Fong Po Kuan:** Tuan Pengerusi, .....

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

**Seorang Ahli:** Hari Isnin boleh sambung.

**Cik Fong Po Kuan:** Tuan Pengerusi, sambung pada hari Isnin atau bagaimana, ya? Pohon penjelasan.

**Seorang Ahli:** ....sudah tutup.

**Tuan Pengerusi :** Sudah cukup Ahli-ahli yang berbahas mengenai tajuk ini.

**Majlis Mesyuarat bersidang semula.**

**Cik Fong Po Kuan:** [Menyampuk]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Isnin 6 Disember 2004.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.34 petang***